



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

MENGGANGKAT SUMPAAH:

- Y.B Dato' Sri Empiang Jabu (Halaman 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Mengalu-alukan Ahli Baru (Halaman 1)
- Memperkenalkan Akta-Akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 2)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 3)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Halaman 24)
(Pindaan dan Perluasan) 2007
- Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007 (Halaman 30)
- Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006 (Halaman 51)
- Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan) 2007 (Halaman 65)
- Rang Undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Halaman 73)
(Sarawak) (Pemansuhan) 2007

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – *T.M di JPM*
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik) (LS)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor) (PS)
21. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis) (LS)
22. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik) (LS)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL) (LS)
29. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
30. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
33. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. “ Puan Mumtaz binti Md Nawli (Kelantan)
35. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)

37. Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik) (LS)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua* (LS)
41. “ Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik) (LS)
44. “ K. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
47. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
50. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
51. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (PS)
52. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik) (LS)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/Perlis Eam (Perlis) (LS)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik) (LS)
56. “ Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato' S. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik) – *SUP* (LS)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis) (PS)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik) (LS)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (PS)
65. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah) (PS)
66. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Leela binti Sahad
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri
Nurul Shahida binti Haji Ahmad
Siti Khadijah binti Md Nor
Nooruanizam binti Nasir
Meraliti binti Mamat

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Rabu, 11 Julai 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya turut bersama Ahli-ahli Yang Berhormat mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu yang sebentar tadi dipilih dan mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara, penggal yang kedua.

Yang Berhormat mewakili satu bahagian besar dari tiga komponen besar negara bersekutu 13 buah negeri-negeri yang kita sama-sama cintai dan taati ini. Sebagai Ahli yang menganggotai Dewan bagi penggal yang kedua, saya percaya Yang Berhormat tentu sedar terhadap peranan Dewan Negara yang diberi oleh Perlembagaan dalam menegakkan dan memperjuangkan unsur-unsur terbaik dalam konsep *federalisme* ataupun negara bersekutu dan saya percaya Yang Berhormat akan dapat memainkan peranan dengan cemerlang. Syabas dan tahniah saya ucapkan. Terima kasih.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2006) 2007

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"10 Julai 2007

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007;
2. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007;
3. Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006;
4. Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan) 2007;
5. Rang Undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007;
6. Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007;
7. Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007;
8. Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007;
9. Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007;
10. Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007;
11. Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007;
12. Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007;
13. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007;
14. Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007;
15. Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007;
16. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007;
17. Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007;
18. Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2007;
19. Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2007;
20. Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007;
21. Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2007; dan
22. Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 2007.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini juga.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato’ Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, sejauh manakah Terowong SMART dapat menyelesaikan masalah banjir kilat dan kesesakan lalu lintas di ibu negara Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato’ Sazmi bin Miah]: Terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan Soalan Lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Wan Nordin bin Che Murat pada 11 Julai 2007 dan Yang Berhormat Senator Datuk Lee Chong Meng pada 12 Julai 2007.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato’ Sazmi bin Miah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan projek SMART di bawah Projek Tebatan Banjir Kuala Lumpur Pakej ‘A’ adalah untuk menyelesaikan masalah banjir di pusat bandar raya Kuala Lumpur yang disebabkan oleh limpahan air Sungai Klang dan Sungai Ampang pada masa kekerapan hujan yang tinggi.

Apabila projek SMART ini beroperasi, ia akan mengawal dan menghadkan kadar aliran air hujan di sungai-sungai tersebut yang melalui pusat bandar raya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, projek SMART sahaja tidak akan menghapuskan semua banjir kilat di Wilayah Persekutuan, misalnya banjir-banjir kilat yang kecil yang disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak sempurna ataupun sampah sarap yang berada di dalamnya.

Dalam keadaan hujan lebat yang berlaku di Sungai Gombak pula Lencongan Gombak yang sedang dibina akan dibuka pada akhir tahun ini untuk menyalurkan air ke Kolam Takungan Batu yang dapat menampung kuantiti sehingga 4.0 juta meter padu dan air ini akan dilepaskan semula ke Sungai Batu dan seterusnya Sungai Gombak secara terkawal.

Seperti mana dengan SMART adanya projek lencongan ini, kuantiti air dari Sungai Gombak yang masuk ke pusat bandar akan dapat dihadkan. Selain berfungsi untuk menyalurkan air banjir, Terowong SMART juga dilengkapi dengan dua *deck* laluan *traffic motor way*, dengan izin, sepanjang tiga kilometer dengan sistem keselamatan yang terkini bagi menjamin keselamatan pengguna.

Laluan trafik ini merupakan alternatif bagi mengurangkan kesesakan kepada pengguna jalan raya khususnya dari arah selatan iaitu di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban ke Pusat Bandaraya iaitu di Jalan Tun Razak dan Jalan Sultan Ismail dan dari pusat bandar menghala ke selatan dan berupaya menyelesaikan sebahagian masalah kesesakan lalu lintas di ibu negara Kuala Lumpur. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan benarkan pertanyaan dari Dato' Haji Kamarudin, kemudian Datuk Dr. Lee Chong Meng dan disebabkan Senator Wan Nordin tidak hadir, seorang lagi ialah Lee Sing Chooi.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah Yang Berhormat sedar ketika ini selepas pembinaan SMART *Tunnel*, laluan yang dahulunya pergi ke Kampung Pandan ada dua *lane*. Sekarang ini SMART *Tunnel* sudah ambil, jadi sudah tinggal satu *lane*.

Masalahnya kesesakan lalu lintas ini dari simpang SMART *Tunnel* itu hingga ke *Crown Princess*. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengorek daripada SMART *Tunnel* itu ke Kampung Pandan?

Seperkara lagi mengenai dengan jalan keluar daripada SMART *Tunnel* itu, dia keluar di simpang *Highway PLUS* itu di mana tempat itu tempat yang sesak, banyak simpang pergi ke Seputeh, ke PJ dan sebagainya. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memanjangkan SMART *Tunnel* itu sehingga sampai ke simpang Sri Petaling. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya apabila kita membina dan membuat perancangan berkenaan dengan SMART *Tunnel* ini banyak kesesakan lalu lintas yang diambil kira. Walau bagaimanapun, oleh kerana ini hanyalah jangkaan dan apa yang berlaku sebenarnya di tapak selepas pembinaan tersebut kita akan kaji semula.

Kita akan memanjangkan terowong ataupun membuat laluan alternatif dan sebagainya itu saya tidak berani nyatakan di sini tetapi kita akan cuba membuat kajian lanjut berkenaan dengan kesesakan yang berlaku keluar daripada Kuala Lumpur. Sebabnya dahulu, kita kira yang masuk ke Kuala Lumpur. Saya akan sampaikan ini kepada pihak-pihak yang berkenaan termasuk JKR dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sedar sebahagian besar pertanyaan tambahan itu adalah melibatkan tanggungjawab kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya berterima kasih di atas jawapan tambahan. Silakan Datuk Dr. Lee Chong Meng.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa Bandaraya Kuala Lumpur adalah di kuala sungai. Kuala Lumpur ada Sungai Kerayong, Sungai Gombak dan Sungai Klang. Kita telah membelanjakan RM2 bilion untuk SMART *Project* ini dan kalau kita tidak yakin bahawa projek ini akan menyelesaikan masalah banjir kilat di Kuala Lumpur, adakah kementerian bercadang untuk membuat SMART yang kedua dan sekali gus menyelesaikan masalah banjir kilat di Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya memang kita yakin dan kita tahu kita tidak dapat menyelesaikan semua masalah banjir kilat di Kuala Lumpur tetapi apabila kita membina SMART *Tunnel* ini kita tahu kita hanya boleh mengurangkan sebanyak 40%. Maksudnya sekiranya pada banjir yang lepas baru-baru ini di Dataran Merdeka, air naik sehingga satu meter, maksudnya sekiranya SMART *Tunnel* beroperasi pada masa tersebut, air akan naik juga, tetapi dalam 60 cm sahaja bukannya 1,000 milimeter yang ada di kawasan Masjid Jamek dan sebagainya.

Maksudnya apabila saya bercakap pasal Sungai Gombak tadi, sebahagian daripada yang sebelah barat Kuala Lumpur iaitu Sungai Gombak, Sungai Jinjang, Sungai Batu dan sebagainya yang kini masih belum selesai. Yang ini kita ada kolam-kolam takungan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam pembinaan, dan insya-Allah akan menyelesaikan sebahagian lagi, maksudnya 60% lagi.

Kita tidak perlulah lencongan baru sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita hanya memerlukan kolam-kolam takungan yang masih dalam pembinaan. Seperti yang saya cakapkan tadi 100% hendak selesaikan masalah banjir kilat ini memang tidak boleh. Itu sebab kadang-kadang sistem perparitan di dalam bandar itu sendiri yang menyebabkan banjir-banjir tersebut seperti longkang tersumbat dan sebagainya, bukannya limpahan air sungai.

Yang kita bercakap sekarang ini ialah berkenaan dengan limpahan air sungai. Apabila hujan terlalu lebat dalam keadaan yang luar biasa, air sungai berlebihan menyebabkan banjir yang besar. Itu yang kita cuba selesaikan dulu tetapi jika hujan lebat, longkang tersumbat, itu di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kita pun membantu mereka untuk mengalirkan air-air longkang tersebut ke sungai-sungai yang masih belum melimpah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tukar fikiran sebab Tuan Lee Sing Chooi ada pertanyaan selepas ini. Saya jemput Dato' Shamsiah.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Soalannya sama, Tuan Yang di-Pertua. Sudah dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Memang tugas saya tidak bagi Ahli-ahli mana memonopoli masa Dewan. Dr. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah oleh kerana Terowong SMART ini dikatakan tidak akan dapat menyelesaikan masalah banjir kilat, jadi apakah kerajaan akan meneruskan pembinaan Terowong SMART kedua daripada PWTC ke Brickfields ini. Apakah ada cadangan untuk membuat terusan di Lembah Klang yang dihalakan ke Selat Melaka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu sudah terjawab tadi.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih. Buat masa ini memang kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebuah lagi Terowong SMART atau terusan, sebab sebenarnya apa yang kita rancang mengenai tebatan banjir Kuala Lumpur ini telah dilakukan sejak daripada tahun 1970 lagi. Cuma kadang-kadang, kita tidak mempunyai kewangan yang cukup, sebab itulah ia dibuat dengan secara berperingkat-peringkat tetapi insya-Allah pada akhir tahun ini, dengan siapnya kolam takungan dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah banjir kilat dengan hujan yang berlebihan di Kuala Lumpur, ini dapat diselesaikan walaupun dengan tidak secara 100%. Terima kasih.

2. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah tuntutan gaji minimum dari kesatuan-kesatuan pekerja, faktor-faktor penimbangan dan keputusan kerajaan atas tuntutan tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, kesatuan-kesatuan sekerja meminta kerajaan menetapkan gaji minimum sebanyak RM900 dan elaun sara hidup (COLA) sebanyak RM300 sebulan. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan berpendapat bahawa satu penetapan kadar gaji minimum kebangsaan pada masa ini adalah kurang wajar. Ini kerana ia akan memberi kesan kepada peningkatan kos menjalankan perniagaan di Malaysia dan seterusnya akan menjejaskan daya saing negara dalam usaha menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia dan mengekalkan pelabur-pelabur yang sedia ada. Kedudukan daya saing negara yang berada di kedudukan ke-26 di persada dunia pada tahun 2006, perlu diperbaiki dan elemen-elemen peningkatan kos tanpa peningkatan produktiviti perlu dielakkan.

Penetapan gaji minimum yang tinggi akan meningkatkan kos pengeluaran dan boleh merendahkan motivasi pekerja untuk meningkatkan produktiviti mereka. Jika ini berlaku, ia akan mengurangkan keuntungan syarikat dan membatasi keupayaan majikan untuk mengembangkan perniagaan mereka dan seterusnya akan mengurangkan perwujudan peluang-peluang pekerjaan yang baru. Sehubungan dengan itu, kerajaan menggalakkan majikan dan pekerja mengguna pakai sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti supaya peningkatan gaji pekerja selaras dengan peningkatan produktiviti mereka. Namun bagi sektor-sektor tertentu yang difikirkan memerlukan satu mekanisme untuk mengawal kadar gaji minimum itu sektor yang mudah terjejas, Akta Majlis Penetapan Gaji bagi tujuan pengkajian ke atas kumpulan berkenaan. Terima kasih

Tuan Lee Sing Chooi: *[Bangun]*

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi, Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin, kemudian Dato' Tajul Urus.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, untuk tuntutan itu, apakah usaha-usaha lanjutan kementerian untuk menangani tuntutan itu dan juga...

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

Tuan Lee Sing Chooi: ...dan juga ke arah manakah jalan pertengahan yang diambil oleh kementerian dengan kesatuan-kesatuan pekerja itu untuk menghasilkan keadaan penyelesaian yang menang-menang? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dengan pihak kesatuan-kesatuan sekerja, kita sentiasa membukakan perundingan. Bukan di akhir-akhir ini malah boleh dikatakan saban waktu secara berkala diadakan. Kita mengharapkan kesatuan-kesatuan sekerja ini terutama MTUC terus berunding dengan kita maknanya pintu perundingan itu tidak kita tutup, dibuka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, minta Yang Berhormat berikan penjelasan terhadap pandangan pihak MTUC yang berpiket menuntut gaji minimum. Apakah relevannya dan kenapa pihak kerajaan tidak dapat melaksanakannya? Apakah ada sistem upah gaji yang lebih praktikal dan adakah juga ada mana-mana negara yang boleh kita jadikan contoh? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita tidak dapat melaksanakan tuntutan ataupun permintaan MTUC itu, kerana MTUC meminta supaya gaji minimum dikenakan kepada semua sektor swasta dan ini tidak wajar sama sekali kerana apabila kita ingin melaksanakan sesuatu penetapan gaji secara minimum, kita juga melihat faktor-faktor yang lain.

Pertama, keupayaan majikan itu sendiri. Kalau majikan itu, majikan yang kecil, yang baru, memang tidak wajar kita tetapkan gaji minimum. Begitu juga ada setengah majikan yang bersifat persendirian, umpamanya majikan yang menggaji amah tidak logik kita hendak bagi gaji RM1,200 kepada semua mereka yang dikatakan amah kerana gaji yang ada sekarang RM500 ataupun RM600, sudah wajar kerana mereka juga mendapat tempat tinggal, makan minum percuma dan sebagainya.

Begitu juga hari ini belum lagi kita tetapkan gaji minimum, sudah terdapat kira-kira 335 syarikat gulung tikar disebabkan kos pengeluaran dan juga kos gaji yang begitu tinggi. Kalau penetapan gaji ini dikenakan, saya fikir dan kita lihat akan banyak lagi majikan-majikan yang akan berhenti. Begitu juga, keupayaan pekerja juga perlu menjadi faktor kedua pentingnya. Kalau itu baru, pekerja itu tidak mampu, maka ianya tidak wajar untuk kita berikan satu bentuk gaji minimum. Begitu juga kepada pekerja asing. Pekerja asing di negara kita ada lebih kurang 1.92 juta dan dijangka mencecah lebih daripada 2 juta. Kalau diberikan mereka gaji yang minimum sebanyak RM1,200, banyak majikan sama ada yang tempatan mahupun yang luar negara yang melabur di sini akan tutup. Malaysia akan menjadi tempat longgokan pekerja-pekerja asing di negara itu sendiri.

Begitu juga kepada pelabur-pelabur baru. Kalau sekiranya kita kenakan gaji minimum, saya fikir pelabur-pelabur tidak datang. Malah pelabur-pelabur yang lama pun akan balik ke negara masing-masing dan memilih negara-negara lain untuk melabur. Oleh itu, apabila ini berlaku akan menyebabkan peluang-peluang pekerjaan bagi pekerja-pekerja negara ini akan terbatas dan seterusnya akan menyebabkan peluang-peluang pekerjaan akan menjadi kecil dan juga sempit dan ini akan merugikan rakyat negara ini sendiri.

Itu di antara faktor-faktor yang saya sebutkan di sini. Namun, kita juga telah mengenakan beberapa perkara lain iaitu sebagaimana yang ditanya tadi, iaitu sistem upah. Sistem upah yang kita buat, yang kita guna pakai sekarang ini adalah berdasarkan kepada pekerjaan, iaitu terdapat negara-negara yang meletakkan gaji minimum berdasarkan

kategori pekerjaan seperti Benin, Bulgaria, Burkina Faso, Chile, Croatia, Cyprus, El Salvador, Guyana, Portugal, St. Lucia, Sudan dan Malaysia sendiri.

Akan tetapi kalau kita melihat secara keseluruhan dunia pada hari ini, terdapat kategori-kategori yang berlainan. Terdapat 15 kategori upah yang diberikan. Umpamanya kita lihat, ada 45 negara, gaji minimum dibuat secara total tanpa syarat. Kedua terdapat gaji minimum, faedah lain seperti berdasarkan kepada makan tengah hari, pengangkutan, elaun, elaun rumah, beras dan juga kesihatan.

Terdapat juga negara yang memberi gaji upah berdasarkan kepada umur. Ada tiga negara seperti Belgium, Chile, Lithuania.

Terdapat juga negara yang mengikut industri, ada 10 negara seperti Cambodia, Central Afrika, East Timor, Madagascar, Morocco, Mozambique, Nicaragua, Niger, Nigeria dan Western Sahara.

Terdapat juga negara yang berdasarkan kepada gaji minimum pada swasta dan kerajaan. Iaitu enam negara sahaja seperti Ethiopia, Georgia, Kuwait, Cordova, Mongolia dan Myanmar.

Terdapat juga negara yang berdasarkan kepada pekerjaan kerajaan sahaja, ia tidak diberikan kepada swasta pun, enam negara seperti Cape Verde, Eritrea, 'Sao Titania', Sao Tome and Principe, Seychelles dan Turkmenistan.

Terdapat juga negara yang memberikan gaji kepada pekerja-pekerja swasta *former* sahaja, tiga negara iaitu Paraguay, Sierra, dan Tanzania...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat kepelbagaian formula gaji minimum sudah jelas.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sudah jelas. Sampai sini sahaja atau...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh beri peluang kepada yang lain. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sampai di sini sahaja atau hendak dihabiskan sedikit lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri peluang

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, beri peluang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Tajul Urus

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada soalan saya telah dijawab dan saya kemukakan soalan tambahan yang berikut. Yang Berhormat, iaitu adakah setelah kita mencapai negara maju tahun 2020, barulah Malaysia berupaya untuk melaksanakan gaji minimum.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya tidak berapa setuju sebab bukan semua negara maju dalam dunia memberikan gaji minimum. Ada juga negara maju tidak berikan gaji minimum, malah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bersetuju secara peribadi atau kerajaan tidak bersetuju? Jangan lupa Yang Berhormat bercakap bagi pihak kerajaan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya bagi pihak kerajaan. "Saya" itu, maknanya bagi pihak kerajaan... *[Ketawa]*

Sebab ada sesetengah negara walaupun maju memang tidak memberikan gaji minimum secara bulanan. Contoh Amerika Syarikat, hanya beri gaji mengikut jam. Ataupun Britain, ataupun Australia hanya beri ikut jam, tidak beri ikut bulanan. Kerajaan Malaysia meletakkan gaji minimum mengikut acuan dan keperluan negara ini sendiri. Kalau sekiranya penetapan gaji minimum itu boleh mengakibatkan kedudukan ekonomi negara terjejas, kerajaan tidak akan laksanakan. Sekiranya gaji minimum itu berasas dan perlu, kita tetapkan, tidak perlu MTUC hendak minta.

Umpamanya kita telah meletakkan gaji minimum pada lima kategori semenjak tahun 1947 lagi dan MTUC belum lagi wujud. Umpamanya sektor pembantu kedai, pekerja pawagam, pekerja hotel dan katering, pengendali kargo. Sekarang ini dalam tujuh lagi perundingan, satu pembantu klinik untuk Semenanjung dan Sabah.

Kedua, pengawal keselamatan Sabah, Sarawak, Semenanjung dan ketiga, pekerja am kebun, Sabah dan Sarawak.

Semuanya telah melibatkan pemberian gaji minimum kepada kira-kira 1.5 juta pekerja. Dalam kajian kita, insya-Allah penempatan akan dibuat kepada sektor industri kecil dan juga sederhana. Ini kerajaan memang memandang berat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, gambaran sudah jelas. Tuan Rawisandran Narayanan.

3. Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, berapakah jumlah pelajar yang layak ke kursus kritikal di IPTA dari jurusan matrikulasi dan STPM, dalam sesi pengambilan tahun 2007.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan Tuan Rawisandran a/l Narayanan pada 18 Julai, 2007 kerana kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Dato' Ong Tee Keat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus kritikal telah ditakrifkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah dirujuk kepada program-program pengajian yang kompetitif ataupun yang penuh persaingan. Antara bidang pengajian kompetitif yang dimaksudkan termasuk perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan kimia, kejuruteraan mekanikal, undang-undang dan perakaunan.

Pada sesi akademik tahun 2007/2008 seramai 68,110 orang calon lepas STPM, matrikulasi ataupun asasi telah memohon untuk mengikuti program Ijazah Pertama. Dari bilangan ini, seramai 53,400 calon telah mencapai kelayakan minimum iaitu nilai PNGK ataupun CGPA 2.0 ke atas serta memenuhi syarat-syarat khas bagi program yang berkenaan. Daripada 40,116 tempat yang telah ditawarkan, seramai 6,520 orang calon telah diberi tawaran untuk mengikuti program pengajian kompetitif. Butirannya adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM PENGAJIAN	JUMLAH CALON
1.	Perubatan	925
2.	Pergigian	205
3.	Farmasi	280
4.	Kejuruteraan Elektronik	1,600
5.	Kejuruteraan Mekanikal Kimia	873
6.	Kejuruteraan Mekanikal	1,384
7.	Undang-undang	305

8.	Perakaunan	948
	JUMLAH	6,520

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Rawisandran dan kemudian Tuan Muthusamy. Sementara itu saya minta Setiausaha Dewan supaya ambil perhatian agar dipindahkan barisan belakang ini terus ke sana sebab saya tidak nampak di hujung ini selalu, dan jangan timbul anggapan saya pilih kasih. Silakan.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak Kementerian Pengajian Tinggi mewujudkan satu garis panduan yang boleh menjadi pedoman untuk para pemohon IPTA-IPTA ini untuk memilih kursus yang sesuai dengan keputusan mereka? Terima kasih.

Dato' Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Rawi, suka saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa sesungguhnya pihak kementerian tetap menyediakan apa yang disoal itu iaitu standard minimum ini telah pun saya sebutkan tadi dalam jawapan saya dan juga untuk permohonan bagi memasuki IPTA pun setiap tahun, garis panduan itu cukup menyeluruh. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Muthusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, nama saya Munusamy.

Tuan Yang di-Pertua: Munusamy, minta maaf.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan mempunyai angka-angka mengikut keturunan bagi kursus-kursus kritikal bagi tahun 2007?

Satu soalan tambahan lagi, adalah memandangkan ramai ibu bapa dan masyarakat umum tidak begitu berpuas hati terhadap dua sistem yang diamalkan untuk memasuki ke IPTA, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem pengambilan ke IPTA ini? Terima kasih.

Dato' Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Munusamy, yang pertama suka saya maklumkan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa mengikut perangkaan yang ada pada saya, pengambilan pelajar-pelajar bumiputera, juga kelapan-lapan bidang pengajian kritikal yang dimaksudkan, mencecah 3,960 orang bagi sesi 2007/2008 ini, bersamaan dengan 60.7%. Sedangkan bagi kaum Cina jumlahnya adalah 2,246 orang bersamaan 34.4% dan kaum India 314 orang bersamaan 4.82%.

Yang Berhormat juga menyoal tentang kewajaran kita mewujudkan atau kita mengikut sistem di mana terdapat dua aliran dan di mana kita ambil pelajar-pelajar kita ke IPTA. Suka saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa, sejak tahun 2002/2003, sejak adanya ataupun sejak mulanya kita amalkan meritokrasi maka prinsip *diversity and comparability* dengan izin, ataupun dalam bahasa Malaysia kepelbagaian dan keserataan telah pun dipatuhi dan diamalkan. Ini pun bukanlah satu-satunya yang unik di bumi Malaysia saja. Sesungguhnya di negara-negara yang lebih maju umpamanya, di United Kingdom dan juga di Australia, terdapat juga pengambilan pelajar-pelajar ke universiti ini dari pelbagai sumber ataupun pelbagai aliran.

Sedemikian juga apa yang kita amalkan di sini iaitu pengambilan pelajar kita dari SPM, STPM, Asasi dan matrikulasi. Minta maaf dari STPM dan matrikulasi, sebenarnya ianya juga diterima di universiti-universiti di United Kingdom dan Australia. Maka, apa yang dibangkitkan itu saya rasa tidak patut dipersoalkan ataupun tidak patut dipertikaikan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekali lagi saya minta maaf Tuan Munusamy dan 'Muthusamy'. Saya pula ada pertanyaan tambahan, apa kelainan Munusamy dengan Muthusamy dari segi maknanya?

Tuan M. Munusamy: Tuan Yang di-Pertua, Muthusamy adalah nama yang menyebutkan satu perkara ataupun satu benda yang lain. Muthu ertinya *perl* dalam bahasa Tamil, tetapi bila kata Munusamy ertinya adalah tiga kategori yang diamalkan dalam agama Hindhu iaitu *deity* bagi untuk Shiva, *lord Shiva*, *lord Krishna* dan juga *lord Vishnu*.

4. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, sejauh mana benarnya laporan Kerajaan Amerika Syarikat bahawa Malaysia tidak prihatin tentang penyeludupan orang dan sejauh mana pula dapat diharapkan Akta Antipemerdagangan Orang dalam menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Rashid Ngah yang telah mengemukakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh tiga Yang Berhormat lain. Yang pertama Tuan Lee Chee Keong pada 18 Julai 2007; yang kedua, Puan Heng Seai Kie pada 19 Julai 2007; dan yang ketiga, Tuan Fatanah bin Dato' Haji Ahmad pada 23 Julai 2007.

Tuan Yang di-Pertua: Yang keduanya Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Puan Heng Seai Ki..., Seai Kie, saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, saya benarkan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya. Tuan Yang di-Pertua, laporan daripada Kerajaan Amerika Syarikat yang bertajuk *Trafficking in Personal Report June 2007, Department of State United States of America* telah meletakkan Malaysia di *tier* ketiga, di mana digambarkan Malaysia tidak prihatin terhadap isu pemerdagangan orang, dari aspek pelaksanaan penguatkuasaan dan perlindungan mangsa. Kenyataan yang digambarkan ini adalah tidak benar sama sekali.

Negara kita pada ketika ini telah menggubal Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 yang cukup komprehensif yang meliputi semua aspek, seperti penguatkuasaan yang melibatkan hukuman yang berat terhadap mereka yang terlibat dalam perdagangan orang dan aspek perlindungan mangsa dan saksi perdagangan orang. Pada ketika ini, Akta Antipemerdagangan Orang 2007, di dalam proses pewartaan sebelum dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah dipertanggungjawabkan sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007. Satu Majlis bagi anti pemerdagangan orang yang diwujudkan selaras dengan peruntukan akta yang dipengerusikan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, dan dianggotai oleh 13 kementerian dan agensi serta badan-badan berkanun dan NGO. Pada ketika ini, pihak PDRM telah bertindak tegas terhadap mereka yang terlibat dengan kesalahan perdagangan orang seperti pelacuran sama ada dituduh di mahkamah atau diambil tindakan di bawah Ordinan Darurat.

Tuan Yang di-Pertua, statistik pelacuran atau orang asing yang ditangkap sejak daripada tahun 2003 sehingga 2007 adalah seperti berikut:

- (i) pada tahun 2003, seramai 5,870 orang telah ditangkap di mana warganegara yang paling tinggi ialah warganegara Indonesia iaitu seramai 2,000 lebih diikuti oleh negeri China dan Thailand; dan
- (ii) pada tahun 2004, seramai 5,783 orang telah ditangkap. Warganegara negara yang paling tinggi ialah masih Indonesia, China dan diikuti oleh Thailand, Filipina dan Vietnam.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna hendak dikatakan Malaysia tidak prihatin itu tidak betullah, sebab baru-baru ini sahaja diluluskan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007. Kalau kita tidak prihatin masakan kita akan buat undang-undang khas, adakah itu yang maksud Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya, dari statistik ini tidak payah saya bacalah kerana banyak. Sebenarnya kita memang prihatin dan dari tahun 2005 sehingga tahun 2007, warganegara yang paling banyak kena tangkap yang didapati terlibat dalam pelacuran ialah warganegara China sekarang ini dan diikuti oleh Indonesia, Thailand dan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Tuan Fatanah dan Tuan Lee Chee Keong.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekiranya laporan daripada Amerika Syarikat tidak benar, apakah benar laporan daripada pihak polis di Malaysia sendiri mengatakan bahawa ada kereta-kereta mewah yang diseludupkan ke luar negara untuk membiayai pengganas. Adakah perkara ini benar? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Dia lari jauh.

Tuan Yang di-Pertua: *[Menyampuk]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Lari jauh, tetapi bagaimana pun dalam jawapan saya di Dewan Rakyat semalam, saya akan berjumpa dengan Pengarah Siasatan Jenayah untuk mendapat keterangan yang lebih lanjut berkenaan dengan perkara yang dimaksudkannya. Kalau saya jawab benda yang tidak betul susah juga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Fatanah.

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: Saya ingin bertanya, apakah langkah yang telah dibuat oleh kerajaan bagi memperbetulkan laporan yang dibuat oleh Amerika Syarikat. Bagi membersihkan balik imej Malaysia.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya benda ini telah berlaku seketika yang lepas. Benda ini telah dijawab oleh Kementerian Luar Negeri mengenai tuduhan yang dibuat oleh Amerika itu ialah tuduhan yang tidak berasas. Perkara ini telah diselesaikan oleh Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memandangkan begitu negatif pandangan mata dunia terhadap isu ini, saya ingin tahu apakah aspek yang paling lemah, paling kurang pada pandangan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh ungkapkan semula.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Maksud dia macam mana?

Tuan Lee Chee Keong: Maksud saya, pasti kita ada kelemahan kita. Ada bidang-bidang yang kita paling kurang berkesan dalam menangani masalah ini. Apakah bidang-bidang yang dimaksudkan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya rasa benda ini terlalu luas. Walau bagaimanapun saya rasa kita tidak hendak kata kelemahan. Apa-apa pun tetap ada kelemahan dia. Kita membaharui daripada semasa ke semasa. Sebab itu kita gubal undang-undang yang baru-baru diluluskan oleh Parlimen untuk memperketat apa yang kita kurang selama ini. Sebab itu kementerian kalau kita lihat daripada penubuhan majlis itu melibatkan kementerian-kementerian lain. Selain daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, ada 13 kementerian lain yang terlibat sama dalam tujuan untuk kita memerangi perdagangan manusia ini.

Buat seketika ini ada beberapa peraturan, iaitu seperti kita menguatkuasakan beberapa peraturan dan melibatkan agensi-agensi lain dalam segi pengubahsuaian ini, RELA juga terlibat dalam untuk mengesan PATI, dan juga orang-orang asing di negara kita

yang terlibat dengan berbagai-bagai jenayah. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa, kita sedang memperbaikilah. Terima kasih.

5. **Dato' Rhina Bhar** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk meletakkan syarat mandatori bagi menggunakan cap ibu jari ke atas semua dokumen perundangan berkenaan pindah milik harta terutamanya tanah untuk mengelakkan *fraud*.

Dato' Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan masih lagi belum bercadang untuk meletakkan syarat mandatori bagi menggunakan cap ibu jari ke atas semua dokumen perundangan berkenaan pindah milik harta, terutamanya tanah untuk mengelakkan penipuan atau *fraud* dengan izin, kerana penggunaan cap ibu jari merupakan salah satu kaedah pengesahan penyempurnaan dokumen selain daripada tandatangan, selaras dengan seksyen 211(1) Kanun Tanah Negara. Kedua-dua kaedah tersebut dibuat di hadapan Pentadbir Tanah ataupun peguam. Walaupun begitu, dalam era ICT ini penggunaan cap ibu jari amat digalakkan supaya jenayah penipuan atau *fraud* tadi dapat dielakkan. Oleh itu, kerajaan-kerajaan negeri amat digalakkan menggunakan cap ibu jari sesuai dengan era ICT ini dan kita ambil maklum akan cadangan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Maijol dan kemudian Puan Mumtaz.

Tuan Maijol bin Mahap: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, adakah penipuan atau *fraud* ini sangat serius di Malaysia ini sampai kita dapat tahu bahawa memang perkara ini berlaku. Adakah serius sangat?

Dato' Sazmi bin Miah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi tahap keseriusan itu tidaklah begitu serius. Sebab penipuan yang kita dapati kebanyakan seperti di kawasan-kawasan utama, Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Johor, penipuan-penipuan biasa iaitu penipuan dari segi dokumen-dokumen seperti kad-kad pengenalan, surat-surat wakil kuasa, peguam dan sebagainya. Ini yang kita tidak boleh *verify* di pejabat kita, sebab kita bukan agensi hendak tahu kad pengenalan itu palsu atau tidak. Ini masalah kita. Maksudnya penipuan-penipuan biasa.

Di peringkat penyelarasan dalam jabatan kita, kita memang memperkenalkan dua, tiga ciri-ciri keselamatan yang baru seperti sekarang ini kita menggunakan nombor siri untuk geran-geran baru dan juga *bar coding* dan kita sedang menilai berkenaan dengan biometrik iaitu cap jari dan juga *hot stamping*. Itu untuk di dalam jabatan tetapi kalau di luar jabatan dari segi membawa orang lain, dengan IC lain dan sebagainya itu bukan, kita tidak boleh hendak melakukan sama ada mereka ini betul atau tidak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mumtaz.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan kes yang dilaporkan di seluruh negara yang melibatkan kes *fraud* ke atas pindah milik tanah?

Kedua, berapakah tempoh masa yang diambil di dalam Piagam Pelanggan untuk mempercepatkan urusan pindah milik tanah ini di semua pejabat tanah? Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Bagi soalan pertama itu bilangan itu saya tak adalah data, saya akan bagi secara bertulis.

Berkenaan dengan pindah milik tanah itu kita telah pun melancarkan projek e-kadaster yang pertama bermula pada awal tahun ini iaitu *on-line* data-data tanah. Kedua, yang akan bermula tidak lama lagi ialah e-tanah iaitu sekarang ini masih lagi *pilot project* di Penang, di mana kita cuba menyingkatkan masa pindah milik tanah daripada dua bulan kepada dua hari sahaja. Ini di antara kemudahan yang kita akan lakukan di peringkat kementerian. Insya-Allah *role out* untuk e-tanah sekiranya segala berjalan lancar akan dilaksanakan akhir tahun depan, insya-Allah. Terima kasih.

6. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, apakah jaminan kerajaan serta langkah penguatkuasaan yang diambil oleh kerajaan terhadap isu pembantu rumah warga asing yang didera dan bagaimanakah langkah diambil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pembantu rumah agar ianya tidak dikategorikan sebagai "Pembantu Rumah Kelas E".

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua. Jumlah pekerja asing yang memegang pas lawatan kerja sementara ELKS sehingga 31 Mei 2007 adalah seramai 1,908,518 orang. Dari jumlah tersebut seramai 316,672 orang pekerja asing bekerja sebagai pembantu rumah.

Taraf hidup rakyat Malaysia yang terus meningkat dari aspek sosial dan ekonomi memaksa rakyat negara ini bergantung kepada pembantu rumah asing. Mengikut perangkaan yang diperoleh dari Jabatan Imigresen Malaysia sejak *online* aduan untuk pembantu rumah asing dan majikan diwujudkan oleh kerajaan pada 21 Jun 2007, jabatan tersebut telah menerima sebanyak 25 aduan. Daripada jumlah tersebut empat aduan adalah berhubung dengan pembantu rumah asing, di mana tiga aduan berkait dengan majikan tidak membayar gaji dan satu kes pembantu rumah asing lari dari majikan. Sebanyak 21 aduan diterima mengenai agensi pekerja asing menipu majikan.

Di antara langkah penguatkuasaan yang diambil bagi menangani masalah ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) mewujudkan *hotline* di bilik gerakan Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia untuk orang ramai, majikan dan pembantu rumah asing membuat aduan; dan
- (ii) menyenaraihitamkan dan membatalkan lesen agensi pembantu rumah asing yang didapati telah melanggar syarat dan juga telah melakukan kesalahan.

Sejak Januari 2006 hingga 2007 terdapat 4,010 kes majikan yang telah disenaraihitamkan dan 19 agensi pekerja telah digantung lesen mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mendapati bahawa pembantu rumah asing kurang berminat untuk datang ke Malaysia sejak kebelakangan ini. Kebanyakan yang datang yang berkualiti rendah. Beberapa sebab telah dikenal pasti mengapa perkara ini boleh terjadi. Di antaranya adalah faktor-faktor seperti berikut:

- (i) bayaran gaji yang rendah di Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain;
- (ii) keadaan kerja kurang sesuai, di mana selain buat kerja, pembantu rumah asing juga dikehendaki membuat kerja-kerja lain yang tiada kaitan; dan
- (iii) laporan dalam media massa mengenai penderaan terhadap pekerja asing mempunyai impak yang kuat. Ini menjadikan warga asing takut untuk datang ke Malaysia.

Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pembantu rumah asing dan menarik minat lebih ramai pembantu rumah asing yang berkualiti ke negara ini beberapa tindakan perlu diambil. Tindakan-tindakan itu adalah seperti berikut:

- (i) majikan di negara ini mestilah bersedia menawarkan gaji yang lebih tinggi setanding dengan gaji yang ditawarkan oleh negara-negara lain;
- (ii) majikan perlu mengamalkan sikap yang lebih mesra bagi meningkatkan keyakinan warga asing supaya datang ke negara ini;
- (iii) majikan Malaysia perlu menyediakan suasana kerja yang baik dan tidak memaksa pembantu rumah asing membuat kerja-kerja yang tidak berkaitan;

- (iv) majikan mesti membayar gaji tepat pada waktunya dan juga elak daripada amalan penderaan pembantu rumah asing yang mendatangkan kesan yang sangat buruk kepada negara; dan
- (v) bakal majikan mesti meneliti calon pembantu rumah asing supaya sesuai sebelum diambil untuk bekerja.

Bagi menentukan perkhidmatan pembantu rumah asing berkualiti, agensi-agensi pembantu rumah yang membawa masuk pembantu rumah asing perlu mendapatkan calon-calon yang telah menerima latihan di negara mereka dan kursus penyesuaian apabila tiba di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk' Hajah Sharifah Azizah, Datuk Yaakob, kemudian Datuk Yip.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya belum Datuk lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dulu masa saya remaja, ada satu filem bernama *The Ugly American*. Dalam cerita pembantu rumah ini, nampaknya boleh buat sebuah filem *The Ugly Malaysian*. Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setuju kah pihak kementerian kalau saya katakan, antara faktor yang menyebabkan berlakunya penderaan adalah kerana ketidakpuasan hati majikan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh pembantu rumah adalah kerana tidak setimpalnya harga yang dikenakan kepada majikan, oleh agensi-agensi pembantu rumah?

Soalan saya, adakah kerajaan telah melaksanakan penguatkuasaan tindakan ke atas agensi pembantu rumah yang mengenakan bayaran lebih daripada RM4,500 kepada setiap pembantu rumah yang ingin dimiliki oleh majikan? Adakah pihak kementerian telah mengambil tindakan kepada agensi pembantu rumah yang mengenakan bayaran yang tinggi yang kita tahu bahawa kerajaan telah pun menetapkan satu garis panduan hanya RM2,500 saja bagi mendapatkan satu pembantu rumah? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menandatangani satu perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Indonesia, ekoran daripada pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Indonesia di Bukit Tinggi, Sumatera pada 12 Januari 2006. Maka pada 13 Mei 2006 satu memorandum persefahaman antara kerajaan Malaysia dengan Republik Indonesia telah pun ditandatangani pada 13 Mei di Bali.

Persetujuan telah pun dicapai supaya kadar bayaran yang telah ditetapkan ialah seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi di pihak majikan, sementara pihak pekerja mestilah membayar satu kadar yang telah ditetapkan. Kadar bayaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi ditanggung oleh pembantu rumah Indonesia ialah sebanyak 3.70 juta Rupiah bersama dengan RM1,228. Persefahaman ini telah pun dilaksanakan dan kadar ini telah pun dipatuhi oleh majikan-majikan yang membawa masuk pembantu rumah asing daripada Indonesia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada fakta Yang Berhormat nyatakan tadi, ternyata angka penderaan adalah begitu kecil jika dibandingkan jumlah pembantu rumah melebihi 300,000 orang.

Apakah pandangan dan saranan Yang Berhormat tentang publisiti penderaan ini yang begitu meluas, yang dihebahkan sehingga impak negatif sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi? Apa pandangan Yang Berhormat dari segi publisiti sedemikian kepada negara? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob. Kerajaan memandang serius walaupun kadar kes penderaan yang dilaporkan berbanding dengan jumlah pembantu rumah asing yang berjumlah melebihi daripada 300,000 orang adalah dianggap kecil. Namun begitu

peranan publisiti yang dihebahkan oleh media di luar negara menyebabkan keadaan ini digambarkan seolah-olah majikan-majikan yang ada di Malaysia melakukan kekejaman dan penderaan yang teruk kepada pekerja-pekerja mereka.

Namun begitu usaha-usaha kerajaan, langkah-langkah kerajaan untuk memastikan supaya walaupun kadar ini kecil, kita memastikan bahawa majikan-majikan yang bersikap demikian diambil tindakan. Sebab itulah, sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini, sebanyak 19 majikan telah pun digantung, disenaraihitamkan daripada mengambil pekerja asing pada masa-masa depan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Dato' Yip Kam Fook.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas dan tahniah kepada kementerian dalam jawapan tadi. Ketika pembantu rumah warga asing yang didera itu berlaku, saya berada di Indonesia. Ia telah menjadi tajuk utama di semua akhbar di dalam Indonesia. Saya ketika itu berada di sana. Adakah kementerian juga mempunyai cadangan untuk memberitahu kepada akhbar tempatan kita mengenai majikan-majikan yang berkelakuan baik contohnya, kerana warga negara asing yang didera itu mungkin akan dicontohi.

Tuan Yang di-Pertua: "Kerana", "mungkin" itu tidak perlulah. Disiarkan cerita-cerita mengenai majikan Malaysia yang merupakan *ugly Malaysian*, tidak mahukah akhbar siarkan sama cerita-cerita mengenai *the pretty Malaysian*.

Datuk Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Terdapat semacam satu kebiasaan di kalangan media Malaysia meng*highlight*kan isu-isu yang sensasi, negatif dan sebagainya. Ini telah pun memberi satu gambaran yang kurang baik di mata dunia. Dalam soal ini, kita kerajaan dari masa ke semasa meminta pihak media massa di negara ini sepertimana yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua supaya lebih banyak menggambarkan contoh-contoh yang baik. Di mana contoh-contoh negatif ini diserahkan kepada kerajaan untuk kita beri perhatian dan tindakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Concern* saya ke arah *balanced journalism* sahaja. Bukan nak memperjuangkan satu-satu pihak.

7. **Puan Heng Seai Kie** minta Menteri Pertahanan menyatakan, jumlah perbelanjaan pengangkutan yang terlibat untuk menghantar pelatih ke kem PLKN dari 2005 sehingga Jun 2007. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula polisi penempatan pelatih yang sedia ada supaya mereka ditempatkan ke kem yang terdekat, demi menjimatkan kos.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak Kementerian Pertahanan. Tuan Yang di-Pertua, gerakan para pelatih PLKN ke kem penempatan masing-masing seluruh negara adalah menggunakan pengangkutan darat dan udara. Pengangkutan udara melibatkan pelatih dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya.

Manakala pengangkutan darat digunakan untuk pergerakan dalam negeri sama ada di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Kos yang terlibat untuk menghantar pelatih ke kem PLKN dari tahun 2005 hingga 2007 ialah sebanyak RM32.8 juta. Pecahannya adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM/Juta)
2005	16.69
2006	9.86
Jun 2007	6.32
Jumlah	32.8

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula polisi penempatan pelatih yang sedia ada kerana dasar tersebut menyokong konsep integrasi nasional yang cuba diterapkan melalui PLKN di samping memberi peluang kepada pelatih-pelatih untuk mengenali dan berinteraksi dengan pelatih lain yang bukan dari negeri asal mereka.

Kerajaan juga mendapati bahawa melalui dasar ini, terutamanya penyertaan pelatih-pelatih dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya, telah menjadikan pelatih lebih peka dengan perbezaan budaya masyarakat berbilang kaum dalam negara dan seterusnya menghargai keunikan-keunikan setiap budaya tersebut dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Puan Heng Seai Kie, kerana tiada siapa lagi, Tuan Maijol Mahap. Kalau ada orang lain lagi saya tidak beri.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, apakah kriteria-kriteria yang dipertimbangkan oleh kementerian dalam menentukan penempatan seseorang pelatih PLKN dan bagaimana pula proses penempatan mereka ini dibuat. Sekian.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Seperti yang saya sebutkan tadi, tujuan ialah untuk integrasi dan untuk supaya rakyat berbilang kaum ini dapat bernesra dan faham antara satu sama lain. Dasar sekarang ini seperti biasalah. Sekarang ini 10% daripada pelatih-pelatih ini diterbangkan daripada Sabah dan Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya. Saya difahamkan dasar ini akan ditambahkan lagi kepada 20%.

Di mana inilah caranya untuk meningkatkan lagi persefahaman antara satu sama lain dan mengambil kira kos jugalah Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini kosnya bagi tiap-tiap pelatih adalah lebih kurang RM5,500 untuk tiga bulan termasuk elaun RM100 tiap bulan, untuk setiap pelatih. Kos tinggi dan ini kalau setiap tahun dibelanjakan antara lebih kurang RM500 juta hingga RM700 juta. Kalau hendak buat semua sekali 500,000 orang yang layak untuk mendapatkan PLKN ini, kalau semuanya ini hendak dilatih, kos setahun ialah RM2.75 bilion, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Maijol bin Mahap

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan memberikan peranan atau tanggungjawab kepada bekas-bekas pelatih PLKN ini apabila mereka balik ke tempat masing-masing.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ulang sekali lagi Yang Berhormat.

Tuan Maijol bin Mahap: Apakah kerajaan memberikan peranan atau tanggungjawab kepada bekas-bekas pelatih ini apabila mereka balik ke tempat masing-masing selepas latihan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah diberi peranan khusus kepada bekas-bekas pelatih ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua setakat ini belum ada tugas yang khusus diberikan kepada bekas-bekas pelatih ini. Cuma pihak kementerian

mengikuti perkembangan mereka. Mendapatkan *feedback* daripada masyarakat dan juga daripada ibu bapa masing-masing.

8. Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sejauh manakah dasar berbaik-baik dengan negara-negara jiran telah memberikan kesan positif kepada peningkatan kedudukan Malaysia sebagai pusat tarikan pelaburan dan modal luar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, dasar luar negara yang terbuka dan berkecuali telah membantu mewujudkan keyakinan dan kepercayaan negara-negara jiran di ASEAN serta negara-negara lain di peringkat serantau dan antarabangsa.

Malaysia juga diterima baik oleh negara-negara Islam dan negara-negara sedang membangun. Keadaan ini bersama faktor-faktor lain sama seperti kestabilan politik, sistem penyampaian kerajaan yang cekap dan berkesan, dan infrastruktur yang baik, secara langsung memberi keyakinan pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 2006, sebanyak 9,022 projek telah diluluskan di mana 6,726 projek telah beroperasi. Nilai pelaburan syarikat yang beroperasi berjumlah RM171.1 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM96.4 bilion atau 56.3% adalah daripada pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, Singapura, Indonesia dan Thailand merupakan pelabur utama Malaysia dari kalangan negara ASEAN. Nilai pelaburan ASEAN adalah sebanyak RM18.5 bilion atau 12.2 % daripada pelaburan asing di Malaysia sejak tahun 1997. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Fuad kemudian Dato' Dr. Norraesah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah wujud dasar memberikan layanan yang berbeza kepada negara-negara jiran yang dekat di mata tetapi jauh di hati, dengan negara jiran yang jauh di mata tapi dekat di hati dalam menarik mereka sebagai pelabur di negara kita.

Apabila Singapura menuduh UMNO Johor tidak membenarkan atau tidak bersetuju pelabur Singapura masuk ke WPI, apakah penjelasan sudah pun dibuat kepada Kerajaan Singapura dan kenapa tuduhan seperti ini dibuat? Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memberi *tax incentive* kepada semua pelabur-pelabur asing yang sama, tidak ada perbezaannya. Berkenaan dengan tuduhan daripada pihak Singapura saya rasa ini tidak ada asas. Walau bagaimanapun saya rasa konsep ini baru ditubuhkan dan mungkin mengambil masa panjang lagi untuk orang awam dan juga jiran-jiran kita memahami konsep dengan sepenuhnya. Oleh sebab ini memang merupakan satu projek yang begitu penting dan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat berminat saya rasa kita boleh minta satu taklimat daripada Kerajaan Persekutuan berkenaan projek ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah negara Malaysia sentiasa berbuat baik dengan jirannya tetapi masalahnya kadangkala jiran kita tidak berbaik-baik dengan kita. Sungguhpun kita menyediakan segala prasarana yang baik untuk pelabur-pelabur asing, adakah jiran-jiran kita ini juga menyediakan suasana ataupun klimaks pelaburan yang cukup baik untuk pelabur-pelabur kita ke negara-negara asing ini, jiran kita.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, jiran-jiran asing, jiran-jiran negara asing, hubungan dengan kita adalah baik walaupun kadang-kadang kita gaduh sedikit tetapi pada keseluruhannya kita tidak boleh menafikan bahawa kita haruslah bekerjasama untuk kepentingan rakyat kedua-dua negara seperti dalam satu keluarga. Walaupun hubungan kita rapat kadang-kadang kita ada *clash* sedikit tetapi saya rasa untuk tempoh masa panjang ini tidak akan menjadi satu masalah.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, sama ada negara-negara jiran mengadakan *conditions*, syarat yang ketat untuk pelabur kita masuk ke negara jiran. Saya rasa ini adalah satu *business decision*, keputusan mereka bagi syarikat yang berminat untuk melabur di negara ini, mereka kena membuat kajian. Kalau mereka rasa pelaburan ini akan membuat keuntungan kepada mereka, ini terpulang kepada syarikat-syarikat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya boleh bertanya saya akan tanya tidakkah isu ini diketengahkan atau dilambungkan kerana ada sesuatu *fishing expedition* untuk mereka yang inginkan *special status*, tetapi saya tidak boleh tanya Yang Berhormat tidak perlu jawablah.

9. Puan Mumtaz binti Md Nawi minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah langkah segera dan jangka panjang yang diambil oleh kerajaan khususnya dalam polisi keselamatan dan pemuliharaan pejabat-pejabat kerajaan dalam menangani masalah kebocoran di lokasi awam dan pejabat kerajaan yang dilaporkan berlaku hampir setiap minggu di seluruh negara kerana dikhuatiri ia akan membahayakan nyawa pegawai dan rakyat yang berurusan di tempat tersebut dan telah menjejaskan imej negara di mata dunia.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian dan Jabatan Kerja Raya telah mengambil langkah dan merancang untuk melaksanakan pelan jangka pendek dan jangka panjang untuk menangani masalah keselamatan dan pemuliharaan lokasi awam dan pejabat kerajaan. Berdasarkan kepada rekod kementerian pada tahun 2007 hanya lima kes kebocoran dan siling jatuh berlaku di bangunan awam dan semuanya masih di dalam tempoh tanggungan kecacatan kecuali kebocoran di bangunan Parlimen.

Sebagai langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah kebocoran di bangunan awam yang berada dalam tempoh tanggungan kecacatan, Jabatan Kerja Raya telah meningkatkan pemantauan dan penyeliaan yang lebih rapi bagi memastikan kerja-kerja pembaikan oleh kontraktor dilaksanakan dengan sempurna. Manakala sebagai langkah jangka panjang kementerian telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) menyusun semula struktur organisasi Jabatan Kerja Raya dengan menubuhkan sektor kejuruteraan senggara. Sektor ini bertanggungjawab untuk merancang, mengurus, melaksana dan memantau kerja-kerja penyelenggaraan jalan, bangunan dan kemudahan awam. Di samping itu sektor ini juga akan membuat kajian dan penyelidikan dalam bidang teknologi penyelenggaraan yang terkini;
- (ii) melatih dan menyediakan modal insan yang mahir dalam urusan penyelenggaraan bangunan, jalan dan kemudahan awam yang dimiliki oleh kerajaan;
- (iii) mewujudkan Jawatankuasa Penyelenggaraan Bangunan Guna Sama Persekutuan yang terdiri daripada semua ketua jabatan yang menghuni bangunan guna sama persekutuan berdasarkan Pekeliling Am Bil.1/2002, Peranan Jawatankuasa Penyelenggaraan Bangunan Kerjasama Persekutuan;
- (iv) menambah kekerapan lawatan pemantauan bangunan guna sama Persekutuan;
- (v) memantau pelaksanaan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan guna sama persekutuan berdasarkan dengan izin, *Technical Requirement Performance Indicators* atau TRPIs, dan *Key Performance Indicators*;
- (vi) menjalankan soal selidik kepuasan pelanggan ke atas penghuni; dan

- (vii) menswastakan kerja-kerja selenggaraan bangunan dan jalan untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kesedaran serta menanamkan budaya senggara kelas pertama di kalangan semua pihak, Kementerian Kerja Raya akan menganjurkan satu konvensyen pengurusan aset dan *facilities* negara dengan tema, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Facilities and Management Coping with Future Challenge* yang akan diadakan pada 13 dan 14 Ogos 2007. Rumusan konvensyen ini dijangka akan dapat menghasilkan satu dasar dan pelan tindakan selenggara nasional yang akan menjadi panduan kepada semua pihak yang terlibat dengan penyenggaraan aset kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Mumtaz kemudian Dato' Saripah Aminah.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun jumlah yang dikatakan oleh kerajaan hanyalah melibatkan lima buah bangunan yang melibatkan bangunan awam, saya rasa dalam kes ini pihak kerajaan sebenarnya tidak boleh memberi kompromi untuk keselamatan kakitangan dan juga orang awam yang terikat dengan bangunan-bangunan tersebut.

Oleh itu apakah dan bagaimanakah kerajaan menggunakan piawai untuk menentukan satu-satu bangunan itu selamat diduduki kerana walaupun kebocoran ataupun ketidakstabilan itu berlaku dalam tempoh tanggungan. Sekiranya ia melibatkan nyawa rakyat saya rasa perkara ini tidak boleh kita abaikan. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya terutama JKR dalam aspek pembangunan dan juga infrastruktur serta kemudahan awam yang lain soal keselamatan memang tidak ada kompromi yang diambil oleh kerajaan. Segala reka bentuk dan juga bangunan yang didirikan itu mesti memenuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan terutama perkara-perkara yang berhubung kait tentang *code of practice* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi kita bagi jaminan bahawa perkara yang berhubung kait dengan aspek keselamatan memang diberi perhatian yang amat tinggi di peringkat kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Saripah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lima bangunan berturut-turut menghadapi bencana sebegini tetapi kita masih dapati pihak kementerian Yang Berhormat tadi terlalu banyak membuat komen melalui media tetapi menuding jari di antara satu dan lain sehinggalah Perdana Menteri mencelah tentang perkara ini.

Apakah pendapat kementerian kita *less talk, more work* supaya perkara-perkara sebegini tidak dibasuh dalam media massa. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kita ambil peringatanlah atas saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat.

10. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid minta Perdana Menteri menyatakan, dan memperjelaskan kepentingan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dalam menilai prestasi anggota perkhidmatan awam. Apakah cara-cara pendekatan lain yang boleh diperkenalkan untuk melaksanakan PTK untuk memberi keyakinan bahawa ia adalah satu sistem yang berkesan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, penilaian tahap kecekapan adalah penting untuk menilai kompetensi pegawai dari segi pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi positif yang diperlukan bagi sesuatu gred jawatan dalam perkhidmatan berkenaan. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan keupayaan pegawai perkhidmatan awam bagi menghadapi cabaran globalisasi, meningkatkan daya saing negara, memupuk sikap dan budaya baru serta meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan atau *service delivery system*, dengan izin. Ianya sebagai pelengkap kepada sistem penilaian prestasi

pegawai perkhidmatan awam yang sedia ada. Pelbagai pendekatan digunakan dalam melaksanakan PTK iaitu peperiksaan, penilaian semasa kursus, penilaian melalui pemerhatian, temu duga dan amali.

Selain itu, kelayakan teknikal atau profesional yang memenuhi kriteria yang ditetapkan boleh dinilai taraf bagi menggantikan keseluruhan atau sebahagian komponen yang ditetapkan dalam penilaian atau peperiksaan. Kementerian atau agensi juga dibenarkan untuk menggunakan kaedah-kaedah lain yang sesuai dengan perkhidmatan masing-masing. Antara usaha yang telah dilakukan untuk meningkatkan keyakinan bahawa PTK adalah satu sistem yang berkesan adalah melalui taklimat penerangan dan bengkel peningkatan kefahaman terhadap rasional dan objektif peperiksaan PTK.

Selain daripada itu, beberapa pendekatan baru dan juga pendekatan lain juga turut dilaksanakan sejak 1 Januari 2005 yang lalu meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) menambah baik kaedah penilaian;
- (ii) mempelbagaikan bentuk dan jenis soalan atau aneka pilihan atau esei;
- (iii) mengeluarkan panduan mengenai prosedur pemberian nilai taraf sebagai pelengkap kepada komponen PTK;
- (iv) tahap keputusan diubahsuai;
- (v) penyediaan senarai bahan rujukan dikemas kini secara berterusan; dan
- (vi) agensi digalakkan mengadakan program bimbingan persediaan menduduki PTK untuk pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji kaedah dan pendekatan bagi menambah baik pelaksanaan PTK supaya ianya dapat diterima sebagai satu mekanisme dalam menilai kecekapan pegawai perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Rizuan, kemudian Puan G. K Loga Chitra. Dato' Gooi tunggu pertanyaan yang berikutnya.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jika apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat tadi PTK ini amat berkesan kenapakah pihak CUEPACS menentang keras pelaksanaan PTK.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sudut pandangan di antara CUEPACS dengan kerajaan agak berlainan kerana kerajaan melihat dari sudut bukan sahaja pendapatan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam tetapi dari segi produktiviti. Sebab itu kalau Yang Berhormat lihat sewaktu temu duga atau temu bual presiden CUEPACS dengan pihak media, dia hanya menekankan soal anjakan gaji dan soal kenaikan pangkat tapi tidak memberi penekanan kepada produktiviti, tapi kerajaan melihat bukan sahaja kerajaan prihatin dalam soal kenaikan pangkat dan soal anjakan gaji tetapi juga untuk memastikan bahawa dalam waktu yang sama sejajar dengan keperluan masa kini produktiviti pegawai perkhidmatan awam juga mestilah diberi penekanan yang serius untuk memastikan bahawa semuanya apa yang saya sebutkan tadi memastikan *delivery system* dengan izin, dapat berjalan dengan lancar.

Puan G. K. Loga Chitra: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah PTK mencukupi untuk menentukan dan memberikan kesan positif kepada peningkatan prestasi kakitangan awam.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab tadi bahawa PTK adalah sebahagian sebagai pelengkap kepada perkara-perkara yang lain yang mana dari segi prestasi pegawai-pegawai itu juga mesti dilihat khususnya dalam kenaikan pangkat bukan sahaja PTK. PTK adalah sebagai pelengkap sebahagian tetapi yang lebih penting lagi ialah prestasi pegawai itu, sikap pegawai terhadap peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Ini adalah sebahagian besar, PTK adalah merupakan komponen sahaja kepada sistem yang ada.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Gooi Hoe Hin berpeluang kemukakan dua pertanyaan asal dan pertanyaan tambahan. Kalau saya beri tadi sudah tiga berturut-turut. Nampak macam saya ini baik sangat dengan Dato'.

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

11. Dato' Gooi Hoe Hin minta Menteri Kewangan menyatakan, bilangan syarat-syarat yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang telah dikeluarkan (*delisted*) dari Bursa Malaysia dari tahun 1999 hingga sekarang iaitu tahun 2007 dan mengapa ianya dikeluarkan dari senarai Bursa Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin yang dijadualkan pada hari ini dan pada 16 Julai. Masing-masing kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: 16 Julai?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: 16 Julai.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bilangan syarikat yang disenaraikan di dalam Bursa Malaysia, yang telah dinyahsenaraikan maknanya dikeluarkan ataupun *delisting* dari Bursa Malaysia dari tahun 1999 hingga Jun tahun 2007 adalah sebanyak 111 buah syarikat. Antara sebab-sebab syarikat tersebut dinyahsenaraikan atau *delisting* adalah seperti berikut:

Punca nyahsenarai / <i>delisting</i>	Bilangan
Masalah kewangan dan gagal melaksanakan penyusunan	57
Kelewatan mengemukakan laporan kewangan	3
Menjadi syarikat milik persendirian susulan daripada tawaran am (<i>take-over offer</i>)	32
Menjadi syarikat milik persendirian susulan daripada rancangan pengaturanan (<i>scheme of arrangement</i>)	11
Menjadi syarikat milik persendirian susulan daripada <i>delisting</i> sukarela (<i>voluntary delisting</i>)	4
Penggulung syarikat (<i>waning up</i>)	3
Penggabungan (<i>merger exercise</i>)	1
Jumlah	111

Sebab-sebab mengapa sesebuah syarikat di nyah senaraikan akan diteliti terlebih dahulu. Jika syarikat-syarikat yang dinyahsenaraikan atas sebab prestasi kewangan yang tidak mematuhi kehendak penyenaraian Bursa Malaysia dan disyaki melanggar Undang-undang Sekuriti dan Syarikat, SC ataupun Suruhanjaya Sekuriti akan menjalankan penyiasatan terhadap syarikat-syarikat tersebut.

Berdasarkan kepada hasil siasatan jika terdapat bukti yang menunjukkan pelanggaran undang-undang, SC akan mengambil tindakan yang bersesuaian ke atas pihak-pihak yang terbabit termasuk para pengarah dan pihak pengurusan syarikat. Sebagai contoh, Taksang Holding Berhad ataupun Taksang di mana hasil daripada siasatan SC pengarah urusan Taksang telah didakwa di mahkamah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat gunakan istilah “nyahsenaraikan”, dalam bahasa Tamilnya, *pooh*. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Soalan tambahan saya begini, saya pernah membangkitkan perkara ini semasa perbahasan semasa Rang Undang-undang Sekuriti Pasaran Modal. Dari angka yang tadi disebutkan oleh Yang Berhormat 111 telah dikeluarkan daripada senarai....

Tuan Yang di-Pertua: Dinyahsenaraikan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Dinyahkan dari senarai Bursa Saham Kuala Lumpur atau *delisted* dan hanya dari jawapan satu sahaja diambil tindakan undang-undang.

Soalan tambahan saya, nampaknya Suruhanjaya Sekuriti begitu terbuka agar 111 itu, adakah itu takdir sahaja? Adakah Suruhanjaya Security akan mengambil langkah yang lebih tegas untuk melihat semula akaun-akaun mereka supaya kita menegakkan prinsip menjaga dan melindungi pelabur dan integriti Bursa Saham Kuala Lumpur? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut tadi sebagai contoh sahaja tadi Tuan Yang di-Pertua. Contoh sahaja. Sebenarnya sebab-sebab dinyahsenaraikan adalah yang saya sebutkan tadi. Macam pergabungan, *merger*, itu tidak salah dari segi undang-undang. Penggabungan syarikat-syarikat tertentu digulung sebab-sebab tertentu. Kemudian menjadi syarikat milik persendirian. Itu pun dengan sukarela Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebab-sebab *delisting* adalah ada sebab-sebab tertentu Tuan Yang di-Pertua. Tindakan akan diambil sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang. Macam baru-baru ini *Transmile*, berlaku satu perkara yang amat mengejutkan dan sebenarnya dunia memerhatikan kita tentang perkara ini. Itu memang berlaku secara terang-terangan, berlaku pelanggaran undang-undang, pihak akauntan pihak *management* dia melaporkan akaun yang tidak betul. Ini salah dan, akan disiasat dan akan diambil tindakan oleh SC dan Bursa Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Maknanya SC dan Bursa Malaysia tidak akan lepaskan mereka.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah pun melihat bahawa 111 sudah pun dinyahkan daripada senarai dan seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri sebut, peristiwa *Transmile* juga adalah sesuatu peristiwa yang mendukacitakan kita. Dengan senarai yang sudah pun terkeluar 111, tambahan pula dengan soal kritikal tentang *Transmile* yang menunjukkan tidak adanya ketelusan, adakah ini merosak imej negara kita terutama sekali merosak imej pasaran ekuiti dan pasaran modal Malaysia sendiri?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini memang berlaku dalam *Transmile* dan sebenarnya apa yang penting adalah tindakan kita iaitu oleh Bursa Saham Malaysia dan SC. Kalau SC lepaskan syarikat ini sedangkan dunia sedang memerhatikan dan apa-apa tindakan tidak diambil, maka *he will lost confident* dengan izin, terhadap Bursa Saham kita.

Oleh sebab itu dalam hal ini, SC dan Bursa Saham Malaysia akan mengambil tindakan tegas termasuk juga di bawah tindakan civil, CBT dan sebagainya.

12. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah kementerian menjalankan apa-apa kajian mengenai kesan banjir kilat terhadap peningkatan kes demam denggi di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, dan apakah usaha

dan program khusus pencegahan kes demam denggi yang telah dilakukan selepas kejadian itu yang berlaku pada 10 Jun 2007 lalu; dan

- (b) berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dalam usaha program pencegahan kes demam denggi di seluruh negara pada tahun 2004, 2005 dan 2006.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian,

- (a) Kementerian Kesihatan sedang dan sedar kemungkinan peningkatan kejadian demam denggi selepas banjir boleh berlaku disebabkan banyak tempat air bertakung selepas banjir surut. Namun begitu, kejadian peningkatan demam denggi di Wilayah Persekutuan telah lama berlaku, sebelum berlakunya banjir pada 10 Jun 2007. Pada masa ini, kejadian demam denggi di negeri-negeri tersebut adalah terkawal.

Antara usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk menangani kenaikan kejadian kes denggi tersebut adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam usaha membanteras nyamuk aedes, pembawa denggi dengan memeriksa dan memusnahkan tempat-tempat yang berpotensi untuk membiak nyamuk aedes melalui program COMBI ataupun *Communication for Behavioural Impact*. Penglibatan dan penyertaan masyarakat adalah amat penting kerana tanpa kerjasama orang ramai, usaha kerajaan untuk mencegah dan mengawal demam denggi sukar untuk dilaksanakan;
- (ii) aktiviti seburan kabus atau *fogging* telah dilakukan di 81,000 premis di Selangor dan 204,000 di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur untuk memutuskan jangkitan denggi dan *larviciding* di tempat yang dikenal pasti menjadi sarang pembiakan aedes;
- (iii) aktiviti pemimpin bersama masyarakat telah dijalankan melibatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dan juga saya dan semua wakil rakyat telah diadakan di negeri Selangor dan Kuala Lumpur bagi mendapatkan penyertaan masyarakat dalam usaha membasmi demam denggi; dan
- (iii) aktiviti penguatkuasaan telah dan masih dijalankan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian,

- (b) Kementerian Kesihatan telah membelanjakan lebih kurang RM10 juta hingga RM11 juta setahun dari tahun 2004 hingga 2006 dalam program pencegahan dan kawalan demam denggi di seluruh negara. Peruntukan ini digunakan kebanyakannya untuk pembelian bahan kimia seperti racun serangga, bahan pembunuh jentik-jentik, bahan api dan diesel, peralatan semburan kabus, mengadakan program latihan berterusan bagi

meningkatkan kemahiran untuk anggota kesihatan, mencetak bahan dan peralatan pendidikan kesihatan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah angka-angka denggi berdarah dan kematian telah berlaku di Lembah Klang? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan pesakit-pesakit yang meninggal dunia untuk tahun ini yang disebabkan oleh penyakit denggi, adalah 57 setakat ini untuk tahun ini, seluruh negara. Bagi negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ini merupakan dua negeri yang mempunyai pesakit-pesakit demam denggi yang tertinggi. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.37 pagi

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007 ini dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007 bertujuan untuk:

- (i) meminda Ordinan Perkapalan 1952; dan
- (ii) memperluaskan peruntukan tertentu Ordinan 1952 ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selepas insiden 11 September 2001 di New York, Amerika Syarikat serta beberapa kejadian keganasan seterusnya, keselamatan pelabuhan awam dan sekuriti kapal menjadi satu isu yang diberi keutamaan di seluruh dunia. Berikutan itu, langkah-langkah baru untuk mempertingkatkan tahap keselamatan kapal, sekuriti kapal dan *facility* pelabuhan yang dikenali sebagai Peraturan-peraturan Kod Sekuriti Antarabangsa Kemudahan Bagi Pelabuhan dan Kapal atau dengan izin, *International Ship and Port Facility Security Code* (Kod ISPS); dan Kod Pengurusan Keselamatan Antara Kapal atau dengan izin, *International Safety Management Code* (Kod ISM) telah diperkenalkan oleh *International Maritime Organisation*. Kedua-dua kod tersebut telah digubal untuk mewujudkan sistem peraturan keselamatan baru yang menerapkan unsur-unsur pencegahan dan perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, kod ISPS adalah sebahagian daripada Konvensyen Antarabangsa dan Keselamatan Nyawa Di Laut atau *International Convention on Safety of Life at Sea 1974*. Kod tersebut menyatakan secara khusus akan langkah-langkah keselamatan maritim dan piawaian yang terpakai bagi meningkatkan usaha menangani dan mengawal ancaman keselamatan di atas kapal.

Keselamatan pengangkutan maritim dan kemudahan-kemudahan infrastruktur marin di darat atau *offshore structure* dengan izin, di laut. Kod ini telah diwujudkan bagi memastikan aspek-aspek keselamatan sektor pengangkutan laut ditangani dengan teratur dan berkesan. Seperti mana kod ISPS, kod ISM adalah sebahagian daripada Konvensyen SOLAS 1974.

Kod ISM digubal untuk memelihara keselamatan pelayaran dan pemeliharaan alam sekeliling melalui sistem pengurusan dan pengoperasian kapal yang selamat menurut piawaian-piawaian yang ditetapkan. Secara ringkasnya, kedua-dua Kod ISPS dan Kod ISM menyediakan peruntukan-peruntukan bagi mengawal segala aspek keselamatan kapal-kapal dan *security* kapal serta *facility* pelabuhan termasuk aspek-aspek pencegahan dan pencemaran. Sehubungan itu, pindaan sewajarnya telah dibuat pada Ordinan 1952 bagi membolehkan pemakaian kedua-dua kod tersebut di Malaysia, yang mana kemudiannya diperluas ke Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu rang undang-undang ini turut mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai larangan pelepasan minyak atau bahan-bahan berbahaya, di mana perairan Malaysia termasuk juga hal perkara berhubung dengan penyiasatan nahas maritim yang turut mengakibatkan kerosakan kepada alam sekitar marin atau pengawalan alam sekitar marin. Pada masa yang sama, pindaan kepada Ordinan 1952 ini turut memberi faedah dan kebaikan kepada negara seperti mana berikut:

- (i) tahap dan piawaian *security* pelabuhan jeti di Malaysia dan kapal-kapal di Malaysia dapat dipertingkatkan;
- (ii) meningkatkan pengurusan kawalan keselamatan bagi kapal-kapal Malaysia; dan
- (iii) kawalan pencemaran dari kapal di kawasan perairan Malaysia akan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini mempunyai 20 fasal. Kesemuanya dengan 2 Jadual iaitu Jadual 1 yang meliputi kepada Ordinan Perkapalan 1960 bagi Sabah dan Jadual 2 yang meliputi pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 1 merujuk kepada tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa bagi akta yang dicadangkan dan tarikh penguat kuasa akta ini adalah pada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Bagi penetapan tarikh kuasa dalam negeri Sabah dan Sarawak, fasal 1 memperuntukkan bahawa akta ini mula berkuat kuasa dalam negeri-negeri Sabah dan Sarawak pada tarikh yang menteri boleh selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri.

Fasal 2 Tuan Yang di-Pertua, adalah bertujuan untuk meminda seksyen 2 ordinan dalam memasukkan takrif baru ke dalam ordinan, manakala fasal 3 dan 4 mengenai peruntukan-peruntukan baru ini bertujuan untuk memberi kesan kepada Kod ISPS yang telah dimasukkan sebagai sesuatu bab baru SOLAS 1974. Peruntukan ini memperkatakan secara khusus mengenai keselamatan maritim dan menyediakan satu piawaian yang terperinci untuk mempertingkatkan langkah terhadap ancaman keselamatan di atas kapal, keluasan keselamatan pengangkutan maritim dan kemudahan awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 4 ini terkandung taksiran kepada beberapa perkara. Pertama, dalam Kod ISPS yang terpakai. Fasal ini turut memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang bersesuaian atau perlu bertujuan mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara yang berhubung dengan keselamatan pengangkutan maritim.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 yang mengandungi seksyen baru bertujuan untuk memberi kesan kepada Kod ISM yang telah dimasukkan sebagai satu bab baru dalam SOLAS 1974. Fasal ini memperuntukkan kuasa memberikan arahan dan menjalankan penyeliaan secara am terhadap semua perkara yang berhubung dengan pengendalian kapal secara selamat dan pemeliharaan alam sekeliling. Di bawah fasal 5 ini, menteri diberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah keselamatan yang memperkatakan mengenai pengurusan dan amalan selamat dalam pengendalian kapal.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan takrif baru dan meminda takrif yang sedia ada bagi maksud VA Ordinan.

Manakala fasal 7 pula merujuk kepada larangan pelepasan minyak atau bahan berbahaya ke dalam mana-mana bahagian perairan Malaysia, mana-mana pantai Malaysia ataupun terumbu Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 8 bertujuan untuk memasukkan peruntukan bahawa Pengarah Laut boleh mengarahkan penyiasatan mengenai nahas maritim dijalankan. Fasal ini juga mempunyai peruntukan berkenaan dengan hal keadaan di mana kerajaan tidak akan bertanggungjawab untuk perbuatan yang menyebabkan pelepasan minyak atau bahan berbahaya.

Fasal 9 merujuk kepada kuasa Pengarah Laut untuk mengeluarkan perakuan atau perakuan sementara dan Pengarah Laut juga boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang atau organisasi mengeluarkan perakuan atau perakuan sementara sedemikian. Pada masa yang sama, Pengarah Laut diberi kuasa untuk mengiktiraf perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi sesuatu pihak lain kepada Konvensyen Antarabangsa. Fasal ini turut memperuntukkan tentang pemeriksaan dan penahanan kapal oleh Pengarah Laut atau pegawai yang diberi kuasa serta kuasa untuk melarang kapal asing daripada memasuki perairan Malaysia jika wujudnya ketidakpatuhan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 49(1B) Ordinan untuk memasukkan aktiviti tambahan iaitu *ship to ship activity and any other activity as determined by The Director of Marine* dengan izin bagi tujuan Bahagian X11A, Ordinan.

Fasal 11 pula merujuk kepada pengeluaran notis perkapalan Malaysia oleh Pengarah Laut.

Fasal 12 memperuntukkan tentang peluasan peruntukan-peruntukan Ordinan ke Wilayah Pelabuhan.

Manakala fasal 13 merujuk kepada pemberhentian pemakaian Ordinan Perkapalan 1960 bagi Sabah kepada Wilayah Persekutuan Labuan.

Fasal 14 memperkatakan tentang peluasan pemakaian Kod ISPS dalam Bahagian V dan Kod ISM dalam Bahagian VA Ordinan 1952 kepada negeri-negeri Sabah dan Sarawak bagi memastikan keseragaman dan tatacara mengenai keselamatan pengangkutan maritim, dan piawai keselamatan bagi kapal-kapal Malaysia dan kawalan pencemaran dari kapal-kapal.

Fasal 15 hingga 19 mengadakan peruntukan mengenai pengubahsuaian dan pindaan berbangkit yang dikehendaki bagi tujuan pelaksanaan Bahagian V Ordinan 1952 kepada negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Fasal 20 merujuk kepada peruntukan mengenai pengesahan semua notis perkapalan Malaysia yang telah dikeluarkan oleh Pengarah Laut sebelum permulaan penguat kuasa akta yang dicadangkan ini, dan pengesahan semua keputusan dan perintah yang dibuat menurut notis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus merupakan pindaan kecil atau berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah saya sebutkan tadi adalah perkara yang akan dipinda dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan untuk memperluaskan peruntukan tertentu ke Wilayah Persekutuan Labuan dan negeri-negeri Sabah dan Sarawak, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dr. Haji Mohd. Puad.

11.48 pagi

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut membahaskan Rang undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007 ini, yang bertujuan untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan memasukkan dua kod, ISPS dan satu lagi ialah ISM.

Saya amat bersetuju sebenarnya dengan rang undang-undang ini kerana sebelum daripada itu saya ingin membangkitkan, bahawa kita sering dituduh dengan pelbagai tuduhan iaitu pelabuhan-pelabuhan jeti kita, kapal-kapal kita adalah tidak selamat dan sebelum ini kita juga pernah mendengar tuduhan mengenai dengan keselamatan di Selat Melaka. Saya beri satu contoh seperti Llyod, Lis ataupun Llyod Bank yang barangkali tujuannya untuk menaikkan insurans, maka dia mengatakan bahawa Selat Melaka ini adalah sebagai tempat pengganas, syurga pengganas dan berbagai-bagai lagi tuduhan.

Bagi saya dengan adanya rang undang-undang ini, maka ini akan memperlihatkan kesungguhan kita terhadap tiga perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, iaitu yang pertama ialah mengenai dengan tahap piawaian sekuriti pelabuhan jeti di Malaysia. Saya rasa ini amat penting. Saya tidak tahu dan saya berharap kalau boleh dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu berapa banyak kah pelabuhan-pelabuhan jeti yang ada di negara kita sekarang ini? Kalau saya mengambil contoh pelabuhan jeti yang ada di Batu Pahat, memang kita tidak boleh menafikan bahawa tahap sekuriti di pelabuhan jeti ini adalah begitu lemah, ataupun tidak memuaskan. Ini amat membahayakan sebab kita lihat kapal-kapal saudagar yang berlabuh di sini terutamanya datang dari negara jiran.

Mungkin kapal-kapal ini juga sebenarnya membawa orang-orang yang boleh terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah. Kita berharap iaitu pelabuhan-pelabuhan jeti ini dipertingkatkan dari segi sekuritinya, dari segi piawaiannya supaya ia tidak akan menimbulkan masalah-masalah seperti yang saya sebutkan tadi. Berkemungkinan mereka yang menjadi pekerja di kapal-kapal saudagar yang datang dari negara jiran seperti Indonesia ini adalah sebenarnya penjenayah. Sebab itulah saya mengharap iaitu pengawalan ini perlu dilihat secara rapi, sebab kalau kita lihat memang seperti tidak terkawal, tidak ada satu standard yang khusus di pelabuhan-pelabuhan jeti ini. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah mengenai pengurusan kawalan keselamatan kapal-kapal Malaysia, terutamanya ancaman di atas kapal. Saya ingin tahu bila disebut tentang piawaian ini, standard yang kita hendak kenakan. Standard yang bagaimana sebenarnya dari segi berhadapan dengan ancaman di atas kapal. Kita tahu bahawa kapal-kapal saudagar ini sering berhadapan dengan ancaman daripada lanun-lanun sebagai contoh. Apakah pencerobohan ataupun gangguan daripada lanun-lanun ini berpunca kerana kapal-kapal saudagar kita ini tidak mempunyai sistem keselamatan yang canggih, baik dari segi untuk mendapatkan bantuan segera daripada marin dan sebagainya? Kalau kita lihat kebanyakan lanun yang datang, yang merompak kapal-kapal saudagar kita terutamanya seperti yang kita sering baca ialah lanun-lanun dari negara Thailand.

Apakah dengan adanya rang undang-undang ini, atau piawaian yang bagaimana sebenarnya yang akan menjadi standard kepada keselamatan ataupun sekuriti di atas kapal? Apabila ini berlaku, bagaimanakah jabatan laut ataupun apa yang disebut di sini sebagai pengarah laut membuat pemantauan terhadap kapal-kapal saudagar ini dari segi standard mereka itu? Apakah kekerapan dan bagaimana maksudnya mereka melakukan pemantauan terhadap kapal-kapal saudagar ini?

Saya ingin tahu iaitu apakah kapal-kapal saudagar ini mempunyai syarat-syarat tertentu dari segi orang yang mengendalikannya seperti kapten-kapten kapal ini? Apakah mereka ini kalau dikatakan bahawa kita ingin menetapkan standard piawaian ini? Apakah maksudnya pengendali kapal saudagar ini mestilah juga orang-orang yang berkelayakan, baru mereka ini dibenarkan mengendalikan kapal-kapal saudagar ini? Ini amat penting sebenarnya. Kalau kita melihat jika berlaku apa-apa jua masalah sudah tentulah kapten kepada kapal-kapal saudagar ini kalau dia cukup terlatih, maka dia tahu bagaimana untuk berhadapan dengan permasalahan ini, ataupun sebarang ancaman keselamatan.

Jangan nanti maksudnya dia tidak tahu standard atau piawaian ini, maka dia mengetepikan piawaian tersebut. Sebagai contohnya kita sering mendengar bahawa bila berlaku kapal mungkin akan tenggelam dan sebagainya, terbakar. Maka ada di kalangan kapten ini yang tidak tahu standard dari segi apakah syarat-syarat yang mesti ada di atas kapal tersebut? Maka tindakan yang tidak mementingkan kepada ciri-ciri keselamatan ini akan menyebabkan barangkali lebih banyak nyawa yang akan terkorban.

Yang ketiga dan yang terpenting, soal pencemaran daripada kapal-kapal di perairan Malaysia. Ini sering berlaku, iaitu ketidaktegasan yang menyebabkan banyak kapal saudagar ini mengambil peluang membuang bahan-bahan yang boleh mencemarkan perairan kita. Ini menjejaskan nelayan sebagai contohnya akibat pencemaran yang berlaku daripada perbuatan kapal-kapal saudagar yang melepaskan bahan-bahan kotoran dan sebagainya.

Saya ingin penjelasan di sini. Apakah cara kita untuk mengawal? Apakah tindakan yang boleh diambil dari segi denda dan sebagainya terhadap kapal-kapal yang mencemarkan ini? Bagi saya ialah bagaimana kita boleh mengetahui bahawa kapal ini sebenarnya melakukan pencemaran? Ini juga bagi saya adalah cukup penting sebenarnya. Adakah dalam melaksanakan tugas ini kita mempunyai tenaga iaitu kapal-kapal peronda yang cukup dan kapal-kapal peronda yang canggih untuk membuat kawalan terhadap kapal-kapal yang melanggar peraturan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu fungsi akademi laut ini sebenarnya. Fungsi akademi laut ini iaitu dari segi memberikan latihan kepada mereka yang bekerja di kapal-kapal ini. Saya ingin tahu kalau di Malaysia ini, difahamkan kita ada ALAM iaitu Akademi Laut Malaysia. Sebenarnya apakah peranan dan tugas Akademi Laut Malaysia ini terutamanya dalam melahirkan orang-orang yang lebih profesional mengendalikan kapal-kapal saudagar ataupun dari segi pegawai-pegawai yang bertindak sebagai penguat kuasa supaya rang undang-undang yang kita luluskan ini sebenarnya dapat dikuatkuasakan iaitu maksud saya ialah tidak semata-mata kita membuat satu undang-undang, tetapi tidak ada penguatkuasaan. Maka akhirnya kita balik kepada masalah yang asal.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya sudah sebut tadi cuma saya ingin penjelasan di sini iaitu kita sering melihat berlaku apa yang dikatakan sebagai kemalangan di laut. Saya bangkitkan perkara ini sebab baru-baru ini ada bot nelayan yang dilanggar oleh kapal saudagar di waktu malam. Tetapi kapal saudagar ini terus melarikan diri. Daripada tiga nelayan ini seorang selamat dengan berpaut kepada pelampungnya selama lebih kurang dua hari dia di atas laut.

Ada juga kapal saudagar yang lalu, yang nampak mangsa ini tadi tetapi mereka terus bergerak tanpa berhenti. Mungkin kapal itu laju dan sebagainya ataupun dia merasakan bahawa itu bukan tanggungjawab dia. Apakah dalam aspek ini ia juga melibatkan kepada rang undang-undang ini iaitu tentang kapal-kapal saudagar yang mungkin kerana aspek keselamatannya tidak lengkap, maka dia boleh melanggar kapal-kapal kecil ataupun bot-bot kecil lain tanpa sebarang tindakan iaitu mungkin dia tidak mempunyai radar yang cukup, yang lengkap yang canggih dan sebagainya.

Apakah boleh diambil tindakan dan bagaimanakah pemantauan dibuat terhadap kapal-kapal seperti ini yang barangkali tidak mempunyai peralatan yang canggih sehingga mereka melanggar bot-bot kecil yang saya sebut sebagai kemalangan maritim ini. Itu sedikit sebanyak yang saya rasa perlu diberi perhatian sebenarnya dalam kita meminda rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

12.00 tgh.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang telah berdiri untuk memberi pandangan dan sokongan.

Beliau telah pun menyentuh beberapa perkara, pertama, beliau telah memberitahu bahawa beliau bersetuju haruslah teruskan. Bukan bahawa kemudahan-kemudahan pelabuhan, kapal-kapal kita mematuhi piawaian antarabangsa mengenai isu keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah matlamat utama yang mengapa kerajaan telah pun meneruskan Rang undang-undang ini dan juga menyertai konvensyen-konvensyen yang telah disetujui oleh beberapa negara, ditaja oleh *International Maritime Organization*. Beberapa perkara telah disentuh beliau adalah pertama, cara untuk mengawal dan tindakan yang boleh diambil bagi mengawal pencemaran. Malaysia memang mempunyai undang-undang bagi mencegah pencemaran dari kapal.

ini termasuk sama ada standard pembinaan atau standard operasi. Di samping itu, terdapat agensi-agensi penguat kuasa yang mengadakan rondaan bagi menentukan tidak ada pencemaran dari kapal. Dalam akta ini ada satu garis panduan yang ditetapkan oleh IMO ataupun *International Maritime Organization* bagaimana sebuah kapal itu harus dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan keselamatan dan dilengkapi dengan pegawai-pegawai keselamatan. Menentukan bahawa standard keselamatan kapal mencukupi piawaian antarabangsa.

Mengenai standard sekuriti yang dicadangkan bagi pelabuhan-pelabuhan di Malaysia dan kapal-kapal Malaysia telah dipersetujui di peringkat antarabangsa seperti yang saya sebutkan tadi. Ini memandangkan kapal-kapal perdagangan di peringkat antarabangsa, begitu juga pelabuhan-pelabuhan terlibat dalam perdagangan antarabangsa. Ini adalah satu juga sebab mengapa kita membentangkan rang undang-undang ini memerlukan pelabuhan-pelabuhan kita dan kapal-kapal kita mematuhi peraturan-peraturan antarabangsa kerana kalau kapal kita yang belayar ke luar negara yang akan singgah di pelabuhan antarabangsa tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh IMO, dia tidak boleh menggunakan pelabuhan-pelabuhan antarabangsa. Oleh itu, kita memerlukan kapal-kapal, juga pelabuhan-pelabuhan kita memenuhi kod sekuriti SPS yang telah dipersetujui itu.

Mengenai latihan nakhoda kapal, bot memerlukan nakhoda-nakhoda kapal itu mengikuti latihan aspek-aspek sekuriti yang ditentukan dalam standard bagi menentukan tahap sekuriti kapal dan kepatuhan kepada kod yang ditetapkan. Mengenai Selat Melaka yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, memang beberapa tahun yang lepas, Selat Melaka kita telah pun dianggap sebagai *war risk zone*, oleh itu insurans yang dikenakan juga ditambah, tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, baru-baru ini Melaka tidak dianggap sebagai *war risk zone* lagi atas usaha Kementerian dan kerajaan meyakinkan pihak-pihak insurans bahawa Selat Melaka kita adalah kawasan yang selamat. Oleh yang demikian, keputusan telah dibuat untuk mengeluarkan Selat Melaka sebagai *war risk zone*. Insurans yang dulu dinaikkan, telah pun diturunkan mengikut cara yang biasa.

Mengenai peranan Akademi Laut Malaysia, untuk maklumat Yang Berhormat, akademi ini adalah melatih pelaut bagi tahap antarabangsa. ALAM telah pun diiktiraf bagi tujuan tersebut, ALAM juga diluluskan untuk melatih pelaut-pelaut dalam aspek sekuriti. Inilah beberapa perkara, satu lagi soalan Yang Berhormat ialah berapa banyak kah pelabuhan dan jeti di Malaysia? Berapa yang SPS *compliance*? Untuk maklumat Yang Berhormat, bilangan pelabuhan dan jeti di Malaysia telah melebihi 100 buah. Dari jumlah tersebut sebanyak 24 buah telah diklasifikasikan sebagai SPS *compliance* di mana mereka terlibat dalam perdagangan antarabangsa dan jatuh dalam kategori memerlukan SPS *compliance*.

Mengenai isu kekerapan pemantauan oleh Jabatan Laut untuk menentukan kepatuhan. Ingin saya memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa pemantauan pada setiap masa termasuk pengauditan verifikasi tidak berjadual dilakukan sekali dalam setahun atas pelabuhan dan kapal-kapal yang telah diberi sijil SPS dan ISM tadi. Aspek-aspek kapal...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan. Saya cuma mohon penjelasan, bila sebut pelabuhan ini apakah melibatkan pelabuhan seperti Pelabuhan Pasir Gudang, Tanjung Pelepas, Port Klang dan sebagainya?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang semua pelabuhan-pelabuhan ini telah pun mematuhi syarat SPS kerana ia adalah satu pelabuhan antarabangsa. Jikalau ia tidak mematuhi peraturan ini, kapal-kapal dari luar negara mungkin tidak mahu menggunakan pelabuhan kita maka mereka sudah mematuhi dalam masa yang ditentukan oleh kerajaan.

Inilah beberapa perkara yang saya hendak jawab kepada Yang Berhormat. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas sumbangan dan sokongan yang diberikan untuk menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.11 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan sekarang.

Dato' Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah satu undang-undang yang tujuan utamanya ialah untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling di sekeliling kita. Akta ini juga memperuntukkan peraturan dan tatacara bagi mengatur hubungan di antara manusia dengan manusia, tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi bagi haiwan, tumbuh-tumbuhan dan juga faktor-faktor sosial estetika.

Akta ini telah banyak melalui pindaan sebelum ini dan yang terakhir sekali ialah pada tahun 2006. Pindaan yang dibuat adalah bertujuan untuk memastikan peruntukan perundangan yang ada dapat memenuhi keperluan dasar dan tuntutan pembangunan sosial ekonomi semasa. Hakikat ini membuktikan bahawa kerajaan sememangnya peka kepada aduan serta rungutan rakyat yang sentiasa berusaha untuk memperbaikinya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007 ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri dan dibaca bagi kali yang pertama di Dewan ini pada 22 Mac 2007. Pada

keseluruhannya rang undang-undang ini melibatkan pindaan kepada seksyen 34B, subseksyen 4 bagi menetapkan hukuman penjara mandatori terhadap kesalahan pelupusan buangan terjadual secara haram dan pindaan kepada seksyen 43 untuk memasukkan ketua pegawai eksekutif syarikat sebagai salah seorang yang bertanggungjawab bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

Di samping dapat mengemaskinikan dan menambah baik peruntukan yang sedia ada, pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk menangani masalah pelupusan buangan terjadual secara haram yang semakin bertambah seiring dengan pertumbuhan industri dalam negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 34B(4) peruntukan asal Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang didapati bersalah oleh mahkamah membuang buangan terjadual secara haram atau di tempat yang tidak dibenarkan, boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Subseksyen 43(1) pula memperuntukkan pihak yang dipertanggungjawabkan atau pihak yang boleh dituduh terdiri daripada pengarah, pengurus atau lain-lain pegawai seumpamanya, atau orang yang memegang kongsi bagi syarikat firma, pertubuhan atau lain-lain kumpulan orang, atau yang berupa sebagai petugas dalam jawatan berkenaan. Walau bagaimanapun sehingga kini belum ada kes pelupusan buangan terjadual secara haram yang didapati bersalah di mahkamah dijatuhkan hukuman penjara malah dikenakan hukuman denda sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes pelupusan buangan terjadual secara haram yang direkodkan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2001 hingga 2005 adalah berjumlah 97 kes selain daripada melibatkan kos pelupusan dan kebersihan yang besar iaitu lebih kurang RM8 juta. Buangan terjadual yang dilupuskan secara haram itu juga telah mengakibatkan kesan negatif kepada alam sekitar dan mengganggu serta menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan penduduk yang tinggal berdekatan.

Daripada pengalaman aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan adalah didapati bahawa kejadian pelupusan buangan terjadual secara haram ini berlaku kerana kurangnya komitmen dan rasa tanggungjawab pihak atasan sesebuah syarikat di dalam pengendalian buangan yang terhasil daripada syarikat berkenaan. Pengurusan buangan lazimnya dilakukan oleh pekerja-pekerja di peringkat bawahan sahaja. Pekerja ini akan mengambil jalan mudah dan berkemungkinan juga akan berkomplot dengan kontraktor pengangkut untuk melupuskan buangan pada kos paling murah di tempat-tempat yang tidak diluluskan seperti di kawasan ladang-ladang kelapa sawit, kawasan rizab sungai dan sebagainya pada waktu-waktu tertentu yang sunyi dan tidak diperhatikan oleh orang ramai.

Perkara ini boleh mendatangkan kemudaratan kepada manusia dan alam sekitar. Secara ringkas, buangan terjadual adalah buangan yang mengandungi bahan-bahan toksik yang berbahaya. Sekiranya buangan ini tidak diurus dengan kaedah yang sepatutnya, ia akan membahayakan orang ramai dan memusnahkan alam sekitar. Orang ramai yang terdedah kepada bahan-bahan toksik yang berbahaya ini boleh mengalami masalah kesihatan seperti sesak nafas, penyakit kulit, keracunan, kanser dan sebagainya. Ekosistem dan alam sekitar pula akan terjejas apabila bahan-bahan toksik ini menyerap masuk ke dalam flora dan fauna dan seterusnya menjejaskan kitaran pemakanan.

Kerajaan memang prihatin dengan kesejahteraan hidup rakyat, hak-hak dan kepentingan mereka sentiasa diberi perhatian serta dilindungi melalui undang-undang. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berpendapat adalah wajar sekiranya hukuman yang lebih berat dikenakan kepada pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan melupuskan buangan terjadual secara haram dan pihak atasan syarikat termasuk ketua pegawai eksekutif syarikat dipertanggungjawabkan supaya pihak syarikat akan lebih berhati-hati dan komited di dalam menguruskan buangan terjadual.

Hukuman penjara mandatori yang dicadangkan ini akan menjadi salah satu langkah pencegahan yang berkesan kerana ia merupakan suatu *deterrent* dengan izin kepada semua pihak supaya tidak mengambil sikap sambil lewa di dalam mengurus buangan terjadual masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang cadangkan ini adalah bagi memastikan pengeluaran, pengendalian dan pelupusan buangan terjadual dari premis terbabit sentiasa berada pada tahap yang selamat dan tidak menjadi ancaman dan kemudaratan kepada kesihatan orang awam dan kemusnahan alam sekitar. Selain daripada itu, pindaan ini juga bertujuan antara memastikan pihak atas sesebuah syarikat lebih bertanggungjawab dan peka terhadap perihal menguruskan bahan buangan terjadual.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Datuk Hajah Dayang Mahani.

12.12 tgh.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Kualiti Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, berita yang melaporkan berbagai-bagai fenomena luar biasa alam di sana sini seperti banjir, kemarau, ribut, tanah runtuh dan penipisan lapisan ozon adalah merupakan perkara yang bukan asing lagi kepada kita. Malah kita juga berhadapan dengan pencemaran alam sekitar berleluasa akibat perbuatan manusia itu sendiri seperti pencemaran sungai dan laut, jerebu dan pengurusan sisa terjadual yang tidak sempurna.

Selain sistem pengangkutan yang sesak juga telah menyebabkan ataupun mengakibatkan masalah kualiti udara yang begitu meningkat. Oleh yang demikian saya memohon untuk menyatakan sokongan saya agar rang undang-undang bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 kepada Akta Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 2007 diluluskan dalam Dewan Yang Mulia ini. Seperti mana yang telah dinyatakan dalam fasal 2 dalam akta ini menyentuh tentang peruntukan hukuman memenjarakan atau penjara mandatori dan ganda bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan.

Fasal 3 adalah untuk memasukkan ketua pegawai eksekutif sebagai seorang pesalah yang bertanggungjawab bagi kesalahan yang dilakukan oleh perbuatan perbadanan. Saya suka menyatakan di sini bahawasanya saya rasa inilah waktu dan ketika yang amat sesuai untuk memantapkan lagi Akta Kualiti Alam Sekitar yang sedia ada memandangkan timbulnya keperluan seiring dengan perkembangan isu-isu yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini banyak kejadian banjir, pencemaran sungai, pencemaran kepada takungan air atau *water catchments area*, dan perubahan cuaca yang tidak menentu berlaku kebelakangan ini. Kejadian-kejadian yang berlaku ini bukan sahaja menimbulkan masalah kepada pelbagai pihak malah ia juga turut menyebabkan kerugian yang begitu besar kepada sektor pertanian dan juga kepada penternak-penternak di negara kita.

Kejadian banjir yang berlaku di negeri Johor, Pahang dan Sabah telah mengakibatkan kerugian yang begitu besar bukan sahaja kepada rakyat tetapi juga kepada kerajaan yang terpaksa membuat pembaikan kepada jalan-jalan raya yang rosak, parit-parit yang tersumbat untuk mengendalikan segala sampah sarap dan merosakkan segala usaha keindahan alam ataupun kecantikan bandar raya, kerosakan kepada alat-alat elektronik dan apatah lagi ancaman yang berlaku kepada kesihatan manusia yang tidak boleh kita memperincikan.

Di Sabah khususnya, kerugian yang ditanggung oleh para pekebun terutamanya mereka yang terlibat dalam menanam kelapa sawit risikonya bertambah tinggi terutamanya kepada tanaman-tanaman yang masih kecil yang mungkin hanya berumur enam bulan ataupun satu tahun. Apabila banjir berlaku, maka besar kemungkinan pokok-pokok ini akan

musnah dan kawasannya bukan kecil, kawasannya mengambil kira puluhan ribu hektar apabila banjir-banjir ataupun kesan-kesan daripada iklim yang tidak menentu yang membawa kerugian yang begitu besar.

Seperti yang kita ketahui usaha kelapa sawit adalah merupakan salah satu sektor yang utama di negeri Sabah di mana pada tahun 2006 sahaja sejumlah 153,000 tan minyak kelapa sawit telah dieksportkan melalui kontena ke Timur Tengah, Sepanyol, Romania, Turki dan Germany. Sekiranya kejadian banjir seperti ini akan berterusan di kawasan-kawasan ladang yang lain, ianya pasti akan menjejaskan potensi negara kita untuk mengeluarkan hasil kelapa sawit dan seterusnya akan menjejaskan pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan lain di seluruh negara, misalnya kejadian banjir besar-besaran di ibu kota di Kuala Lumpur dan enam perkampungan di Johor adalah di antara kesan yang diketengahkan. Saya rasa banyak lagi kampung-kampung yang tidak mungkin dapat diperincikan dan selain daripada banjir apa yang berlaku di Pulau Pinang umpamanya, ribut taufan yang mengakibatkan kerugian lebih daripada RM1 juta kepada para petani dan nelayan di kawasan negeri tersebut.

Dengan melihat kepada kejadian-kejadian yang telah berlaku ini, kita perlulah sedar bahawasanya setiap kejadian buruk yang berlaku adalah merupakan kesan dan akibat daripada perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab yang melakukan pelbagai kegiatan yang boleh menyebabkan wujudnya faktor-faktor yang menjadi punca kepada kejadian-kejadian tersebut. Isu pencerobohan lebih daripada 40,000 hektar kawasan hutan simpan kekal atau HSK, di Timur Kelantan oleh pihak-pihak tertentu adalah antara perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan sekiranya operasi pembangunan di kawasan tersebut tidak diurus dan dipantau dengan sebaik-baiknya ia akan menyebabkan berlakunya pencemaran sungai sehingga menjejaskan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, amalan konsep penebangan secara terbuka dan menimbus yang juga dikenali sebagai *cut and fill* dalam pembangunan projek perumahan sehingga menjejaskan kualiti alam sekitar termasuk banjir serta aktiviti pembuangan sisa dirawat atau separuh dirawat ke sungai juga adalah merupakan antara tindakan yang tidak bertanggungjawab yang boleh menjadi faktor kepada banjir, perubahan cuaca dan pencemaran yang akhirnya akan mengancam manusia sendiri.

Justeru itu apa yang telah dikemukakan oleh kementerian untuk membentangi Akta Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 2000 ini perlu diluluskan kerana saya rasa inilah di antara tujuan matlamat kerajaan untuk bagaimana mengurangkan dan memberi satu kesedaran kepada mereka yang tidak bertanggungjawab yang melakukan pembuangan sisa pepejal yang tidak terawat ini yang memungkinkan membawa kesan yang begitu negatif bukan sahaja kepada alam sekitar kita tetapi lebih lagi seperti mana yang dibentangi oleh kementerian tadi, ia membawa satu kemudaratan kepada manusia sendiri.

Saya berharap mudah-mudahan usaha yang diusahakan oleh kementerian untuk memastikan mereka yang bertanggungjawab ini tidak terlepas dan meningkatkan denda yang dikenakan kepada yang mereka terlibat supaya ia dapat memberi satu amaran yang ketat seperti mana yang disebutkan tadi sebagai *deterrent*. Saya pun kadang-kadang susah hendak memahami sebab kalau dalam Akta Anti Dadah kita kenakan hukuman mati sedangkan hukuman mati juga tidak menjadi *deterrent*.

Meningkatkan denda ini adalah satu usaha yang baik tetapi saya juga tidak tahu sama ada ia akan membawa satu kesedaran kepada rakyat tetapi yang pastinya ialah kemudaratan yang diterima adalah kita sendiri sebagai manusia. Kita mestilah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kita menyumbang ke arah kebaikan alam sekitar kita. Dengan kata-kata yang sedemikian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dato' Dr. Norraesah dan selepas itu Dr. Puad.

12.28 tgh.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk sama-sama membahaskan satu rang undang-undang

yang saya anggapkan amat penting dalam soal dan ciri pembangunan negara; pembangunan ekonomi dan sosial.

Kita harus, sebagai warganegara yang sayangkan negara, pandai mengimbang antara pembangunan ekonomi dan juga persekitaran iaitu alam sekeliling yang berkualiti. Ini kerana sekiranya kita meningkatkan produktiviti dan KDNK kita tanpa menjaga alam sekitar kita dan menentukan bahawa kualiti alam itu adalah sesuatu yang sempurna dan baik, maka kita adalah satu negara yang gagal.

Oleh kerana sungguhpun peningkatan dalam KDNK dan pendapatan isi rumah dan juga pendapatan per kapita itu akan meningkat tetapi kualiti hidup kita adalah terjejas. Saya mengalu-alukan tindakan kementerian untuk mengubah dan memperkuatkan lagi syarat dan juga denda yang akan dikenakan kepada mereka yang disabit kesalahan. Kita melihat bahawa dari semenjak awal tahun 80-an dan sememangnya daripada akhir tahun 70-an kita sudah berkempen dengan begitu hebat untuk menentukan bahawa alam sekitar kita adalah terjaga dan terpelihara tetapi masalahnya ialah dalam pengawalseliaan dan penguatkuasaan.

Kalaupun kita ada undang-undang yang ketat sekalipun tetapi pemantauan, pengawalan dan penguatkuasaan undang-undang itu tidak dilakukan dengan sempurna dan seperti yang dihajatkan dalam dasar dan polisi yang diperkenalkan, maka kita juga akan dianggapkan sebagai gagal. Niat dan hajat itu hanya akan menjadi sesuatu yang bermakna dan bernilai sekiranya kita melaksanakan apa yang kita hajat itu dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua perkara yang saya rasa adalah khusus dalam bidang ini. Yang pertama ialah pembuangan toksik adalah sesuatu yang datangnya daripada syarikat-syarikat perkilangan. Untuk menentukan bahawa mereka ini adalah syarikat-syarikat yang bertanggungjawab, *good cooperate citizen* dengan izin, maka penguatkuasaan dan juga pemantauan harus bermula daripada awal itu sendiri.

Saya ingin menyarankan supaya kementerian ini dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, serta juga MIDA mengenakan syarat yang khusus kepada syarikat-syarikat yang akan melibatkan pengeluaran perkilangan yang akan membabitkan sisa-sisa pembuangan berjadual akhirnya.

Ini bermakna satu peruntukan ataupun satu syarat ketat harus dikenakan kepada syarikat-syarikat ini yang mengatakan bahawa sekiranya terdapat, bersabitnya syarikat-syarikat ini dalam soal pembuangan sisa-sisa yang berbahaya dan toksik ini, maka pertamanya satu amaran ketat dikeluarkan. Kalau ini juga tidak diikuti, maka saya ingin menyarankan kepada kerajaan dan kementerian, kedua-dua yang terlibat ini supaya lesen perkilangan itu ditarik balik.

Ini bukan sahaja satu *deterrent* Tuan Yang di-Pertua, ini benar-benar menunjukkan bahawa kementerian-kementerian di dalam kerajaan kita terkoordinasi. Mereka mempunyai satu matlamat dan objektif yang sama sebab kos kepada rakyat, kos kepada kerajaan, kalau sekiranya alam sekitar ini tercemar, adalah amat tinggi. Seperti yang disebutkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Kosnya berjalan dalam jangkaan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Minta laluan Yang Berhormat. Saya amat bersetuju iaitu bahawa jika kilang-kilang ini yang terlibat di dalam pembuangan *schedule waste* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, melakukan kesalahan maka tindakan yang perlu diambil ialah seperti mana yang dicadangkan tadi iaitu tarik lesen mereka ataupun disita dan tutup operasi. Ini satu cara yang lebih bermakna sebenarnya berbanding dengan denda ataupun penjara, supaya mereka tidak meneruskan kesalahan yang sama.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, mungkin kita beri peluang iaitu kalau mereka melakukan kesalahan yang ketiga, ataupun kesalahan yang kedua, barulah tindakan menarik lesen dan disita ini dilaksanakan, supaya memberi ruang kepada kilang-kilang itu untuk membetulkan kesalahan yang telah mereka lakukan.

Saya juga tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi iaitu pengawalan awal. Pengawalan awal ini ialah bermula daripada kilang itu sendiri sebab yang melakukannya ialah kilang-kilang seperti ini. Pengawalan awal ini juga mungkin ialah maksudnya kilang itu sendiri diletakkan satu sistem pemantauan di mana kita dapat melihat operasi mereka melalui CCTV dan sebagainya di mana mereka hendak membuang bahan-bahan buangan berjadual ini ataupun *schedule waste* ini, supaya pemantauan dari awal ataupun pemantauan daripada kilang itu sendiri akan menyebabkan kita mengetahui mereka melakukan kesalahan ini atau tidak.

Apa pandangan Yang Berhormat kalau kita melihat dua perkara ini, iaitu pengawalan, pemantauan daripada kilang itu sendiri dan kalau mereka melakukan kesalahan yang kedua, yang ketiga, barulah disita ataupun ditarik balik lesen.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas cadangan dan pandangan yang diberikan. Saya bersetuju dengan perkara yang mula tadi iaitu pengawalan diadakan daripada awal. Maknanya pengawalan itu harus diadakan dalam tiga peringkat.

Pertama dalam memberi lesen, harus diadakan syarat yang khusus, yang sempurna, yang mudah difahami di mana segala *punishment* ataupun segala kesalahan dan yang setimpal dengan kesalahan itu harus dinyatakan dengan jelas.

Kedua, mungkin ini adalah satu kemungkinan yang dapat kita lakukan iaitu pengawalan di *factory* ataupun di kilang-kilang tersebut yang mudah dilakukan. Kita boleh dapat mengumpul syarikat-syarikat sebenarnya di mana aktiviti perkilangan akan mengeluarkan *chemical* ataupun benda-benda yang toksik. Kita boleh kumpulkan, senaraikan syarikat-syarikat ini sebagai syarikat-syarikat yang berpotensi, yang berisiko akan mencemar udara kita dengan pembuangan toksik dan pembuangan yang berjadual tadi.

Ini adalah satu kemungkinan yang boleh kita timbangkan. Namun ia merupakan kos kepada negara sebab kita harus menyediakan pengawalan di setiap kilang-kilang ini. Walau bagaimanapun, yang penting ialah pendidikan. Mereka harus mengetahui dan sensitif terhadap pentingnya alam sekeliling kita ini terjaga dan berkualiti tinggi. Oleh sebab akhirnya, sekiranya syarikat-syarikat ini mendapatkan pendapatan dan *revenue* yang amat tinggi, namun akhirnya kualiti hidup kita juga terjejas termasuk mereka yang sudah pun mendapat wang ringgit yang banyak, sekiranya pembuangan toksik ini melibatkan tasik-tasik yang indah, akan menjadi buruk dan sungai-sungai yang jernih menjadi kotor.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah kita harus menarik CO-CO ini, yang berkenaan iaitu eksekutif-eksekutif, *chairman* dan juga pegawai-pegawai eksekutif yang berkenaan supaya dipanggil terlebih awal oleh kementerian untuk menyedarkan mereka betapa pentingnya kualiti alam sekitar dalam kehidupan kita. Sebab kos akhirnya tinggi kepada negara dan rakyat.

Keduanya ialah dalam soal pengangkutan. Kita melihat, sungguhpun ada undang-undang yang akan menjaga, menentukan bahawa lori-lori itu tidak akan mengeluarkan asap-asap yang mencemarkan udara tetapi dalam tiap-tiap perjalanan saya, sama ada ke utara ataupun selatan, memang terdapat banyak lori yang benar-benar mencemar alam kita. Di mana penguatkuasaan? Apa yang silap, dan di manakah kecuaiannya?

Oleh kerana jelas pada saya lori-lori ini dibiarkan berjalan, dibiarkan beroperasi sungguhpun terdapat asap yang begitu tebal dan menakutkan kita, diizinkan dan dibenarkan terus beroperasi. Di sini letaknya penguatkuasaan. Adakah terdapat beberapa *leakage* ataupun pembocoran dalam pelaksanaan dan penguasaan. Di sini kita bertanya sesama sendiri, di mana salahnya, siapa salahnya dan bagaimana kita menghadapi ini.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ahmad Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya juga tertarik di atas apa yang disebut Yang Berhormat tentang pencemaran alam yang dilakukan

oleh kenderaan-kenderaan di jalan raya sebab apa, saya *travel* dari Perlis ke Kuala Lumpur amat membimbangkan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, kenderaan-kenderaan ini *especially* lori-lori, tidak bolehkah kita minta PUSPAKOM membuat peraturan, setiap enam bulan sekali untuk buat pemeriksaan supaya lori-lori yang mengeluarkan asap yang sewajarnya, yang tidak menjejaskan alam sekitar. Itu yang pertama.

Yang kedua, tentang syarikat-syarikat besar, *the giant companies* yang membekalkan diesel. Apakah diesel yang ada di negara kita ini pada peringkat yang terbaik? Seperti di Thailand, Singapura dan sebagainya kerana kita dapati bahawa kandungan diesel di negara kita ini, kalau dilihat dari segi kandungan sulfur, antara 0.3% dan 0.5% bersamaan dengan standard Euro dua pada Mac 2007. Tidak bolehkah pihak kerajaan kita Yang Berhormat, pihak berkuasa untuk memanggil syarikat-syarikat ini atau membentangkan tentang kualiti diesel yang ada, kerana kualiti diesel ini menentukan bahawa kilang itu mengeluarkan asap yang banyak atau kenderaan tadi mengeluarkan asap yang banyak. Ia melalui minyak diesel. Ia bukan daripada lori itu sendiri.

Kalau kualiti diesel itu Yang Berhormat - baik, maka pengeluarannya tentulah baik, tetapi kalau kandungannya terlalu tinggi menyebabkan kilang atau kenderaan tadi terpaksa mengeluarkan asap yang tebal, yang hitam. Ini kita seolah-olah menjaga *the giant companies* dan menyebabkan yang susah kita, rakyat yang susah kerana perbuatan *giant companies* ini menyebabkan kita semua bermasalah dengan keadaan alam sekitar. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua perkara yang disebutkan tadi, pertama ialah penguatkuasaan ataupun satu saranan yang melibatkan PUSPAKOM untuk menentukan bahawa lori-lori yang berjalan di jalan raya itu tidak ada pembuangan asap yang berbahaya, yang akhirnya berbahaya kepada kita sebab ia mencemarkan persekitaran.

Saya rasa yang lebih mujarab ialah menentukan supaya JPJ itu sekali, yang pentingnya mengambil tindakan, sebab yang meluluskan lesen lori dan lain-lainnya juga ialah JPJ. Maka ini harus diambil tindakan. PUSPAKOM ialah satu syarikat yang diswastakan. Lebih baik kerajaan itu sendiri yang harus memantau. Kalau kita melibatkan PUSPAKOM tiap-tiap kali kita buat *check*, dia menambahkan pula yuran untuk membuat satu *check* kepada lori-lori ini, tetapi saya rasa yang harus melakukan, mengambil tindakan ini ialah kerajaan sendiri melalui JPJ.

Yang keduanya, soal *giant companies* ini, syarikat-syarikat gergasi. Selalunya syarikat-syarikat gergasi ini lebih prihatin terhadap persekitaran alam. Yang selalu kita dengar ialah syarikat-syarikat tempatan yang lebih kecil dan sederhana, bukan terlalu kecil tetapi sederhana yang ingin memotong kos mereka, meringankan beban kewangan mereka yang melempar dan membuang sisa-sisa toksik ini di tempat yang tidak harus dibuang. Maka, saya rasa dalam soal *content* sulfur yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak begitu pasti siapakah yang sebenarnya mengeluarkan diesel ini. Adakah Petronas? Penggunaan diesel ini bukan saja sesuatu yang harus kita lihat kepada *content* sulfur itu sendiri, tetapi saya rasa kepada *maintenance* lori-lori yang berkenaan. Saya bukannya *expert*, bukan pakar dalam soal sulfur.

Kalaulah ianya sesuatu yang menyebabkan pencemaran alam kita, maka saya rasa kementerian yang berkenaan tentu sekali akan prihatin akan soal ini, dan sekiranya ia merupakan satu saranan yang baik tentu sekali kementerian harus mengambil tindakan dan memberi perhatian dalam soal ini. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kita banyak mempelajari daripada sejarah, di mana beberapa tamadun hapus dan musnah oleh kerana mereka tidak menjaga persekitaran mereka. Kalau kita lihat kepada tamadun maya, kepada apa yang berlaku di Sierra Leone sekarang ini, umpamanya sesuatu yang akan menghapuskan satu tamadun. Satu masyarakat akan terhapus oleh kerana tidak menjaga persekitaran alam mereka. Maka kita harus...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi. Saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat iaitu

tentang sisa toksik ini. Sebenarnya sebelum sesuatu kilang itu ataupun pemberian lesen itu apabila dia membuat permohonan kepada pihak berkuasa tempatan, sudah tentulah pihak berkuasa tempatan minta pandangan daripada jabatan termasuk Jabatan Alam Sekitar.

Tidakkah semasa itu, sebelum permohonan itu diluluskan maka PBT sendiri kena tahu dan Jabatan Alam Sekitar kena tahu, di manakah kilang ini akan membuang sisa toksiknya. Pada pandangan saya, masa itulah penguatkuasaan mesti dijalankan dan sebelum alam sekitar meluluskan, ia hendaklah memberi pandangan dan dia kena tahu di mana sisa toksik itu akan dibuang. Kalau tidak, selepas kilang itu dibina maka akan menjadi masalah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pandangan Yang Berhormat itu adalah sesuatu yang tepat sekali yang saya bersetuju. Di sini timbullah soal koordinasi di antara kementerian-kementerian. Sungguhpun yang mengeluarkan lesen adalah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, namun, saya rasa oleh kerana Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan *environment* ini adalah sesuatu yang amat penting, maka kementerian juga harus terlibat apabila sesuatu lesen itu hendak dikeluarkan.

Mesti ada koordinasi di antara mereka sebab, segala-galanya adalah bertembung kepada soal pembangunan negara, pembangunan ekonomi, kehidupan sosial dan juga kualiti kehidupan kita. Maka kita harus mengambil suatu tindakan yang *holistic*, yang merangkumi segala-gala, yang akan membawa kualiti hidup yang lebih baik kepada rakyat kita. Sungguhpun kita meningkatkan perdagangan kita, perindustrian kita, pelaburan kita, tetapi kualiti hidup kita adalah terjejas. Saya rasa ini adalah satu kegagalan.

Maka, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kementerian yang membentangkan akta pada hari ini harus ada kaitan rapat dengan kementerian-kementerian yang mengeluarkan lesen-lesen perindustrian, di mana hasil daripada atau akibat daripada aktiviti perkilangan akan menghasilkan atau mengeluarkan bahan-bahan toksik yang merupakan buangan yang berjadual ini. Ini satu perkara yang saya amat setuju.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat akta yang hendak diubah ini, iaitu Fasal 43 dan di mana lebih khusus kalau seseorang itu melakukan kesalahan, yang bersabit kesalahan akan dipenjarakan dan jumlah kewangan yang akan terlibat denda ialah RM500,000, maka saya rasa kementerian juga dengan CEOnya, ketua eksekutifnya juga harus dikenakan KPInya. Kalau sesuatu tindakan tidak diambil terhadap mereka yang salah, maka kita akan mengesyaki bahawa sesuatu yang tidak kena dalam kementerian.

Untuk menunjukkan bahawa niat, hasrat, matlamat itu akan benar-benar tercapai, maka penguatkuasaan yang akan dilakukan oleh kerajaan, oleh kementerian harus juga ada ukurnya iaitu KPInya sendiri. Kalau selalu kita dengar dalam surat khabar dan media berlakunya pencemaran ini, tetapi kementerian tidak mengambil satu-satu tindakan, maka ini harus diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, CEO-CEO mereka ini dan syarikat-syarikat yang nakal-nakal ini harus diambil tindakan. *Directors* nya juga harus dipanggil untuk disoal jawab supaya mereka ini lebih prihatin tentang soal kualiti hidup rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengatakan di sini bahawa penukaran daripada pengarah kepada ketua eksekutif tidak membawa erti apa-apa kepada saya. Hanya nama jawatan itu saja bertukar. Ia tidak membawa erti sekiranya nama itu meningkat kepada satu tahap, satu jawatan yang lebih hebat, tetapi kalau tidak ada pelaksanaan yang benar-benar membayangkan hasrat dan niat kita itu, maka tidak ada ertinya dalam penukaran nama dalam jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita akan melihat dengan penuh keyakinan dan juga dengan penuh harapan supaya pelaksanaan akta ini dijalankan dengan sebaik mungkin. Kita mengharapkan supaya pandangan yang diberikan oleh Dewan Negara ini akan diberi perhatian oleh kementerian. Kita memohonlah, mengharapkan supaya kualiti persekitaran alam kita, sungai kita, kempen-kempen kita tidaklah hanya pada nyanyian sahaja, tetapi kepada sesuatu yang bererti. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya berdiri untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dr. Haji Mohd. Puad.

12.50 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk terus membahaskan mengenai rang undang-undang mengenai dengan kualiti alam sekitar ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama menyentuh tentang penjara mandatori ini iaitu lima tahun dan juga denda tidak melebihi daripada RM500,000. Memang kita nampak hukuman penjara mandatori ini yang sudah dinantikan begitu lama dan juga denda tidak melebihi RM500,000 ini memang nampak begitu interim ataupun adalah merupakan hukuman yang cukup berat sebenarnya yang dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan iaitu pembuangan apa yang disebut sebagai buangan berjadual ini yang mengandungi bahan-bahan toksik ini.

Apa yang menimbulkan kebimbangan kita ialah iaitu yang pertama ialah, kemampuan dari segi pendakwaan nanti, pembuktian. Saya harap kementerian, dari segi mengumpulkan bahan-bahan bukti untuk mendakwa biarlah kita mempunyai persediaan yang rapi. Kita bimbang sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, banyak kes selalunya lepas. Dengan izin seperti kes Eric Chia yang begitu hebat pun boleh lepas. Sekiranya kementerian tidak mempunyai kemampuan untuk melaksanakan dari segi pembuktian pendakwaan maka akhirnya mereka ini boleh lepas begitu sahaja. Walaupun kita sudah pun meletakkan satu denda hukuman mandatori lima tahun.

Saya juga ingin membangkitkan iaitu mengenai "*...tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.*" Sepatutnya ayat yang paling sesuai ialah "*...tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit.*" Sebab kalau tidak lebih RM500,000 ini maksudnya kalau bahan bukti tidak kuat akhirnya dendanya RM5,000 sahaja. Syarikat-syarikat besar seperti ini Tuan Yang di-Pertua, dia boleh bayar sahaja. Setakat RM50,000 pun dia boleh bayar. Tidak melebihi daripada RM500,000 ini boleh menjadi kosmetik untuk hendak mengatakan bahawa kita ini mempunyai undang-undang, hukuman yang berat termasuk penjara mandatori lima tahun. Jika sekiranya kita sendiri tidak mampu dari segi pembuktian dan pendakwaan. Sebab itulah saya fikir sepatutnya yang lebih sesuai ialah "*...tidak kurang daripada RM500,000.*" Apatah lagi sebenarnya, perkara ini sudah berlanjutan lama.

Pihak kilang-kilang ini, kadang-kadang menjadi mafia sebenarnya. Dia mempunyai rangkaian yang kadang-kadang melibatkan mereka yang berada di PBT dan sebagainya. Sebab itulah dengan suasana seperti ini, maka saya bimbang walaupun kita mempunyai hukuman yang berat, tetapi ia tidak dapat dilaksanakan. Apatah lagi ia memberi ruang yang menyebabkan mereka ini dan akhirnya dendanya hanyalah RM50,000 atau RM10,000 dan sebagainya. Sebab itulah saya membangkitkan tadi bahawa pengawalan atau pun pemantauan bermula daripada kilang itu sendiri adalah begitu penting sebenarnya. Terutama kilang-kilang yang kita tahu bahawa dia terlibat dengan bahan-bahan *schedule waste* ini. Itu yang Tuan Yang di-Pertua perlu diberikan perhatian.

Yang kedua tentang CEO tadi. Saya fikir bahawa yang lebih penting di sini ialah sepatutnya pengarah-pengarah syarikat itu pun turut didenda sekali. Bila kita dapati kilang itu bersalah bukan setakat CEO, bermaksud semua sekali lembaga pengarah perlu dikenakan tindakan atau pun hukuman supaya dengan cara ini maka kilang itu merasakan tanggungjawab itu adalah tanggungjawab mereka bersama. Iaitu dari segi tindakan yang kita ambil terhadap kilang yang terlibat dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi disebut bahawa antara tempat yang sering menjadi mangsa kepada pembuang berjadual ini ialah seperti di ladang kelapa sawit dan di sungai-sungai. Kita juga tidak boleh menafikan bahawa dia juga boleh dibuang di tempat-tempat seperti tasik tadahan air dan sebagainya. Saya membangkitkan ini sebab baru-baru ini bila timbul soal tempat pembuangan di Seri Wangi Batu Pahat. Saya bimbang bahawa sebenarnya, tempat-tempat seperti ini juga menjadi sasaran kepada kilang-kilang yang ingin buang bahan-bahan seperti tersebut.

Apabila perkara ini berlaku, apakah pihak yang cuai seperti PBT ini, yang cuai yang tidak mengawal tempat tersebut yang tujuan asalnya ialah tempat pembuangan sisa pepejal, tetapi juga menjadi sasaran kepada kilang-kilang yang membuang bahan-bahan *schedule waste* ini dengan izin. Apakah PBT ini yang cuai dari segi mengawal tempat ini,

dia juga tidak boleh dikenakan denda sebenarnya kerana kecuaiannya ini. Sebab itulah dalam aspek ini, saya mengharapkan Kementerian Sumber Asli ini mestilah mempunyai marlin yang mengawal tempat-tempat ini seperti di tempat yang selalu menjadi sasaran ini atau pun marlin yang mengawal di kilang-kilang tadi supaya pengawalan daripada awal dapat dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan *schedule waste* ini atau pun buangan berjadual ini, apakah sebenarnya kementerian tidak ada satu alternatif supaya daripada bahan-bahan ini dibuang sesuka hati yang membawa kesan kesihatan dan menjejaskan kualiti alam sekitar iaitu memberikan lesen supaya bahan-bahan *schedule waste* ini dapat ditukar kepada bahan-bahan lain iaitu seperti dijadikan batu bata atau pun dijadikan bahan binaan.

Sebab saya melihat ada kajian yang sudah pun dilaksanakan. Bahkan ada negara yang melaksanakan iaitu bahan-bahan *schedule waste* ini dijadikan satu bahan lain seperti batu bata dan alat-alat binaan yang mampu mengelakkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini membuang bahan ini sesuka hati. Saya fikir sudah tentu ada pihak yang ingin memohon lesen tetapi kementerian tidak mahu mengeluarkan lesen sebab ujian mereka ialah *schedule waste is schedule waste* dengan izin. Dia tetap bahan buangan tidak boleh diberikan satu lesen untuk dibuat perkara lain. Saya fikir bahawa alternatif ini harus difikirkan oleh pihak kementerian supaya tidak berlaku perbuatan sesuka hati membuang bahan-bahan bertoksik ini yang membawa kesan kepada kualiti alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon keizinan untuk bertanya kepada kementerian, iaitu dalam jenayah seperti ini, kebanyakan kilang-kilang yang terlibat ini, kilang-kilang yang bagaimana? Kilang-kilang haram kah atau pun kilang-kilang yang berdaftar atau pun kilang-kilang dari luar negara dan sebagainya? Kalau ada data ini, kita memohon sedikit maklumat iaitu siapakah sebenarnya yang banyak terlibat dengan jenayah seperti ini? Saya difahamkan bahawa kilang-kilang haram adalah antara kilang yang banyak terlibat dengan jenayah seperti ini. Kenapakah mereka ini dibenarkan beroperasi? Di mana salahnya? Di mana silapnya sehingga mereka ini terlibat dengan perbuatan membuang sisa-sisa buangan berjadual ini sesuka hati mereka dalam keadaan mereka sendiri tidak mempunyai lesen.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir yang ingin saya bangkitkan di sini ialah, kembali kepada soal pemantauan tadi. Iaitu apabila rang undang-undang ini diluluskan iaitu dengan satu hukuman yang sebegini berat termasuk terhadap CEO nya maka apakah sebenarnya cara dan kaedah kementerian untuk melaksanakannya supaya lebih banyak pihak yang melakukan jenayah ini dapat diambil tindakan. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Gooi.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih, walaupun sudah cukup masa... [Ketawa]
Boleh saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Atau pun Yang Berhormat boleh berucap pada petang ini.

Dato' Gooi Hoe Hin: [Mengangguk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Kita bersidang dalam keadaan gelap sedikit kerana masalah teknikal, tapi saya percaya Dato' Gooi Hoe Hin boleh sambung ucapan sementara dibetulkan, dibaiki keadaan ini. Silakan Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin.

2.33 ptg.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan untuk bersama-sama menyertai dan membahaskan serta memberi pandangan-pandangan dalam suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling, tahun 1924.

Sebentar tadi saya dengar dan teliti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semasa pembentangan rang undang-undang ini serta pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menghuraikan pindaan terhadap Akta itu sedemikian. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menegaskan, soal pokoknya pindaan itu diadakan semata-mata sebagai dengan izin *deterrent*, iaitu pencegahan. Yang Berhormat-Yang Berhormat lain telah pun menegaskan walaupun terdapat pindaan, yang penting sekali ialah penguatkuasaan.

Saya cukup bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad iaitu penguatkuasaan itu sentiasa menjadi masalah. Saya amat kurang faham, entah macam mana ia jadi begini. Apakah yang menjadikan Jabatan Alam Sekitar tidak boleh atau tidak mampu menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada ataupun apakah masalah dia? Saya telah baca dengan teliti Akta Kualiti Alam Sekeliling dan peraturan-peraturannya, saya baca sana, baca sini [*Merujuk kepada Akta*] 30 peraturan-peraturan yang pindaan kepada akta ini kita juga mesti baca, bersama dengan peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling Buangan Terjadual.

Akta ini sama-sama dengan peraturan yang sedia ada 30 peraturan-peraturan, saya dapati itu cukup cantik dan molek. Wah! Bila sebut cantik dan molek semua terang-terang. Apanya yang sentiasa menjadi sehingga penguatkuasaan, izinkan kalau saya cakap bukannya kelam kabut atau tidak sempurna. Adakah itu sikap ataupun kurang penyelarasan ataupun kerana kurang tenaga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya buat rujukan, saya teliti semula aspek tenaga manusia dengan merujuk kembali senarai perjawatan terdapat dalam kertas perintah 10 tahun 2006 yang memberikan senarai perjawatan 2007 di bawah maksud bekalan 23 atau Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Saya setuju dengan huraian Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad. Penguatkuasaan juga selari dengan pendakwaan, kalau Jabatan Alam Sekitar berkuat kuasa tetapi bila sampai ke mahkamah selalunya kes dibuang, hilang semuanya kepercayaan kepada cara kita untuk menentukan alam sekitar. Bila saya rujuk kembali kepada senarai perjawatan, Jabatan Alam Sekitar mendapat satu unit undang-undang. Hanya terdapat dua pegawai undang-undang sahaja, di peringkat bukan tinggi juga iaitu L48 dan L41.

Saya faham kadang-kadang bukan saja pegawai undang-undang di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang akan mendakwa bersama-sama dengan Pendakwa Raya di *AG Chambers*. Namun dua pegawai undang-undang itu pada pendapat saya tak cukup untuk melaksanakan suatu Akta Kualiti Alam Sekeliling dan 30 peraturan-peraturan yang begitu halus, yang begitu baik untuk menjaga alam sekeliling di Malaysia yang kita semua cintai.

Oleh itu saya teliti lagi dari segi ibu pejabat Jabatan Alam Sekitar, 360 orang jawatan. Di negeri-negeri ada 14 orang termasuk Wilayah Persekutuan 1,207 jawatan, bermakna keseluruhan 1,567 jawatan. Sekiranya kita kupas, lihat dan halusi lagi dari 1,567 jawatan, pegawai alam sekitar lebih kurang 60% sahaja, yang lain kumpulan sokongan.

Terlintas dalam fikiran saya, renung-renung dan tengok, adakah dengan pindaan, bolehkah Jabatan Alam Sekitar melaksanakan tanpa waswas, melaksanakan dengan hati jiwa supaya alam sekeliling di negara yang kita cintai ini menepati sasaran, tujuan dan objektifnya. Persoalan saya, adakah cukup pegawai bagi penguatkuasaan? Majlis-majlis kualiti alam sekitar perlu bermesyuarat, perlu berbincang seperti yang ada di situ, Majlis Kualiti Islam, teliti dan kupas. Masalah penguatkuasaan itu memang jadi satu masalah.

Bagi saya, negeri-negeri yang mempunyai industri-industri dan kilang-kilang yang begitu banyak seperti di negeri Selangor, saya tengok perjawatannya hanya 140, di Pulau Pinang 86 sahaja. Saya kurang faham, bolehkah alam sekitar ini menjadi satu perkara yang cukup penting? Bolehkah kita benar-benar melaksanakan penguatkuasaan undang-undang yang begitu cantik dan molek? Namun tenaga manusia walaupun cukup ataupun tidak cukup, bagi pandangan saya yang menjadi perkara pokok ialah sikap yang positif perlu diamalkan oleh pegawai-pegawai iaitu mereka bertindak sebagai pelindung alam sekitar kurniaan Tuhan.

Jika sikap yang positif, walaupun kurang tenaga, kalau mereka bertindak sebagai pelindung kepada alam sekitar, sebagai penjaga kepada kurniaan Tuhan, saya yakin apa jua masalah yang dihadapi oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar akan dapat mengatasi pelbagai rintangan. Saya yakin bahawa pegawai-pegawai JAS yang bertindak sebagai penjaga khazanah negara akan mengamalkan satu sikap yang terbuka.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengikuti perbincangan Yang Berhormat. Saya sedar bahawa kesannya sesuatu akta itu banyak bergantung kepada jentera yang akan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah akta tersebut, tetapi tidakkah juga peka atau hormat atau gerunnya orang awam terhadap satu-satu akta itu menjadi satu faktor juga selagi dalam konteks pindaan ini supaya dengan pindaan di bawah fasal 2, akta itu lebih menjadikan orang lebih peka, lebih hormat dan mungkin lebih gerun, ia juga akan berkesan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas pandangan itu. Saya hendak pergi ke arah itu. Sebagai kerajaan, kita adalah penjaga. Rakyat juga perlu dan harus peka, bukan tujuan kilang-kilang untuk mengaut keuntungan sahaja, walhal mereka mempunyai tanggungjawab sosial. Tanggungjawab supaya apabila tujuan kapitalis itu atau kilang itu hendak buat duit, ia mesti melabur kembali supaya kilang-kilang itu tahap menjaga kualiti alam sekeliling itu akan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Kalau rakyat juga tidak peduli bahawa alam sekeliling itu, saya sendiri sekarang menikmati, saya tidak peduli generasi yang akan datang. Apa tujuan dan niat kerajaan dalam undang-undang itu tidak akan menjadi satu kesalahan. Jadi kita mesti selari. Selari apabila saya nampak di dalam organisasi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Mereka juga ada institut, Institut Alam Sekitar. Institut Alam Sekitar itu perlu mendidik rakyat. Pendidikan untuk rakyat itu bukan datang apabila kita dewasa.

Seperti contoh misal bila pergi ke Jepun, budak-budak kecil sahaja, mereka buang sampah, tidak boleh buang, buang sampah dalam kocek. Selepas itu bila ada tong sampah, baru buang. Dari kecil sudah dididik jaga alam sekeliling. Pendidikan untuk rakyat jelata masih kurang. Boleh tengok dari merata-rata tempat, sungai menjadi longkang, menjadi tempat untuk buang sampah.

Tambahan pula perkara lain yang saya sering kali ucapkan, di dalam sistem pentadbiran untuk melaksanakan undang-undang ialah kurang penyelarasan di antara kementerian-kementerian, jabatan persekutuan sampai ke kerajaan negeri dan seterusnya pihak berkuasa tempatan. Saya amat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Dato' Musa yang tadi menyatakan kita harus mencegah daripada mengelaknya menjadi... Nanti kilang itu sudah dibina, selepas itu masing-masing tendang bola, "Ini bukan hal saya, ini bukan hal.. tetapi kilang itu sudah dibina. Mengapa itu terjadi?"

Bagi pendapat dan pandangan saya, kurang penyelarasan walhal peraturan itu jelas tetapi mengapa begitu banyak kilang haram tidak mengikut peraturan JAS dan sebagainya. Sebagai misal, sebuah syarikat, saya duduk sana saya tahu syarikat itu, Syarikat Bright Rims Manufacturing Sdn. Bhd diluluskan untuk membina kilang ini pada 20 April 1992 untuk menjalankan aktiviti mengeluarkan, dengan izin, *alloy wheel* dengan syarat, selepas itu mendapat kelulusan awal pembinaan kilang daripada Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Alam Sekitar.

Bila sampai ke pihak berkuasa tempatan, tanah pun tidak tukar syarat. Bermacam-macam jadi tetapi kilang sudah naik, siapa punya salah? Penyelarasan. Kilang itu macam-macam ia sudah dapat notis. Ini jawapan daripada Jabatan Alam Sekitar. Kilang ini telah di... dengan izin, saya petik, 13 notis arahan kepada pihak kilang, 15

kompaun telah dikenakan larangan di bawah seksyen 31A, Akta Kualiti tetapi masih berlarutan.

Masih berlarutan seolah-olah kilang itu bermaharajalela. Mana dia itu penyelarasan bukannya satu kilang yang kecil, *heavy industry* dan ikut jadual peraturan, mereka mengeluarkan 'ketmin' dan kalau JAS katakan, "No, no, no, bukan, bukan, kilang itu" Biasanya jawapan bila kita turun ke padang, JAS atau MIDA kata, "No, bukan. Kilang itu wujud sebelum perumahan wujud." Ini diwujudkan pada tahun 1992, Kampung Desa Aman merupakan satu perkampungan baru Cina yang wujud sebelum kilang. Saya pernah jumpa Pengerusi JKKK, tulis surat sampai tangan pun sudah putus, tetapi ada masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah penyelarasan itu merupakan satu cabaran yang terbesar di negara yang strukturnya negara bersekutu, serupa negara kita yang mempunyai tahap persekutuannya, tahap negerinya dan tahap kerajaan tempatannya dan juga adakah penyelarasan itu dibebankan hanya kepada peringkat perkhidmatan awam atau perlu penyelarasan di peringkat kepimpinan politik?

Dato' Gooi Hoe Hin: Soalan ini saya perlu jawab juga, ini penting dua-dua tahap dari segi politik dan dari segi pentadbiran. Sebagai seorang ahli politik kita mesti peka kepada hak rakyat. Mungkin jabatan kerajaan dalam penyelarasan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya sebut kepimpinan politik sebab di peringkat persekutuan pun terdapat kepimpinan politik, di peringkat negeri pun terdapat kepimpinan politik dan di peringkat kerajaan tempatan sekali pun terdapat kepimpinan politik.

Dato' Gooi Hoe Hin: Satu jawapan yang cukup rumit untuk jawab. Tidak perlu saya huraikan Tuan Yang di-Pertua, masalah itu kemungkinan datang daripada kelemahan politik atau kelemahan daripada jabatan kerajaan itu tidak menjadi soalan. Soalan di sini adalah masalah itu wujud. Kita mesti bersama-sama berfikir, mesti bersama-sama bertindak selari supaya perkara pencemaran alam sekitar khususnya pembuangan jadual toksik harus diselesaikan dengan secepat mungkin, kalau tidak, menimbulkan malapetaka.

Oleh itu saya harap pemantauan penyelarasan harus diperketat supaya pihak atasan dan pihak bawahan sama-sama selari. Ingat-ingat, segala yang baik itu datang daripada Tuhan yang maha kuasa, hanya manusia yang membawa keburukan. Dengan demikian kita harus bersama-sama bertekad untuk melindungi alam sekeliling kita yang kita semua cintai. Dengan kata-kata sedemikian, saya pohon menyokong rang undang-undang itu. Semoga dengan penuh harapan, pindaan ini akan mencapai tujuan dan objektifnya dan penguatkuasaannya akan lebih efektif dan berkesan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Mumtaz.

2.54 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya mempunyai beberapa soalan untuk dikemukakan sebelum kita menyokong Akta Kualiti Alam Sekeliling. Yang pertama berkenaan dengan adakah pihak kementerian mempunyai beberapa kiraan, apakah penekanan yang diperlukan dalam bajet bagi memastikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini dapat kita laksanakan dengan baik sebab kita melihat kepada perkara ini yang telah pun banyak kali kita utarakan tetapi dari segi kesan kepada kualiti alam sekeliling nampaknya negara kita masih lagi belum mencapai tahap memuaskan dari segi penjagaan kualiti alam sekeliling.

Oleh yang demikian, mungkinkah pihak kementerian boleh memberikan apakah negara model yang telah kita jadikan contoh dalam penjagaan alam sekitar kerana kita lihat kalau di negara-negara Eropah, penjagaan alam sekitar ini sudah mencapai kejayaan dalam masa 20 tahun dan negara kita telah pun merdeka selama 50 tahun tetapi dari segi penjagaan alam sekitar ini kita mungkin agak terkebelakang.

Yang seterusnya saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mempunyai kuasa untuk meneliti manual kerja dalam semua sektor industri yang melibatkan hal-hal kualiti alam sekeliling sebelum sebarang lesen boleh dikeluarkan oleh pihak kementerian ataupun jabatan-jabatan yang berkenaan khususnya untuk menjaga Akta Kualiti Alam Sekeliling. Itu sahaja soalan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat yang menjawab dengan menyedari segala kuasa-kuasa menteri diberikan oleh Perlembagaan kepada Yang Berhormat untuk menggulung dan menjawab.

2.56 ptg.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan pindaan rang undang-undang tersebut termasuklah Datuk Hajah Dayang Mahani, Dato' Dr. Norraesah, Yang Berhormat Dr. Haji Puad Zarkashi, Yang Berhormat Dato' Gooi dan yang terakhir Yang Berhormat Puan Mumtaz dan juga celahan daripada Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin dan juga Yang Berhormat Dato' Musa.

Sebelum saya pergi lebih lanjut untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan persoalan yang saya boleh jawablah, yang tidak boleh itu kira kita ambil maklumlah. Alam sekitar ini sebenarnya adalah satu anugerah Tuhan, Allah S.W.T kepada kita dan dipinjamkan untuk sementara. Segala apa yang ada di dalam persekitaran kita ialah menjadi milik bersama dan kerajaan hanyalah dipertanggungjawabkan untuk mengurus hal ehwal penjagaan tersebut. Oleh itu keluarlah pelbagai rang undang-undang, akta, enakmen dan sebagainya untuk kita sama-sama bersatu menjaga alam yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T.

Untuk kerajaan menjamin dan menjaga setiap inci alam sekitar kita ini bebas daripada pencerobohan, bebas daripada anasir-anasir yang tidak baik itu adalah amat mustahil. Kita, kerajaan tidak boleh menjaga setiap inci, sebab itulah pada minggu lepas pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melancarkan program di mana dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri iaitu kempen kesedaran alam sekitar di mana *tagline* atau moto kita pada hari itu ialah, "*Tabiat Tidak Apa, Bumi Binasa*". Inilah yang kita pegang, maksudnya kita tidak boleh hanya mengharapkan kerajaan untuk menjaga alam sekitar kita.

Kalau kita lihat negara-negara membangun pun, alam sekitar ini adalah datang daripada diri kita sendiri, daripada rakyat itu sendiri, daripada masyarakat itu sendiri. Maksudnya kesedaran untuk menjaga alam sekitar kita terletak di bahu kita semua dan kerajaan hanya memungkinkan penjagaan tersebut dengan mengadakan undang-undang supaya mereka-mereka yang memang suka mengotorkan alam sekitar, mencemar alam sekitar dan menjadi penjenayah alam sekitar ini dapat kita hukum.

Itulah di antara butir-butir khusus yang kita perkenalkan dalam rang undang-undang yang kita pinda ini iaitu untuk mengelakkan atau untuk *deter* dengan izin, kepada mereka-mereka yang suka membuat jenayah alam sekitar ini supaya tolonglah, janganlah tetapi sama ada ianya berjaya atau tidak berkemungkinan besar kita juga hendaklah memainkan peranan yang proaktif dengan apa yang dibentangkan tadi.

Maksudnya sebab itulah pihak kementerian telah pun melancarkan program-program dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Parlimen mengadakan jaringan di bawah supaya kita semua boleh menjadi mata telinga kepada pihak kementerian di dalam kita menjalankan tugas tersebut. Oleh itu saya hendak maklumkan di sini hari itu di Dewan Rakyat saya silap bagi nombor. Nasib baik tak ada dibangkitkan oleh pihak pembangkang.

Hari ini saya betul-betul hendak cakap di sini nombor ini betul. Nombor talian alam sekitar 1800-88-2727. Saya ulang 1800-88-2727. Hendak order piza tak boleh kat sini. Ini kalau nampak penjenayah-penjenayah, saya suka panggil penjenayah alam sekitar ini. Orang yang merosakkan alam sekitar ini memang penjenayah besar sebab alam sekitar kita ini tidak ternilai harganya. Hendak letak harga RM1, hendak letak harga RM500,000 atau lebih RM500,000 ianya tidak akan mendatangkan apa-apa sekiranya kita tidak menilai alam sekitar kita.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan. Nombor dengan izin, *free toll number* ini bila kita telefon dia *recorded* ataupun dia terus ambil tindakan? Jangan *recorded*. Bila *recorded* tak ada makna macam JPJ itu akhirnya tidak ada tindakan, tidak ada apa, benda berlaku juga. Mohon penjelasan.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih. Nombor kita ini bukan 24 jam lagi Tuan Yang di-Pertua. Nombor kita ini hanya beroperasi sehingga pukul 11 malam. Apa-apa panggilan yang datang selepas pukul 11 malam akan direkodkan tapi kadang-kadang kita juga ada program di peringkat JKK, Dewan Undangan Negeri dan sebagainya kita ada *assign* satu pegawai kepada setiap ADUN ataupun setiap Ahli Parlimen di mana sekiranya ada apa-apa berlaku di kawasan mereka yang mereka lebih tahu daripada pegawai kita sebenarnya, dia boleh terus telefon talian *handphone* pegawai kita, kita akan ambil tindakan serta-merta.

Ini diberi jaminan oleh menteri, diberi jaminan oleh saya di sini sekiranya ada pegawai-pegawai yang kita *assign*, yang kita lantik untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat tak angkat telefon kah, tak jawab kah, tak datang ambil tindakan bagi tahu kepada saya, kita akan ambil tindakan segera terhadap pegawai tersebut. Ini komitmen kita di peringkat kementerian tapi kita memerlukan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat jelata berkenaan dengan ini.

Saya akan meneruskan jawapan kepada beberapa persoalan yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya banyak yang dibangkitkan di dalam perbahasan tersebut, keluar sedikitlah daripada fasal apa yang kita hendak masukkan hukuman dan penjara mandatori dan juga denda. Ini kita....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan sedikit Yang Berhormat. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan atau pandangan Yang Berhormat adakah pencemaran alam sekitar ini begitu teruk sekali di negara kita ini sehingga perlu buat pindaan.

Dato' Sazmi bin Miah: Tak adalah teruk sangat. Di hulu-hulu sungai kualiti air kita bagus lagi tapi masalahnya di muara-muara sungai ini yang tak berapa elok. Sebenarnya bukannya di tahap yang amat teruk sekali tapi kita kena buat dari awal. Dua puluh tahun lepas di Eropah kebanyakan sungai-sungai dia adalah jauh lebih teruk daripada kita. Jauh lebih teruk daripada Sungai Juru, jauh lebih teruk daripada Sungai Seget tapi oleh kerana komitmen mereka terhadap alam sekitar, dua puluh tahun lepas kualiti air yang sangat buruk sekali sekarang sudah menjadi sungai-sungai yang bersih dan kita boleh bermula daripada sekarang. Sebab itu yang kita tekankan pemuliharaan alam sekitar dan penjagaan alam sekitar ini adalah tanggungjawab bersama.

Kita tak hendak hanya dibebankan kepada pihak kerajaan, hanya dibebankan kepada pihak-pihak berkuasa. Maksudnya kalau kita buat macam itu maksudnya *is okay* ataupun okeylah kita boleh buang sampah dalam sungai, kita boleh buang sebab kerajaan ada. Kita boleh buang sampah atas jalan sebab akan ada orang datang kutip, akan ada orang datang membersihkan sampah. *Attitude* sebegitu kita tak hendak. Kita hendak seperti yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi tadi, di Jepun anak-anak diajar apabila makan coklat kertas plastik coklat itu disimpan dalam kocek supaya boleh ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah ditentukan. Ini masalah kita sekarang ini, untuk memberi pendidikan kepada rakyat kita supaya kesedaran itu ada supaya kita boleh menjadi negara maju.

Tuan Yang di-Pertua: Pindaan ini bukan hendak didik, hendak bagi lagi *gone* sebab 33 tahun dahulu Parlimen buat undang-undang jaga alam sekeliling yang masih acuh tak acuh. Kini kerajaan datang semula selepas 33 tahun untuk tingkatkan supaya rakyat lebih akur.

Dato' Sazmi bin Miah: Betul, betul Tuan Yang di-Pertua, sebab dahulu kalau dalam penyediaan kertas-kertas kerja untuk membuat kilang-kilang dan sebagainya yang boleh mengeluarkan sisa barangan terjadual tidak termasuk di dalam kertas-kertas kerja mereka berkenaan dengan alam sekitar ataupun kos pelupusan dan sebagainya. Sebab itulah kebanyakan mereka hanya memikirkan kalau lupus ini kita serah kepada pekerja-pekerja bawah ini *you* lupus sahajalah kita bagi RM50 satu tan di mana sekarang ini kena masukkan dalam kos itu lebih kurang RM400 hingga RM500 untuk pelupusan.

Ini yang kita hendak cuba terapkan supaya kilang-kilang dan juga orang-orang yang hendak buat kilang ini mempunyai sikap dan tanggungjawab sebelum mereka mencecah kaki di dalam bidang tersebut. Sebab kalau kita bercakap fasal undang-undang

tersebut kepada industri-industri kecil, kepada industri-industri seperti pembuatan batik misalnya yang mana amat membebaskan kepada mereka dari segi hukuman RM500,000, penjara lagi hendak kena dan penjara. Kita juga mengambil maklum fasal benda ini. Kita juga mengadakan program-program memanggil mereka untuk diberi penjelasan, diberi pendidikan berkenaan dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Tugas dan tanggungjawab kerajaan, salah kita caj mahkamah. Tugas dan tanggungjawab kita hendak buka kilang kena ikutlah peraturan-peraturan yang telah ditentukan, jadi *severity*...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Mohon laluan Yang Berhormat.

Dato' Sazmi bin Miah: Ya.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak apa yang diperkatakan dalam jawapan Yang Berhormat ini dengan adanya sekarang *one stop centre* untuk mendapatkan kelulusan bangunan, kelulusan lesen, kelulusan alam sekitar *when come* persoalan ini, kita perlu mempercepatkan dari segi kelulusan.

Apa pandangan Yang Berhormat dengan tidak ada *one stop centre*, sekarang ini pun masalah penguatkuasaan, kelulusan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi tadi lesen sudah dapat alam sekitar sudah bagi kelulusan PBT tak tahu bangunan kilang itu telah naik, lesen untuk kelulusan bangunan tidak ada. Dengan adanya *one stop centre* ini perkara yang hendak dicepatkan dalam masa seminggu, apa pandangan Yang Berhormat, bolehkah perkara ini menjadi kenyataan.

Dato' Sazmi bin Miah: Kalau ada kehendak memang bolehlah. Ini di antara masalah kecil yang kita ada. Maksudnya masalah penyelarasan di antara pihak berkuasa tempatan, pihak kerajaan negeri dengan pihak kementerian. Oleh kerana ada sesetengah kuasa itu terletak di bawah pihak berkuasa tempatan sepenuhnya. Pembuatan kilang, *submission* untuk *development order*, *submission* untuk *building plan*, *even planning* dengan izin, *planning* ke kawasan industri dan sebagainya ini di bawah pihak berkuasa tempatan. Kita tak boleh campur.

Kerajaan Persekutuan pun tak boleh campur dan ada juga di peringkat kementerian di bawah jabatan-jabatan yang lain seperti eksport, import-eksport bahan-bahan, jenis-jenis industri dan sebagainya yang kita *in charge* ialah benda-benda yang keluar daripada kilang tersebut sama ada ianya di bawah bahan yang terjadual ataupun tidak dan ada juga penyelarasan yang sekarang ini masih lagi ada kelemahan di mana pihak kerajaan negeri apabila menerima permohonan untuk membuat satu kilang tidak memaklumkan kita sebab mereka pun tak tahu barang yang keluar besok adalah barang toksik. Ini yang di antara masalah-masalah yang kita hadapi tapi kita berusaha untuk menyelaraskan jalinan tersebut di antara kerana negeri, pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, yang kita awasi sekarang ini terdapat lebih daripada 9,000 buah kilang di seluruh Malaysia yang berpotensi, yang boleh mengeluarkan bahan-bahan toksik, bahan-bahan sisa pepejal yang berjadual dan lebih 35,000 kilang di seluruh Malaysia ini. Ini tidak termasuk yang haram lagi ini. Ini yang tidak termasuk yang haram yang kita pergi buat penguatkuasaan tiba-tiba ada satu kilang di situ kita tak tahu *owner* siapa, kita tak tahu dia buat apa tapi bahan yang keluar itu memang *toxicated* dengan izin.

Ini di antara masalah-masalah penguatkuasaan yang kita hadapi. Memang, saya bukan hendak kata ini adalah menjadi punca kita ini tidak cukup kakitangan seperti yang diucapkan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi tadi. Kita tidak meletakkan kesalahan bahawasanya kita tidak cukup perjawatan dan sebagainya. Itu dari segi pentadbiran. Memang kita, kakitangan ada *ratio* dia, seorang jaga lebih kurang dalam 100 buah kilang. Kita hendak kena...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pohon, pohon laluan Yang Berhormat... Minta izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Yang Berhormat sering menyebut tentang pendidikan, bahkan ini merupakan permulaan kepada segala-galanya, fundamental. Menanam nilai, memupuk rasa sayang kepada persekitaran dan alam sekitar bermula dengan pendidikan pada umur yang muda dan awal. Apakah rancangan dan program yang akan dilakukan oleh Kementerian Yang Berhormat bersama dengan Kementerian Pelajaran untuk memupuk nilai ini? Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sempena dengan pelancaran kempen Cintai Alam Sekitar, Kesedaran Alam Sekitar baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita ada penjenamaan semula alam sekitar, kita ada lagu-lagu *folk-song*, yang kita akan terapkan kepada sekolah-sekolah. Insya-Allah pada minggu hadapan, saya akan bagi setiap Ahli Yang Berhormat dua CD, di mana kita boleh sama-sama bernyanyi, "*Ikan kekek, mak iloi-ilo, Atuk Oh Atuk, kenapa engkau..., ikan tulang tersumbat...*" dan sebagainya. Yang ini yang kita hendak pupuk semangat cintai alam sekitar kita, melalui program-program bersama-sama dengan rakyat di akar umbi lagi. Kita hendak didik anak-anak kita ini, terutamanya, sebab bila saya cakap, hari itu saya ada *life* dalam TV.

Saya cakap jangan buang sampah merata-rata, tiba-tiba saya dapat SMS daripada anak saya yang berumur 10 tahun itu, dia kata, "Ayah dekat rumah pun ada buang sampah juga merata-ratakan?" Hah, jadi inilah benda-benda yang kita hendak pupuk supaya sekurang-kurangnya, macam kempen *Tak Nak Merokok* ini, sekurang-kurangnya saya dah dapat hasil dia. Memang orang ramai kata, Kempen *Tak Nak* ini *waste of money and so on*, dengan izin. Pada saya sekurang-kurangnya anak saya yang cakap ini, *ban* saya hisap rokok dalam kereta dengan dalam rumah. Untung dah dua, tiga batang bukan? Maksudnya kesedaran itu kadang-kadang bukan khusus untuk kita, tetapi untuk generasi yang akan datang, untuk anak-anak kita. Supaya mereka tidaklah jadi, bukannya kita ini nakal sangatkan, tetapi tidaklah jadi macam kita. Supaya kita lebih prihatin terhadap alam sekitar kita. Sila.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita sudah mula menyanyi semenjak tahun 1978. Lagi kita menyanyi, lagi kotor sungai kita. Apakah cara yang lebih tegas, yang lebih berani, lebih mulia untuk menanam dan memupuk nilai ini? Kadangkalanya sambil mereka menyanyi, mereka menari. Itu sahajalah, tetapi bila lalu ikut sungai, pencemaran tetap berlaku. Ini yang kita khuatir Yang Berhormat. Kita *stop* menyanyilah kot, kita buat sesuatu yang lebih bermakna.

Dato' Sazmi bin Miah: Kita tak boleh nak *give up*lah. Saya rasa kalau kita ambil sikap bahawasanya apa yang kita buat tak jadi, itu tak jadi, ini tak jadi. Pada pendapat saya, nasib baiklah kita ada nyanyi itu. Nasib baik kita ada Jabatan Alam Sekitar. Nasib baik kita duduk bincang-bincang. Kalau tidak, lagi teruk lagi sekarang ini, tak tahulah. Kita ambil *positive thinks*.

Tuan Yang di-Pertua: Sambil itu kita pinda undang-undanglah.

Dato' Sazmi bin Miah: Sambil itu kita pinda undang-undang yang kita duduk dekat sini semua... [*Ketawa*] Supaya penjenayah alam sekitar ini kita bawa ke muka pengadilan. Kerajaan tidak pernah mengalah, kerajaan tidak akan mengalah dan kerajaan akan terus mendidik anak-anak kita...

Puan Mumtaz binti Md Naw: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sazmi bin Miah: ...Supaya menjadi generasi yang sayang alam sekitar kita, kita cubalah. Kita pakat nyanyi dahulu, "*Ikan kekek...*", "*Atuk, oh Atuk...*" Kita tengok macam mana. Kita serius pasal benda ini. Kita tidak hendak benda itu berhenti di sini sahaja, lepas daripada ini kita buat lagi, tetapi banyak lagi program Yang Berhormat, jangan risau. Ini baru satu. Program jalinan ADUN-ADUN dengan Yang Berhormat Senator belum dibuat lagi. ADUN-ADUN dengan Parlimen ini pun kita adakan. Dahulu tidak ada. Dahulu semua rumah dibina dekat belakangnya sungai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun cakap, rumah kalau hendak dibuat sekarang ini, PBT semua *make sure, make sure* rumah itu di hadapannya sungai, jangan di belakangnya sungai.

Ini maksudnya, benda yang kita sayang letak dekat hadapan, ini rumah kita dekat belakang. Sebab itulah sungai kita kotor. *And then* kita hendak pula caj PBT-PBT ini yang sungai lalu ikut kawasan dia, yang kerajaan sekarang ini, yang mengangkat sampah dalam sungai itu, JPS di bawah Kementerian saya. Bila lalu ikut PBT ini, PBT itu, yang *last* sekali dekat muara itu, kita angkut sampah. Contoh Sungai Kelang, 200 tan sehari kita angkat sisa pepejal daripada sungai-sungai. Daripada Sungai Kelang sahaja, 200 tan. Sampah-sampahnya daripada Gombak, daripada KL, daripada Petaling Jaya, daripada Klang, *municipal council*, PBT. Kita cadangkan, apabila sungai itu masuk sahaja ke kawasan PBT tertentu, kita letakkan perangkap sampah. Di akhir kawasan PBT tertentu, kita letakkan lagi satu perangkap sampah, kita tengok. PBT mana yang paling buat banyak sampah? Kita caj dia orang. Ini cadanganlah. Kena bertanggungjawab. Jangan kata sungai ini JPS yang cuci, tak apalah, kita buang dalam sungai, kita suruh JPS cuci balik.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Pohon laluan Yang Berhormat...

Dato' Sazmi bin Miah: Saya bagi Yang Berhormat Puan Mumtaz dahulu.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya tadi berkaitan, saya memohon pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat kata 1 pegawai 100 buah kilang dia kena jaga. Berdasarkan kepada *ratio* ini, adakah kita melihat satu keberkesanan Akta Alam Sekeliling ini, boleh kita buat dengan *ratio* 1:100 ini kerana saya faham kedudukan kilang-kilang ini bukannya sekelompok. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Sazmi bin Miah: Insya-Allah boleh. Sebenarnya tidak semua kilang daripada 9,000, 100 yang kita jaga itu, yang nakal-nakal. Kilang-kilang ini, apabila dia *fix point premises* dengan izin, maksudnya kilang ini dia tidak *mobile*. Dia duduk sahaja di situ. Senang kita hendak monitor, dia bukan stail macam manusia ini yang pergi ke depan sedikit, dia buang sampah sebab tidak ada pegawai penguat kuasa. Kilang ini dia duduk dekat situ. Maksudnya senang sedikit kita hendak pantau. Dia duduk setempat.

Dengan *deterrent* yang kita ada ini, dengan pengkhususan setiap pegawai jaga ADUN dan juga Ahli Parlimen dan ADUN serta Ahli Parlimen juga tahu kawasan masing-masing. Mereka sebenarnya lebih arif daripada pegawai-pegawai kita dari segi kawasan-kawasan yang berpotensi, sebab kita pun akan menyenaraikan kilang-kilang yang berpotensi mengeluarkan sisa-sisa berjadual ini kepada ADUN-ADUN juga Parlimen masing-masing, supaya mereka tahu inilah kilang-kilang tersebut. Supaya mereka lalu petang nanti, boleh tengok, malam ke boleh tengok. Sama ada kilang-kilang ini, ada yang mencurigakan dan sebagainya, terus telefon pegawai kita. Itu yang kita hendak.

Jadi kita memperluaskan lagi skop pemantauan kepada mereka yang di bawah sekali, di JKKK, di ADUN-ADUN dan Ahli-ahli Parlimen. Itu yang kita cuba buat dan insya-Allah saya rasa apa yang Yang Berhormat Puan Mumtaz maksudkan tadi, kita ada mencukupi, tetapi kalau tambah lagi mungkin lebih baiklah. Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, mendidik satu hal, memantau satu hal. Kalau saya perhatikan di TV3, boleh katakan setiap malam ada sahaja cerita tentang pencemaran alam sekitar ini. Bila disiarkan, baru diambil tindakan. Seolah-olah tidak dipantau. Maksudnya media pula yang tolong pantau. Itu yang menimbulkan kemusykilan. Bila kita buat rang undang-undang ini takut tidak dipantau juga dan saya baca dalam surat khabar tentang RM10,000 diberi kepada wakil-wakil rakyat. Untuk tujuan apa? Maksudnya, apakah sudah dipantau apa yang dibuat dengan RM10,000 ini? Akhirnya saya bimbang nanti duit ini pun diguna untuk benda lain. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Ini pasal keluar TV, kita ambil tindakan. Memang, itu proaktif kita. Itu yang masuk TV. Yang tak masuk TV, yang kita tak cakap kepada orang ramai, memang banyak lagi. Maksudnya, ini adalah kerja jabatan. Siapa-siapa pun, TV ke, Ahli Parlimen ke...

Tuan Yang di-Pertua: Yang masuk TV ambil tindakan itu *reactive*, yang tak masuk TV ambil tindakan itu proaktif.

Dato' Sazmi bin Miah: *That's right.* Maksudnya kalau ada laporan dari Ahli-ahli Yang Berhormat pun kita terus pergi. Ini yang dibuat di dalam TV ini, untuk tunjuk bahawasanya ini pengawasan alam sekitar. Bukan hanya apabila masuk TV sahaja, di *highlight* kan dalam surat khabar sahaja kita ambil tindakan. Tidak, bukan begitu, bukan begitu. Kes-kes yang banyak lagi, beratus-ratus kes yang tidak pernah masuk surat khabar, yang tidak pernah masuk TV pun, kita selesaikan. *Alhamdulillah*, maksudnya tambah lagi seorang pemantau kita, saudara Karam Singh Walia. Elok apa? Saya pun setuju, dedah.

Kita pergi ambil tindakan, apa salahnya. Untuk kita semua. Bukan ini untuk mengatakan bahawasanya Kementerian ataupun jabatan tidak berkhidmat, itu khidmat kita. Apa-apa punca maklumat walaupun daripada tuan-tuan dan puan-puan daripada galeri ini ada masalah alam sekitar, cakap pada kita. Kita ambil tindakan sebab mustahil untuk kerajaan, mustahil untuk Jabatan Alam Sekitar nak jaga setiap inci bumi Malaysia kecuali kita sendiri, semua rakyat jaga.

Berkenaan dengan RM10,000 itu memang yang pertama sekali kita ada *guidelines*, garis panduan untuk Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri membuat program-program tertentu mengikut modul-modul yang kita akan sediakan. Ini kita akan pantau, kita tak adalah bagi duit macam itu saja Yang Berhormat. Kita bagi suruh buat program pertama sekali untuk kesedaran alam sekitar dengan anak-anak sekolah buat gotong-royong untuk cuci sungai dan sebagainya.

Ini untuk menimbulkan kesedaran alam sekitar di peringkat bawah sebab kadang-kadang saya, kita semua ini dok bercakap di Parlimen ini, orang bawah dia dengar gitu saja lepas itu buat tak tau, buat dek saja. Maksudnya apabila kita lancar program tersebut minggu lepas, kita akan turun ke bawah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya ADUN-ADUN, supaya JKKK dapat bersama-sama mendapat kesedaran pentingnya alam sekitar kita ini.

Ada juga tadi yang berbincang berkenaan dengan diesel, saya ingat tadi. Diesel sebenarnya bermula pada 1 April baru ini, kita telah pun menguatkuasakan diesel kepada Standard Euro 2M 500 *batch per million*, dengan izin. Maksudnya kita ke arah mengadakan Euro 4 sebenarnya pada tahun 2011. Ini termasuk petrol dan diesel dikuatkuasakan pada 1 April baru-baru ini.

Maksudnya dengan pengurangan *sulfur content* daripada saya rasa diesel seingat saya 3000 *batch per million* kepada 500 *batch per million* akan mengurangkan asap-asap hitam tersebut. Memang kalau berbanding dengan negara-negara Eropah dan juga kebanyakan negara Asia, kita masih lagi terkebelakang dari segi penggunaan *sulfur content* tersebut. Ada setengah negara seperti di Utara Semenanjung dan di Selatan dah guna Euro 4, Euro 5. Kita lambat sikitlah tapi kami berjanji akan terus mengusahakan ke arah Euro 4, Euro 5.

Ada juga yang berkenaan dengan penarikan lesen kepada syarikat-syarikat yang buat salah tadi. Sebenarnya di antara kelemahan rang undang-undang yang kita ada ini ada juga negara yang kita sekarang sedang tengok ada yang mempunyai *Repeat Offender Act* maksudnya Akta Pesalah Ulang. Maksudnya dia ini memang suka, memang suka sangat buat kesalahan ini berulang-ulang kali. Tak pernah serik, kita penjara ke kita bagi denda ke sampai 10 kali pun dia buat juga. Ini kadang-kadang antara undang-undang yang kita lihat dan kita akan kaji sama ada keberkesannya ini boleh dibuat di dalam penjagaan alam sekitar kita.

Lesen-lesen kita sebenarnya macam saya cakap tadi berkenaan dengan kuasa-kuasa pihak berkuasa tempatan, pihak kerajaan negeri dan juga pihak-pihak lain yang memberi lesen tertentu kepada syarikat-syarikat tertentu yang berkenaan dengan terus dengan kita seperti katalah pengitaran semula yang lesennya diberi oleh Jabatan Alam Sekitar memang ada peruntukkan untuk kita tarik balik lesen, tapi kalau dia tidak berkenaan dengan *direct* ataupun terus dengan kita, memang kita tak boleh.

Kita hanya boleh menyekat, menarik balik lesen-lesen yang diberikan khusus untuk sesuatu pembuatan sesuatu benda yang ada dalam komponen kilang tersebut, tapi kita boleh menyarankan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan, pihak-pihak yang

berkenaan untuk menarik balik lesen ataupun untuk mengubah kilang tersebut ke kawasan-kawasan yang lebih selamat atau lebih sesuai. *Recommendation* sahaja, kita tak boleh nak kata nak pergi dah tak boleh, lesen tak boleh beroperasi dan sebagainya.

Inilah di antara saya rasa bukan kelemahan tapi penyelarasan yang perlu kita adakan dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak-pihak yang berwajib. Kita juga ada proses *e-consignment* di mana kita sebenarnya *track* ataupun kita sebenarnya memantau perjalanan di antara bahan-bahan yang keluar di sesebuah kilang dan yang masuk daripada sebuah kilang. Maksudnya kita melalui *e-consignment note*, nota *consignment* boleh tahu bahan mentah yang masuk kilang ini sebanyak mana dan hasil yang keluar sebagai produk dan sebagai sisa itu sebanyak mana.

Ini memang kita buat. Ini memang dah mengikut peraturan perlu dan juga bukan sahaja kepada *waste generator* tadi, juga kepada *waste recycler*. Dia daripada *waste generator* ini maksudnya yang buang toksik dia akan pergi ke satu kalau *waste* tersebut kalau boleh diguna balik, dia pergi ke *waste recycler*. Daripada *waste recycler* tersebut, sama ada dia hantar balik bahan mentah kepada *waste generator* ataupun dia hantar kepada *waste disposal*. Maksudnya orang yang melupuskan sisa-sisa tersebut.

Di Malaysia ini terdapat dua pemupus sisa yang diiktiraf daripada kerajaan. Yang pertama di Kualiti Alam, Bukit Nanas, Negeri Sembilan dan yang kedua di Prainiken di Mambong, Sarawak bagi Sabah dan Sarawak. Ini dua konsesi ini diberi yang saya tahunya Kualiti Alam selama 15 tahun sehingga 2011 kalau saya tidak silap. Mereka ini sahajalah yang diluluskan oleh kerajaan untuk melupuskan bahan sisa berjadual tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Akta Kualiti Alam Sekeliling ini adalah satu akta nak jaga kualiti alam sekeliling. Yang menjaga kualiti alam sekeliling itu ialah kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan. Katalah dua tahap kerajaan peka, satu tahap kerajaan cuai. Ada tak dalam undang-undang ini yang boleh mendisiplinkan tahap kerajaan itu?

Dato' Sazmi bin Miah: Saya pun kurang pasti Tuan Yang di-Pertua, tapi sebenarnya dia alam sekeliling ini termasuk sungai, penjagaan sungai dan sebagainya masih lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Kerana baru-baru ini ada satu isu yang timbul di satu tempat, satu tahap kerajaan kata kami peka, kamu cuai. Kerajaan nu kata kami peka, kamu cuai. Saya teliti undang-undang ini alangkah baik kalau ada undang-undang yang boleh selesaikan masalah.

Dato' Sazmi bin Miah: Sebab perlembagaan kita Tuan Yang di-Pertua. Dia banyak kuasa-kuasa di peringkat negeri termaktub dalam enakmen kerajaan negeri di mana kerajaan pusat tidak berkuasa dan ada yang *concurrent list* yang boleh bersama-sama jaga, tapi kebanyakannya apabila menjadi milik persendirian itulah yang menjadi masalah, apabila undang-undang kerajaan persekutuan tidak boleh menyentuh undang-undang persendirian ataupun undang-undang kerajaan negeri itu.

Ini di antara saya ambil notalah berkenaan dengan apa yang Tan Sri timbulkan. Memang di antara perkara-perkara yang perlu kita lihat secara holistik sebenarnya di dalam kita menjaga alam sekitar kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas pemerhatian tersebut.

Kita juga dengan adanya pindaan undang-undang ini akan mengadakan taklimat-taklimat kepada syarikat-syarikat dan pihak-pihak industri yang terlibat. Kita juga letakkan undang-undang tersebut, kita maklumkan dalam *website* kita dan juga penerangan kepada pihak berkuasa negeri dan tempatan melalui pejabat-pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri supaya dimaklumkan kepada industri-industri yang terbabit. dan

Dari segi penambahbaikan penguatkuasaan, dari segi macam mana kita nak membuktikan sesuatu kes tersebut apabila sekarang ini dia dah tahu dia nak kena penjara kalau dia salah, maksudnya dia akan kasi *lawyer* yang terbaik dan sebagainya untuk membuktikan dia tak salah dan sebagainya. Ini pun akan jadi masalah kita sekiranya penasihat undang-undang kita dan pendakwa kita tidak sampai ke tahap tersebut. Jadi, kita mengambil *proactive major* dengan izin, dengan menghantar pegawai-pegawai kita

menjalankan latihan secara intensif lagi dari segi pengumpulan maklumat, dari segi perundangan dan sebagainya.

Institut Latihan Alam Sekitar seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat, ada Yang Berhormat tadi untuk menjadi sebagai salah satu alat untuk kita menjadi pendidik kepada rakyat dan pelajar dan sebagainya kita, saya ambil maklum berkenaan dengan itu dan institut ini juga sebenarnya mengadakan latihan-latihan tertentu kepada pegawai-pegawai alam sekitar kita. Kita juga dengan erti kata lain menambah bilangan bukan *spy* lah, pemberi-pemberi maklumat kepada kita yang secara individu, secara persendirian yang kita selalu hubungi.

Sebab kadang-kadang dia ada dalam satu kawasan itu memang penuh dengan kilang-kilang, memang kalau mereka hendak buat sesuatu kesalahan pun pada masa-masa tertentu, awal pagi, tengah-tengah malam dan sebagainya, jadi kita juga menggunakan maklumat daripada orang-orang yang telah kita kenal pasti sebagai agen-agen kita dan kempen-kempen yang akan diadakan kita akan teruskan apa-apa kempen yang ada pun kita akan teruskan Kempen Sayangi Sungai Kita dan sebagainya, termasuk semuanya ini akan masuk di dalam Kempen Kesedaran Alam Sekitar yang kita baru lancarkan.

Saya rasa itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Yang lain-lain itu ada kita ambil maklum, terutama dari segi pemantauan dan penguatkuasaan...

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan pengumuman yang telah dikemukakan tadi. Cuma saya hendak sebut satu aspek yang belum dapat diperjelaskan dengan sejelasa-jelasnya. Kita baru-baru ini telah diumumkan bahawa isu pencemaran udara yang berlaku di Pulau Pinang, dilaporkan kemerosotan tahap penglihatan.

Masalahnya ialah setiap tahun kita tahu bahawa negara jiran kita akan berlaku kebakaran di mana kebakaran itu akan dibawa ke negara kita dan kita juga tahu bahawa undang-undang yang kita luluskan, pinda ada di negara hanya terpakai di negara kita. Bagaimanakah aspek daripada pandangan kementerian untuk hendak menangani masalah yang sentiasa berulang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Itu keluar sedikit daripada rang undang-undang yang kita bentangkan, tetapi secara dasarnya ini adalah di antara negara-negara jadi agak sensitif sekiranya saya berikan pandangan di dalam Dewan ini. Sebenarnya penglibatan lima negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, dan juga Brunei adalah di tahap yang paling baik sekarang ini. Satu jawatankuasa telah pun ditubuhkan terutama sekali bagi memantau perjanjian ratifikasi di antara lima negara ASEAN berkenaan *haze*. Apa? Saya lupalah, tetapi... [*Gangguan rakaman*] ...antara merentasi sempadan.

Mesyuarat ini telah pun diadakan di peringkat menteri pada tahun lepas, tahun ini pun ada dan yang terakhir baru-baru ini di mana akan ditangani bersama dengan kaedah-kaedah tertentu seperti menganak angkatkan satu-satu kawasan di sesebuah negara yang terlibat, negara-negara rakan-rakan ini ataupun cuba membantu dari segi pembakaran terbuka dan sebagainya. Saya tidak boleh hendak cakap lebih pada itu, sebab saya pun tidak ada maklumat Yang Berhormat. Minta maaflah ya. Nanti bila saya ada maklumat saya jawab lagi di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah timbul kebimbangan di sisi Yang Berhormat kalau-kalau jadi macam kata pepatah nyamuk di seberang laut nampak, yang pencemaran gajah di hadapan hidung kita, kita buat tidak tahu.

Dato' Sazmi bin Miah: Sebenarnya nyamuk itu bila jauh nampak macam nyamuklah, sampai hadapan kita sudah jadi macam gajahlah kan. Apa yang gajah-gajah kita nampak kat sini sebenarnya asalnya nyamuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang kita buat sendiri itu kita tidak mahu cakap.

Dato' Sazmi bin Miah: Yang kita buat sendiri itu memang kita keluarkan arahan kepada petani-petani kita. Dia tidak boleh membuat pembakaran terbuka, sekiranya kita

dapati ada pembakaran terbuka dan sebagainya, boleh mendatangkan bencana kepada kita, kita ambil tindakan, banyak yang kita sudah ambil tindakan. Sebab undang-undang kita ketat. Orang yang bakar pun kita boleh ambil tindakan, orang yang ada tempat di kebakaran itu pun boleh kita ambil tindakan, kalau semua tidak ada orang, tanah terbakar, tuan tanah itu pun kita boleh saman untuk diambil tindakan. Maksudnya undang-undang kita amat ketat sekali. Cuma sama ada kita prihatin ataupun tidak. Oleh sebab itulah moto kita "*Tabiat Tidak Apa, Bumi Binasa*". Kurangkanlah penggunaan plastik, tanamlah pokok banyak-banyak.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sumbangan, pandangan, komen dan sebagainya kepada Kementerian ini dan saya ambil maklum akan perkara-perkara yang telah dibincangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BIOKESELAMATAN 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Dato' Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan untuk mengawal selia pelepasan, pengimportan, pengeksporan dan kegunaan terkawal organisma diubahsuai yang hidup dan pelepasan hasilan organisma sedemikian dengan tujuan melindungi kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi dan jika terdapat ancaman kerosakan yang tidak dapat dikembalikan seperti sedia kala, kekurangan bukti saintifik yang sepenuhnya tidak boleh dijadikan sebab untuk tidak diambil tindakan untuk mencegah kerosakan itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terus huraikan.

Dato' Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara yang dihormati, isu biokeselamatan telah mendapat perhatian masyarakat dunia dengan perkembangan dan kemajuan dalam teknologi kejuruteraan genetik atau dikenali sebagai bioteknologi moden membolehkan gen dari satu organisma dipindahkan ke organisma yang lain. Organisma yang menerima gen asing ini dikenali sebagai organisma hidup yang diubahsuai *living modified organisms* dengan izin, atau singkatannya LMOs.

Pemindahan gen ini boleh berlaku di antara mikroorganisma ke tumbuhan, haiwan ke tumbuhan dan sebaliknya. Malah sekarang sudah pun ada padi yang sedang dibangunkan di Amerika Syarikat yang telah dimasukkan gen manusia. Tujuan memasukkan sesuatu gen ke dalam organisma lain ialah supaya fungsi gen itu dapat dihasilkan di organisma penerima.

Misalnya terdapat gen dalam suatu bakteria yang menghasilkan protein yang boleh membunuh sesuatu serangga perosak dan gen ini boleh dimasukkan ke dalam tumbuhan tanaman untuk membolehkan tumbuhan itu menghasilkan protein yang membunuh serangga perosak tadi. Walaupun diiktiraf bahawa bidang bioteknologi moden ini mempunyai beberapa kegunaan tetapi ia juga mewujudkan kebimbangan kerana adanya gen asing di dalam sesuatu organisma yang tiada pertalian taksonomi.

Oleh itu untuk mengurangkan impak LMOs kepada alam sekitar dan kesihatan manusia serta untuk mengambil kira isu sosioekonomi seperti keagamaan, biokeselamatan merupakan satu teras yang penting di dalam membangunkan bioteknologi moden secara lebih selamat.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya *gene* ini betul-betul macam jin yang satu lagi itu...

Dato' Sazmi bin Miah: Betul Tuan Yang di-Pertua, *gene* ini dalam pelbagai rupa dan gaya... [Ketawa]

Melihat kepada kepentingan isu ini, masyarakat dunia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima pakai satu protokol yang dikenali sebagai *Cartagena Protocol on Bio-Safety* dengan izin, pada tahun 2000 untuk mengawal selia pergerakan LMOs merentasi sempadan. Malaysia bersama lebih dari 140 buah negara lain yang menjadi peserta kepada protokol ini, pihak Amerika Syarikat yang merupakan pengeluar utama LMOs tidak menjadi ahli kepada protokol ini.

Protokol ini antara lain memerlukan setiap negara peserta mempunyai undang-undang domestik untuk mengawal selia LMOs. Sehubungan dengan ini Kementerian sebagai *focal point* dengan izin, untuk isu-isu biokeselamatan dan biodiversiti telah menggubal satu rang undang-undang mengenai biokeselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini antara lain bertujuan untuk yang pertama memastikan alam sekitar dan kesihatan manusia tidak di kompromi dalam kita mengimport organisma yang diubahsuai, *living modified organisms* dengan izin, atau singkatannya LMOs ke dalam negara dan juga apabila kita membangunkan industri bioteknologi moden kita sendiri kelak. Yang kedua, Rang Undang-undang Biokeselamatan ini melengkapi agenda bioteknologi negara dengan menyediakan instrumen perundangan yang kukuh bagi industri bioteknologi moden negara. Yang ketiga, memenuhi obligasi negara di bawah *Cartagena Protocol on Bio-Safety*, dan yang keempat, selaras dengan dasar kepelbagaian biologi kebangsaan dan Dasar Teknologi Kebangsaan.

Rang Undang-undang Biokeselamatan ini merupakan satu *enabling law* dengan izin, yang bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan atau NBB, untuk mengawal import, eksport pelepasan dan penggunaan terkawal organisma-organisma yang diubahsuai secara genetik. Produk hasilnya yang terhasil dari bioteknologi moden bagi melindungi kesihatan manusia, tanaman dan haiwan, persekitaran dan kepelbagaian biologi.

Penggubalan Rang Undang-undang Biokeselamatan telah bermula sejak tahun 1996 melalui satu proses konsultasi yang telus dan terbuka serta menyeluruh dengan penglibatan pihak swasta, pihak industri, wakil kedutaan dari negara-negara asing, para penyelidik, NGO dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain. Premis utama penggubalan undang-undang biokeselamatan selain dari melindungi alam sekitar dan kesihatan manusia adalah untuk melengkapi agenda bioteknologi negara.

Perundangan biokeselamatan ini adalah amat penting supaya produk-produk yang terhasil menggunakan bioteknologi moden kita kelak bukan sahaja akan mudah diterima di pasaran antarabangsa tetapi dengan jaminan ianya selamat dan tidak menjejaskan alam sekitar. Rang undang-undang ini akan mempunyai implikasi yang positif kepada pelaburan

luar untuk membangunkan industri bioteknologi moden di negara ini kerana ia menyediakan persekitaran perundangan yang jelas untuk para pelabur.

Dari segi penyelidikan dan pembangunan atau R&D, rang undang-undang ini mengenakan satu proses yang dipermudahkan, *simplified procedure* dengan izin, iaitu aktiviti penyelidikan dan pembangunan hanya perlu dinotifikasikan kepada Lembaga Bio Keselamatan supaya kerajaan tahu akan kesemua aktiviti penyelidikan dan pembangunan berkaitan LMOs yang dijalankan di negara ini. Kita masih tiada LMOs yang dikomersialkan dan buat masa ini beberapa penyelidikan dan pembangunan sedang dijalankan oleh institusi penyelidikan kerajaan ke atas beberapa tumbuhan tempatan seperti betik, kelapa sawit dan juga orkid.

Rang Undang-undang Biokeselamatan adalah diperlukan dalam penyelidikan dan pembangunan kerana jika penyelidikan mengenai LMOs dibangunkan dengan satu sistem bio keselamatan yang jelas dan sempurna adalah lebih mudah hasil R&D ini dikomersialkan dan diterima oleh pasaran luar dan dalam negeri kerana keyakinan bahawa LMOs tersebut telah dicipta dan dibangunkan dengan mengambil kira aspek biokeselamatan. Maka Rang Undang-undang Biokeselamatan ini juga memainkan peranan yang positif kepada penyelidikan dan pembangunan dalam bioteknologi moden.

Rang undang-undang ini bukan sahaja penting bagi menjaga kesejahteraan alam sekitar dan kesihatan manusia, ia juga penting dari sudut keagamaan seperti halal haram. Untuk merealisasikan hasrat kerajaan menjadi halal hab, keperluan undang-undang biokeselamatan adalah amat penting kerana kemungkinan untuk gen khinzir dimasukkan ke dalam LMOs dan dengan ketiadaan undang-undang kita tidak akan dapat memantau LMOs ini.

Sebagai contoh, buah yang mengandungi gen khinzir, jika tidak ada undang-undang, kita tidak akan tahu buah mana yang halal dan buah mana yang haram. Malah Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bermesyuarat pada 12 Julai 1999 telah memutuskan bahawa barangan makanan dan minuman yang diproses melalui kaedah bioteknologi DNA babi adalah bercanggah dengan syarak dan hukumnya adalah haram. Penggunaan bioteknologi DNA babi dalam pemprosesan barangan makanan dan minuman belum lagi sampai ke tahap yang boleh dikatakan darurat kerana masih ada pilihan barang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perlu digariskan bahawa Rang Undang-undang Biokeselamatan hanya terlibat dengan bioteknologi moden yang menghasilkan LMOs. Rang undang-undang ini tidak mengawal aktiviti bioteknologi yang lain seperti *bioremediation* dengan izin, kultur tisu, pembiakan hibrid, *fermentation*, bioteknologi herba, farmaseutikal, dan aplikasi bioteknologi yang lain.

Buat masa ini negara kita masih belum menghasilkan sebarang LMOs secara komersial. Kita berada pada tahap penyelidikan dan pembangunan berkaitan LMOs dan sekarang lebih banyak menerima LMOs dari luar negara. Oleh itu satu undang-undang khusus untuk mengawal selia LMOs yang memasuki negara kita amat diperlukan segera untuk memastikan ia selamat digunakan.

Buat masa ini kita tidak mempunyai sebarang data mengenai LMOs yang memasuki negara ini kerana ketiadaan perundangan yang khusus untuk memantau LMOs tersebut. Dengan adanya Rang Undang-undang Biokeselamatan ini, kita akan dapat mengawal selia import LMOs dan keperluan undang-undang ini juga diperlukan oleh industri bioteknologi untuk tujuan *traceability* terutamanya apabila kita mengeksport semula LMOs ke negara lain. Oleh itu dari segi import, Rang Undang-undang Biokeselamatan ini diperlukan oleh industri bioteknologi supaya mereka tahu keperluan undang-undang kita dan akan memudahkan mereka apabila mereka ingin mengeksport semula LMOs yang telah diproses di negara ini.

Tanpa Rang Undang-undang Biokeselamatan, kita tidak ada maklumat mengenai LMOs yang masuk ke negara ini. Jepun pada tahun lepas telah dapat mengesan LMO jagung yang masih belum diluluskan sebagai makanan manusia telah dieksport ke negara Jepun dari Amerika Syarikat. Jagung LMO ini tidak diluluskan sebagai makanan manusia di Amerika Syarikat itu sendiri. Ekoran dari itu, Jepun terpaksa mengambil tindakan untuk

menghentikan pengimportan jagung daripada Amerika Syarikat sehingga Amerika Syarikat meyakinkan mereka bahawa jagung yang dieksport ke Jepun tidak mengandungi *variety* yang tidak diluluskan. Jepun telah berjaya berbuat demikian kerana mereka mempunyai perundangan biokeselamatan. Amerika Syarikat sendiri mempunyai peraturan-peraturan mengenai LMOs.

Negara China juga baru-baru ini telah meluluskan undang-undang biokeselamatan supaya keyakinan terhadap LMOs dari China diperkukuhkan dan akan diterima oleh pasaran antarabangsa. Ketiadaan undang-undang biokeselamatan akan menyebabkan Malaysia menjadi *dumping ground* dengan izin, bagi LMOs yang masih tidak diluluskan

Tuan Yang di-Pertua, saya akan sekarang menerangkan rang undang-undang ini secara terperinci. Rang undang-undang ini dibahagikan kepada tujuh bahagian seperti berikut:

- (i) Bahagian I - Permulaan;
- (ii) Bahagian II – Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan;
- (iii) Bahagian III – Kelulusan bagi pelepasan dan import;
- (iv) Bahagian IV – Pemberitahuan bagi eksport kegunaan terkawal dan import bagi kegunaan terkawal;
- (v) Bahagian V – Penilaian risiko dan pengurusan risiko dan pelan gerak galas kecemasan;
- (vi) Bahagian VI – Penguatkuasaan; dan
- (vii) Bahagian VII – Pelbagai

Di Bahagian I, dijelaskan bahawa akta ini boleh dinamakan Akta Biokeselamatan dan akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Selain itu tafsiran terminologi-terminologi penting dihuraikan dalam bahagian ini. Perlu digariskan definisi biokeselamatan itu sendiri tiada dalam akta ini kerana tajuk panjang akta ini jelas mengenai perkara ini dan tujuan akta ini.

Perkara-perkara yang akan dikawal selia oleh akta ini seperti *biotechnology* moden dan organisma diubahsuai yang hidup diberi tafsiran yang jelas. Perlu dijelaskan juga *Cartagena Protocol on Biosafety* dengan izin, juga tidak mendefinisikan perkataan biokeselamatan atau *biosafety* dengan izin, kerana ianya jelas apabila seseorang membaca protokol tersebut dan juga rang undang-undang ini... kering tekak Tuan Yang di-Pertua.

Dalam menyahut hasrat kerajaan untuk memperkemaskan *delivery system* dengan izin, Bahagian II rang undang-undang ini menjelaskan tentang penubuhan dan fungsi Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan sebagai *one-stop agency* dengan izin, mengenai semua perkara berkaitan biokeselamatan. Ia juga menerangkan akan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik iaitu GMAC yang akan menasihati lembaga mengenai isu-isu saintifik dan teknikal apabila lembaga ini membuat sesuatu keputusan.

Bahagian III menjelaskan tentang tatacara untuk kelulusan bagi pelepasan LMO ke persekitaran dan pengimportan LMOs.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang kaya dengan biodiversiti, setiap pengenalan LMOs baru ke persekitaran perlu dikawal selia supaya ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada alam sekitar dan juga kesihatan manusia. Ini adalah penting kerana sudah terdapat kes di mana LMOs jagung telah mencemarkan *variety* jagung-jagung asal di Mexico. Mexico merupakan *centre of origin* dengan izin, bagi jagung dan harus ditekankan Malaysia merupakan *centre of origin* dengan izin, untuk padi. Oleh itu, kita perlu mempunyai satu rang undang-undang biokeselamatan untuk mengawal selia perkara ini.

Satu LMO yang telah diluluskan boleh dibawa masuk selepas kelulusan pertama tanpa sebarang kelulusan baru. Peraturan-peraturan akan digubal untuk melaksanakan

peruntukan seksyen ini dan juga untuk menjelaskan pengimportan berikutnya LMOs yang sama oleh orang perseorangan dan syarikat-syarikat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kelulusan adalah tidak diperlukan untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pengeksportan berkaitan LMOs. Ini adalah untuk tidak membendung perkembangan *biotechnology* moden. Aktiviti penyelidikan dan pembangunan hanya perlu diberitahu - *notify* dengan izin, kepada lembaga.

Sehubungan ini Bahagian IV rang undang-undang ini adalah berkaitan keperluan untuk memberitahu lembaga apabila seseorang mengeksport LMOs atau menggunakan LMOs dalam keadaan terkawal serta pengimportan LMOs untuk R&D.

Rang Undang-undang Biokeselamatan ini memerlukan pengeksport memberitahu, *notify* dengan izin, Lembaga Biokeselamatan akan pengeksportan LMOs supaya lembaga boleh menasihati pengeksport tempatan akan undang-undang keselamatan yang terdapat di negara pengimport supaya barangan kita tidak ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko serta pelan gerak balas kecemasan. Laporan penilaian dan pengurusan risiko adalah diperlukan untuk membolehkan lembaga membuat penilaian saintifik terhadap sesuatu permohonan berkaitan sesuatu LMO sebelum sesuatu keputusan yang diambil.

Memandangkan LMO adalah benda hidup dan boleh berinteraksi dengan alam sekitar dan mungkin mempunyai kesan yang negatif apabila permohonan dikemukakan, pemohon juga perlu mengemukakan satu pelan gerak balas kecemasan sekiranya sesuatu yang tidak diingini berlaku. Ini adalah kerana jika sesuatu yang memudaratkan berlaku, dikhuatiri kerosakan yang berlaku tidak boleh dibalikkan kepada sedia kala seperti kes kontaminasi jagung *variety* asal di Mexico. Oleh itu, laporan-laporan dan pelan ini adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI adalah berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang biokeselamatan ini. Pegawai yang berikut bolehlah menjalankan kuasa di bawah bahagian ini ialah:

- (i) seorang pegawai penguat kuasa lembaga;
- (ii) pegawai yang dinyatakan dalam jadual ketiga; dan
- (iii) mana-mana pegawai lain lembaga atau mana-mana pegawai awam lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh pihak lembaga.

Dengan ini adalah jelas usaha mengadakan rang undang-undang ini merupakan suatu inisiatif kerajaan yang amat penting dan menggambarkan kepekaan serta tanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional terhadap pentingnya kita menjaga kesejahteraan alam sekitar serta kesihatan rakyat di samping memastikan *biotechnology* moden berkembang dengan sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada Yang Berhormat yang ingin menyokong.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu Akta untuk menubuhkan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan untuk mengawal selia pelepasan pengimportan, pengeksportan dan kegunaan terkawal organisma diubahsuai yang hidup dan pelepasan hasil organisma sedemikian dengan tujuan melindungi kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan pelbagai biologi dan jika terdapat ancaman kerosakan yang tidak dapat dikembalikan seperti sedia kala, kekurangan bukti saintifik yang sepenuhnya tidak boleh dijadikan sebab untuk tidak mengambil tindakan untuk mencegah kerosakan itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Silakan Yang Berhormat Ir. Hiang A Li.

3.58 ptg.

Ir. Hiang A Li: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana telah diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita semua sedar negara kita dan juga banyak negara yang lain sedang giat mengamalkan penggunaan *biotechnology* yang baru, yang moden untuk meningkatkan kualiti dan juga produktiviti keluaran bahan-bahan makanan dari sektor pertanian. Seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen katakan tadi, kami memang bimbang juga tentang kualiti bahan-bahan makanan yang dihasilkan daripada teknologi-teknologi yang baru seperti *genetic modified organism* dengan izin, atau adakah bahan-bahan atau kualiti-kualiti bahan-bahan yang dihasilkan itu sesuai atau selamat untuk makanan kita ini. Juga dari segi *short term* atau *the long term* dengan izin, adakah memberikan kesan-kesan yang buruk.

Memang sekarang kita ada nampak kebanyakan penyakit-penyakit yang selalunya hanya untuk orang-orang yang lama tetapi begitu juga kita nampak terdapat orang-orang muda pun *suffer with the disease* yang sepatutnya untuk orang-orang tua. Itu satu kebimbangan yang biasanya selalu ditimbulkan. Oleh sebab-sebab yang disebutkan tadi, pihak kerajaan harus berjaga-jaga dalam hal ini, iaitu amaran penggunaan bioteknologi atau teknologi yang moden untuk menghasilkan atau membuat *genetic engineering* dengan izin, dan juga menggunakan bioteknologi untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Pada hemat saya, antara lain rang undang-undang ini mempunyai dua tujuan pokok. Pertamanya ialah bagi bersiap sedia supaya negara dapat menempuh dan menangani satu alam baru; dan keduanya ialah bagi memberi isyarat bahawa Malaysia mampu menangani pelan baru dan kita tambahkan.

Ir. Hiang A Li: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang itu satu ingatan yang baik dan saya memang sampai ke situ. Ya, itulah saya katakan supaya pihak kerajaan harus berjaga-jaga dalam hal ini dan mewujudkan satu...

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan.

Ir. Hiang A Li: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pihak kerajaan harus perlu berjaga-jaga dalam hal ini dan sampai masanya untuk mewujudkan satu mekanisme untuk mengawal dan menjamin kualiti bahan-bahan makanan yang dihasilkan dengan menggunakan bioteknologi atau *genetic modified organisms*, adalah selamat digunakan dan dimakan oleh rakyat.

Oleh itu saya di sini ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana telah dapat mencadangkan untuk mewujudkan satu akta bernama Akta Biokeselamatan 2006 dengan tujuan untuk menubuhkan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan supaya boleh mengawal selia pelepasan, pengimportan, pengeksporan, kegunaan terkawal organisma diubahsuai yang hidup, pelepasan hasilan organisma dan juga untuk tujuan melindungi kesihatan manusia iaitu rakyat kita, tumbuhan-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi. Saya berpendapat bahawa pewujudan akta berkenaan adalah sangat tepat pada masanya kerana kita perlu satu mekanisme seperti ini untuk mengawal bioteknologi dan menjamin bahan-bahan makanan yang dihasilkan dari cara bioteknologi atau *genetic modified modification technology*, dengan izin sebelum cadangan bioteknologi digunakan seluas-luasnya dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum cadangan rang undang-undang ini disokong, saya ingin memberikan beberapa pandangan berkenaan dengan akta yang dicadangkan ini.

Pertama, akta ini adalah melibatkan perkara-perkara yang sangat teknikal seperti *genetic modified organisms*, dengan izin atau organisma diubahsuai. Teknologi-teknologi ini adalah satu maklumat atau pengetahuan yang baru dan tidak ramai atau belum ada pegawai-pegawai dalam kementerian yang mahir dalam perkara ini. Dalam akta ini di

seksyen 4, memang ada cadangan untuk menubuhkan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan, tetapi akta tidak ada disebutkan atas syarat-syarat seperti kelayakan atau *qualification*, pengalaman pengetahuan yang sesuai dalam bidang ini bagi lantikan ahli lembaga ini. Saya percaya dengan pelantikan ahli lembaga yang berkelayakan, berpengalaman, berpengetahuan yang sesuai dalam bidang ini, memang lembaga akan dapat beroperasi dengan lebih berkesan dan lebih berprofesional.

Begitu juga dalam seksyen 38 bagi pelantikan pegawai penguat kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan akta ini tidak juga menyebutkan kelayakan, pengetahuan atau pengalaman yang sesuai dalam bidang ini. Dalam akta ini hanya menyebutkan dalam Jadual III, mana-mana pegawai polis, pegawai pemeriksa, Jabatan Pertanian dan sebagainya untuk boleh menjawat jawatan untuk pegawai-pegawai penguat kuasa dalam akta ini. Saya percaya juga pegawai penguat kuasa yang berpengalaman, berkelayakan yang sesuai dan pengetahuan yang sesuai akan dapat melaksanakan penguatkuasaannya dengan profesional dan juga dengan berkesan. Saya di sini ingin mencadangkan supaya Kementerian memasukkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi sebagai hitam putih sebelum akta ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua dalam akta ialah penalti bagi melakukan kesalahan atau denda akan didenda sebanyak RM250,000. Sebelum itu RM2 juta, bukan? Kalau saya tidak silap dalam akta berwarna biru, RM2 juta tetapi telah ditukar ke RM250,000 selepas perbincangan - atau dipenjarakan selama tidak melebihi lima tahun untuk orang perseorangan. Untuk pertubuhan perbadanan dendanya adalah RM250,000 dan jika masih berterusan kesalahannya dia akan didenda sebanyak RM20,000 setiap hari.

Saya nampak denda yang dikenakan dalam akta ini adalah jauh lebih tinggi daripada kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang lain dalam Akta Alam Sekitar biasa. Ini nampaknya tidak begitu seimbang. Di sini satu perkara yang saya nampak ialah untuk bioteknologi itu penting, kita perlu menguatkuasakannya dengan baik. Itu adalah satu *deterrent*, tetapi saya percaya dalam *environmental pollution*, dengan izin, adalah sama penting untuk menjaga alam sekitar kita.

Itu sahajalah dua perkara yang ingin sebutkan di sini. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong akta yang dicadangkan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Datuk Hajah Dayang Mahani.

4.08 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk sama-sama membahaskan satu akta untuk menubuhkan sebuah Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan dan juga untuk mengawal selia pelepasan pengimport, pengeksport dan kegunaan terkawal organisma diubahsuai yang hidup dan pelepasan hasil organisma sedemikian dengan tujuan melindungi kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar daripada pelbagai biologi dan jika terdapat ancaman kerosakan yang tidak dapat dikembalikan seperti sedia kala, kekurangan bukti saintifik yang sepenuhnya tidak boleh dijadikan sebab untuk tidak mengambil tindakan untuk mencegah kerosakan itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Rang Undang-undang Biokeselamatan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan obligasi Malaysia di bawah Protokol Cartagena tentang biokeselamatan kepada konvensyen, tentang kepelbagaian bioteknologi. Pengesahan terhadap protokol yang telah dibuat pada tahun 2003 adalah bertujuan untuk melindungi negara daripada kemungkinan risiko organisma hidup diubahsuai ataupun LMOs yang dihasilkan melalui bioteknologi moden.

Tuan Yang di-Pertua, bioteknologi moden telah diakui ramai sebagai pencetus kemajuan kegemilangan sains pada Abad ke-21. Melalui kejuruteraan genetik, kandungan genetik pada organisma-organisma tertentu telah dimanipulasikan dengan teknologi DNA, reka binaan untuk kegunaan industri perubatan dan pertanian seperti makanan ubahsuai genetik atau GMO, rawatan perubatan baru seperti diagnostik kanser atau vaksin, produk

industri baru seperti *bioethnol*, *biofuel*, ataupun *biofiber* dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan bahawa aplikasi bioteknologi telah merubah pandangan kita terhadap diri sendiri, terhadap alam sekitar dan masa depan kita.

Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kurnia sumber kepelbagaian hayat, ataupun biodiversiti dapat memanipulasikan segala aplikasi bioteknologi untuk memajukan sumber-sumber mentah yang kita ada kepada produk-produk yang lebih bernilai tinggi. Ini juga adalah selaras dengan slogan Dasar Bioteknologi Kebangsaan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua tahun yang lalu, iaitu Menjana Kemakmuran Ekonomi dan Kesejahteraan Sosial. Ungkapan menjana kemakmuran ekonomi perlu dijadikan fokus dan pemangkin kepada penyelidikan. Pembangunan dan inovasi yang lebih proaktif untuk menggerakkan jentera penjana ekonomi negara yang lebih mampan dan berdaya saing, selain daripada mencipta penjenamaan negara Malaysia yang mengadaptasikan konsep k-ekonomi dalam segala bidang dan bukan hanya tertumpu pada teknologi maklumat dan komunikasi ataupun ICT sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menurut definisi oleh *Biotechnology Industry Organization* atau BIO, bioteknologi merupakan aplikasi proses-proses *biological* untuk menyelesaikan masalah ataupun dalam menghasilkan produk yang berguna. Bioteknologi sebenarnya telah lama diaplikasikan dalam kehidupan kita seharian.

Pembuatan kicap, belacan, tempe, minyak kelapa dara ataupun *virgin coconut oil* dengan izin, dan lain-lain juga menggunakan teknologi-teknologi yang tercakup dalam bioteknologi seperti teknologi fermentasi ataupun penapaian. Namun begitu, apa yang kita perlu fokuskan adalah aplikasi bioteknologi moden yang melibatkan teknologi DNA, reka binaan dan pengklonan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengupas sedikit berkenaan dengan organisma diubahsuai hidup ataupun LMOs. LMOs merujuk kepada mana-mana organisma hidup yang memiliki gabungan genetik baru yang diperoleh melalui penggunaan bioteknologi moden seperti teknologi DNA, reka binaan dalam interpretasi lain LMOs dan GMOs adalah sama. Contoh-contoh bagi LMOs adalah hasil pertanian yang telah diubahsuai untuk meningkatkan produktiviti dan rintangan terhadap penyakit atau serangan serangga perosak, LMOs juga merupakan asas kepada penghasilan pelbagai bentuk produk dan komoditi pertanian. Ini termasuk, produk terproses yang menggunakan GMOs bukan hidup, atau *non-living organism* seperti vaksin dan *food additive* seperti bahan-bahan terbitan daripada jagung dan kacang soya.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa amat perlu untuk kita memperkatakan mengenai biokeselamatan. Biokeselamatan adalah tema yang digunakan untuk menerangkan usaha-usaha untuk mengurang serta menghapuskan terutama sekali sebarang kemungkinan risiko yang terhasil daripada bioteknologi dan produk-produknya. Ia merangkumi aspek praktik-praktik yang selamat dalam mengendalikan bahan-bahan bioteknikal, pengurusan risiko kontaminasi, rangkaian makanan serta memperkenalkan piawaian keselamatan dalam kerja-kerja penyelidikan.

Bioteknologi moden adalah satu bidang yang baru dan campur tangan manusia dalam kejuruteraan genetik telah menyebabkan satu revolusi dalam eksperimen semula jadi gen. Ini menimbulkan kebimbangan dari segi keselamatan kepada produk makanan dan hasil pertanian serta haiwan yang diubahsuai. Ditambah pula interaksi LMOs dengan pelbagai ekosistem belum ditemui. Malah terdapat juga kerisauan kepada potensi kesan sampingan terhadap kepelbagaian bioteknikal serta kemungkinan risiko terhadap kesihatan manusia.

Kebimbangan terhadap kemungkinan risiko inilah termasuk perubahan yang tidak dijangka dari segi persaingan ataupun '*competitiveness-regulent*' dan ciri-ciri lain pada spesies sasaran. Impak sampingan yang mungkin terdapat spesies bukan sasaran seperti serangga yang berguna dan ekosistem serta kestabilan gen yang dimasukkan atau *integrated gen*, yang mana gen tersebut tidak efektif ataupun dipindah semula ke rumah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita berada dalam era globalisasi yang mana segala pertukaran informasi, pertukaran pandangan antarabangsa serta pergerakan manusia dari satu tempat ke satu tempat yang lain, adalah tidak terbatas. Selain itu, mudah untuk virus dan *microbe* ataupun mikroorganisma atau bakteria dibawa masuk melalui sempadan kita. Kita telah dan masih lagi dibelenggu oleh peristiwa penularan penyakit selesema burung ataupun *avian influenza*. Kita juga pernah dihantui oleh peristiwa sindrom pernafasan akut teruk ataupun SARS. Selain itu, ancaman pengganasan dan penghasilan senjata *bioweapon* terutamanya bagi rantau ini sememangnya membimbangkan kita.

Peristiwa-peristiwa seumpama ini menyedarkan kita bahawa perlunya kita mengawal import, eksport dan penggunaan organisma-organisma ini di negara kita. Kekurangan kawalan keselamatan di pusat-pusat penyelidikan serta potensi serta risiko, kebocoran atau *leaking* agen-agen mikroorganisma yang membahayakan dan tangan mereka yang tidak bertanggungjawab juga menyumbang kepada kebimbangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya penggubalan akta ini adalah sesuai dengan keadaan semasa negara kita yang berusaha untuk memajukan sektor pertanian melalui aplikasi bioteknologi. Namun begitu, terdapat juga perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam melaksanakan akta ini. Iaitu rakyat Malaysia umumnya perlu mendapat maklumat dan kesedaran yang menyeluruh mengenai bioteknologi dan juga LMOs. Dengan itu mereka dapat mengenal pasti dengan mudah produk-produk yang mengandungi bahan-bahan atau terbitan daripada LMOs.

Selain itu, adalah perlu untuk melabel produk-produk yang terdapat di pasaran, sama ada mengandungi bahan-bahan atau terbitan dari LMO. Dengan itu *consumer* dapat membuat keputusan persendirian untuk membeli atau menggunakan produk-produk tersebut. Saya juga berpendapat untuk memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan yang lancar serta penuh integriti, pegawai yang dilantik sebagai penguat kuasa mestilah dengan latar belakang yang bersesuaian dengan tugas yang diberi. Ia juga dapat memastikan pegawai tersebut faham dengan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Kajian lanjut juga perlu dijalankan untuk memastikan impak sosial, ekonomi. Produk-produk LMO kepada produk-produk asal atau *indigenous* atau terhadap ekosistem negara kita. Saya rasa bahawa penubuhan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan dapat mengawal selia pelaksanaan akta dan cadangan-cadangan penambahbaikan tadi. Saya percaya pada perumpamaan, menyediakan payung sebelum hujan, adalah tepat seperti yang disebutkan.

Akta ini lebih bersifat preventif dan mewujudkan suasana waspada ataupun *alertness* kepada para penyelidik dan individu yang mengendalikan organisma-organisma yang diubahsuai ini. Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong dan berharap agar penggubalan rang undang-undang ini memenuhi maksud ianya digubal dan memberi pengkhususan terhadap pemantauan dan pengawal selia bagi melindungi kesihatan manusia sejagat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain bercadang untuk berbahas? Puan Mumtaz.

4.23 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Cuma mempunyai beberapa cadangan berkaitan dengan Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006. Yang pertamanya, berkenaan dengan keanggotaan iaitu di bawah seksyen 4. Di bawah sini ditunjukkan bahawa pihak kerajaan telah pun menetapkan beberapa orang wakil daripada kementerian-kementerian tertentu untuk memastikan keanggotaan untuk Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan ini meliputi semua kementerian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan masalah halal, haram.

Saya mencadangkan agar di para (h) - tidak lebih daripada empat orang yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman atau kedua-duanya dalam mana-mana disiplin atau perkara yang berkaitan dengan akta ini dimasukkan dan dimestikan salah seorang daripadanya wakil daripada JAKIM untuk memastikan masalah halal, haram ini akan menjadi satu perkara yang penting kepada orang Islam. Ini kerana kebanyakan produk yang

dihasilkan daripada LMO ini akan menentukan kehalalan ataupun haramnya sesuatu produk itu digunakan oleh orang Islam sebagai bahan makanan ataupun untuk perkara-perkara lain. Itu yang pertama.

Keduanya, dari segi salah seorang daripada orang yang dimasukkan di sini saya cadangkan boleh diambil keanggotaannya daripada pakar-pakar hukum Islam dan sains. Sama ada daripada Universiti Islam Antarabangsa bahagian kedoktoran dan juga daripada Universiti Sains Islam Malaysia kerana kedua-dua universiti ini membekalkan orang-orang yang mempunyai hukum syarak dan sains dalam masa yang sama. Ini akan menjimatkan lebih banyak masa. Kemudian, berkaitan dengan kebanyakan proses bio LMOs ini membabitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan sains.

Saya rasa dari segi pemantauan, pihak kerajaan bolehlah membuat pemantauan yang berkala ke atas makmal-makmal sains di seluruh negara yang membuat perkara ini. Ianya kerana walaupun kita menyatakan bahawa bila mana mana-mana makmal ataupun orang yang ingin membuat proses bio LMOs ini mereka adalah memberi notifikasi kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak dapat kita pastikan. Kalau kita tidak buat kawalan kepada makmal sains di seluruh negara. Ini kerana notifikasi ini hanya akan berkesan bila ada pemantauan yang dibuat oleh Kementerian kepada makmal-makmal sains di seluruh negara.

Satu lagi cadangan saya agar diwujudkan laman *internet* terhadap semua produk bio, supaya rakyat boleh akses dengan serta-merta kepada semua produk-produk yang dihasilkan melalui proses biokeselamatan ini. Seterusnya juga saya ingin menekankan agar pihak kerajaan boleh membuat satu peringatan tambahan di semua pintu-pintu masuk ke negara kita sama ada di lapangan terbang ataupun di pelabuhan tentang amaran oleh kerajaan kepada mana-mana orang yang mungkin akan membawa masuk atau mengeluarkan mana-mana produk yang berkaitan dengan LMOs ini, kerana sekarang kita lihat banyak peringatan dibuat tentang kuarantin barang-barang pertanian. Sekiranya rang undang-undang ini diluluskan, maka perkara yang sama seharusnya juga diletakkan di pintu-pintu masuk negara bagi memastikan perkara ini dijalankan dengan baik.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana meletakkan hukuman yang bagi saya agak berat kepada mana-mana orang yang melanggar akta ini dengan denda lebih kurang satu juta dan dua juta ini merupakan bagi saya mungkin tidak banyak dalam undang-undang lain yang kita telah pun buat.

Satu lagi yang terakhir, di muka surat 57 iaitu di bawah fasal penerangan, Jadual Pertama. Seksyen 6, di mana dalam mesyuarat dikatakan bahawa:-

“Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam bulan sekali pada masa dan tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi...”

Dilihat daripada kepentingan biokeselamatan ini kepada negara, saya merasakan bahawa diletakkan sekurang-kurang enam bulan sekali ini adalah satu perkara yang amat lambat yang bagi saya tidaklah praktikal. Sepatutnya boleh dikerapkan sebabnya kalau enam bulan sekali, kalau tidak ada apa-apa mungkin dua kali setahun. Sedangkan perkara biokeselamatan ini terpaksa kita buat tentang benda-benda yang melibatkan hal-hal kecemasan. Saya rasa enam bulan sekali ini mungkin kita boleh tukar dari segi praktikalnya lebih keraplah. Sekurang-kurangnya enam bulan ini bunyi agak longgar.

“(5) Pengerusi dan empat orang lain yang hadir pada mesyuarat Lembaga hendaklah membentuk suatu kuorum”.

Dalam perkara ini bila mana pengerusi dan empat anggota lain yang hadir pada mesyuarat Lembaga, hendaklah memberikan satu kuorum ini. Saya minta pihak kerajaan memastikan kuorum yang terbentuk itu daripada satu pengerusi dan empat anggota lain itu mestilah ada orang yang pakar dalam bahagian undang-undang syarak. Kita tidak mahu apa-apa yang diluluskan oleh Lembaga Biokeselamatan ini diluluskan tanpa kehadiran salah seorang daripada mereka adalah pakar syarak, walaupun keanggotaan dalam mesyuarat telah pun memenuhi kuorum yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Heng Seai Kei, silakan.

4.28 ptg.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan ruang untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006. Tuan Yang di-Pertua, setelah diteliti rang undang-undang ini, berikut ialah beberapa cadangan yang ingin saya kemukakan. Pertama sekali ialah isu berkenaan dengan Bahagian II, seksyen 4(2) iaitu berkaitan dengan penubuhan Biokeselamatan Kebangsaan.

Kalau kita rujuk kepada seksyen 4 ini didapati bahawa majoriti lembaga adalah diduduki oleh pegawai tinggi kerajaan iaitu wakil-wakil daripada pelbagai kementerian, daripada (a) sehingga (g) dan mereka ini adalah dilantik oleh menteri. Mereka sendiri seramai tujuh orang. Hanya tidak lebih daripada empat kerusi yang dibuka kepada para profesional. Maka adalah dicadangkan supaya lebih kerusi diberikan kepada para profesional yang benar-benar berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang ini. Ini adalah suatu langkah yang penting bagi memastikan supaya lembaga dapat berfungsi secara efektif.

Isu yang kedua ialah tentang penubuhan suatu lagi Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian yang bertanggungjawab sebagai penasihat teknikal, saintifik dan yang memberi nasihat kepada menteri dan lembaga mengikut peruntukan seksyen 6. Jika diteliti seksyen 6 ini, kita dapati bahawa walaupun jawatankuasa dikatakan bertanggungjawab terhadap lembaga, tetapi kedua-dua nampaknya mempunyai fungsi yang hampir serupa. Kemungkinan yang bidang kuasa dan peranan yang bertindih serta kurang jelas. Oleh itu dicadangkan supaya sub-komiti boleh diserapkan ke dalam badan induk yang memudahkan keputusan dibuat serta mengurangkan kerenah birokrasi.

Isu yang ketiga yang ingin saya bangkitkan pula ialah tentang seksyen 7(1), yang telah memperuntukkan bahawa lembaga dan jawatankuasa boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa atau lembaga kecil. Saya berpendapat bahawa dengan sedemikian ini akan mengundang kerenah birokrasi dan peranan kurang jelas bahkan akan timbul nanti. Oleh itu di sini saya ingin mencadangkan supaya jumlah jawatankuasa kecil boleh diminimumkan.

Isu yang keempat pula, ialah tentang seksyen 34 yang telah memperuntukkan bahawa, menteri boleh mengubah sebarang keputusan berdasarkan rayuan yang dikemukakan kepadanya. Bagi pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, ini akan memberi ruang untuk penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang terlibat.

Oleh itu adalah dicadangkan supaya keputusan oleh menteri mestilah bukan yang berbentuk veto dan masih termaktub di bawah sesebuah lembaga. Ini adalah penting bagi mengelakkan sebarang penyelewengan kuasa. Maka dengan kata-kata itu, saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Setiausaha untuk menjawab.

4.32 ptg.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan tadi.

Yang Pertama Yang Berhormat Ir. Hiang A Li, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani, Puan Mumtaz dan Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie. Pihak kementerian mengambil maklum berkenaan dengan apa yang telah diperbincangkan dan akan menerangkan sedikit sebanyak berkenaan dengan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di mana ada beberapa isu yang telah dibangkitkan berkenaan dengan jawatan yang telah diperkenalkan kepada Ahli Lembaga sama ada mempunyai kelulusan yang tertentu dan sebagainya.

Ini hanyalah rang undang-undang di mana kita membuatnya secara am, secara dasar di mana kebanyakan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari segi peraturan dan *administrative power* yang kita akan buat selepas rang undang-undang ini akan diluluskan seperti juga sub komiti, seperti juga dengan jawatan-jawatan yang tertentu yang memerlukan kepakaran dari segi hukum syarak dan sebagainya. Ini kita ambil

maklum. Cuma yang pentingnya, secara dasarnya undang-undang ini diluluskan dahulu supaya kita ada kerangka yang boleh mengawal selia berkenaan dengan pergerakan GMOs dan LMOs yang masuk dan keluar daripada negara kita. Itu pada asasnya keperluan undang-undang ini diluluskan.

Yang butiran selepas itu yang macam mana kaedah pelaksanaan Ahli-ahli Lembaga dan sebagainya itu kita ambil maklum berkenaan dengan apa yang dicadangkan sebab memang sebagai sebuah negara yang majmuk seperti negara kita di mana pelbagai agama, pelbagai budaya yang diamalkan, banyak sensitiviti yang perlu kita jaga seperti umat Islam, seperti kaum India, seperti juga orang yang berbangsa Cina. Mempunyai benda-benda yang tertentu yang perlu kita ambil kira di dalam pembentukan Ahli-ahli Lembaga tersebut dan ingin saya maklumkan di sini juga, kebanyakan penyelidik yang akan terlibat di dalam penubuhan Ahli-ahli Lembaga tersebut, akan kita ambil daripada mereka yang mempunyai kepakaran dalam biokeselamatan ini.

Malaysia juga telah menerima bantuan kewangan dan teknikal daripada tabung alam sekitar sedunia untuk menjalankan program meningkatkan kapasiti dalam bidang biokeselamatan ini selama tiga tahun yang bermula pada tahun ini. Maksudnya kita juga menambah kepakaran dengan menggunakan dana tersebut supaya orang-orang yang kita lantik, yang kita masukkan untuk berada dalam lembaga ini menjadi pakar. Mengetahui apa yang berlaku di dalam dunia GMOs dan LMOs.

Ingin dimaklumkan di sini bahawasanya kita mempunyai kemudahan di sini ya. Jabatan Kimia Malaysia telah pun diberi penghormatan sebagai *Asian Reference Center for LMOs Testing*. Maksudnya kita diberi penghormatan sebagai negara yang boleh dijadikan tempat rujuk untuk negara-negara lain dan diiktiraf oleh Kesatuan Eropah atau pun EU. Ini menunjukkan bahawasanya kita lebih jauh ke hadapan berbanding dengan negara-negara lain dan dari segi untuk menjaga biokeselamatan ini.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ir. Hiang A Li ialah berkenaan dengan denda yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mumtaz. Denda ya, kita mengenakan denda yang tinggi sebenarnya kepada mereka-mereka yang terlibat sebab LMO dan GMO ini dia banyak dah contoh-contoh.

Kadang-kadang kesalahan yang dibuat itu adalah jauh lebih dahsyat daripada pencemaran alam sekitar dan sebagainya seperti kadang-kadang ada yang buat *biological warfare* dan masuk sini dia buat bom, bukan bom yang meletup ini. Bom yang hantar ini sahaja, sebiji yang masuk ke dalam Dewan ini semua ke selesema. Benda-benda yang macam itu yang boleh memudaratkan dan kita tidak boleh dan seperti walaupun secara tidak sengaja di Mexico ya, *origin of maize*, tempat asalnya jagung ini. Jagung dia yang asal dia sudah tidak ada. Sebabnya dihapuskan oleh *genetically modified* jagung yang dibawa secara tidak sengaja ke Mexico, di tanam satu ladang itu dia melalui pendebungaan, melalui angin, jadi dia berjangkit kepada ladang-ladang yang lain.

Semua dihapuskan oleh *genetically modified* jagung ini sehingga sekarang ini dia sudah tidak ada lagi benih jagung yang asli. Yang asal daripada negara itu, negara tersebut. Ini yang kita hendak jaga sangat. Serupa kita, jadi kita kena jaga, macam padi, Malaysia ialah *the center of origin for* padi. Kalau padi kita *wipe out* dengan hasil daripada yang *genetically modified* padi lain yang datang yang menyerang negara kita, ini yang kita hendak jaga ini.

Sama juga flora dan fauna kita. Ikan ke, katalah ada yang *originally modified* ikan keli masuk dalam lembangan sungai kita, habis yang lain mati, apa yang kita hendak buat. Sebab hendak mengembalikan balik kepada keadaan asal itulah yang amat susah sekali sebab itulah *bill* ini sangat penting untuk diluluskan dahulu supaya kita boleh ada sesuatu untuk mengawal selia.

Dia lebih kurang macam inilah Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila seseorang itu masuk ke negara kita, selalunya mereka akan mengisi borang *declaration* untuk menunjukkan mereka ini lelaki ke, perempuan, berapa lama hendak datang ke sini, tujuan apa dan sebagainya, *declaration form* yang diisikan maklumat pasport itu bagi dekat kita. Bukannya kita hendak sangat benda itu dari segi hendak cek satu persatu orang yang masuk, tidak ada tetapi itu *declaration* adalah amat penting supaya apabila apa-apa yang

berlaku kita boleh rujuk balik. Ini yang perlu. Maksudnya apa-apa yang hendak masuk kena melalui satu sistem di mana *labeling* dan sebagainya.

Katalah ada satu tin makanan ini, dia kata *genetically modified* jagung ada gen apa-apa masuk dalam makanan tersebut. Ini perlu rakyat kita perlu tahu supaya kita mempunyai pilihan sama ada kita hendak makan ke tak nak? Sebab kadang-kadang betul juga Yang Berhormat Ir. Hiang A Li tadi cakap, kadang-kadang ada satu kes di mana penyakit lembu gila di Eropah. Dia punya kaji, punya kaji, makanan tersebut sebenarnya adalah, sebab lembu ini, dia maun, dia makan daun. Dia bukan *amassable*. Dia bukan yang makan daging ke, tak ada, tetapi dijangkakan bahawasanya jagung yang dimakan oleh lembu tersebut, baja jagung tersebut dibuat adalah hasil daripada perut-perut, otak lembu, barang-barang yang daging, bagi baja jagung, jagung itu jadi jagung, jagung itu bagi makan lembu, lembu ini pun jadi suka makan daging. Jadi gila dia.

Ini yang kita tak nak, supaya kita boleh menjaga benda ini daripada bahaya. Memang kalau dengar cerita ini memang takutlah kan, sebab jagung manis yang kita beli kat kedai tu pun kalau kita keringkan macam datuk nenek kita dulu salai dekat dapur, *and then* bila nak tukar jagung dia panggil kita ambil biji jagung manis tu memang tak tumbuh punya, saya gerenti tak tumbuh punya. Sebab dah di *genetically modified* jagung tersebut seperti tidak tumbuh daripada biji, supaya kita kena bergantung kepada import kita bergantung kepada benih-benih dari luar.

Ini yang kita tak nak, maksudnya bila ada sekatan ekonomi dan sebagainya kita tak boleh tanam jagung, tak boleh tanam padi, tak boleh cili, sebab memang semua dah tak boleh. Tidak boleh menghasilkan anak benih daripada bahan itu sendiri.

Inilah di antara benda-benda yang kita nak jaga supaya kita menjadi sebuah negara yang kita tahu, apa yang masuk apa yang keluar, apa yang kita nak jaga, ini halal ke ini haram ke, daripada gen mana, binatang mana, protein manusia sekarang ini macam padi di Amerika syarikat. Maksudnya gen manusia dimasukkan ke dalam padi supaya dapat menahan daripada tak tahulah, daripada binatang apa ke. Ini yang kita nak kawal.

Saya amat berterima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat kebanyakannya memang...

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan.

Dato' Sazmi bin Miah: Ya. Sila.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat berbangkit tentang isu empat ahli yang dilantik tadi, yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi. Satu daripadanya mesti mempunyai kepakaran dalam bidang agama ataupun dilantik oleh JAKIM.

Isu halal haram ini adalah begitu besar dan begitu berat ini, terutamanya kita pun nak menjadi hab halal *biotech* ini. Saya rasa yang lebih sesuai adalah diwujudkan satu panel syariah sebenarnya, sebab kalau seorang sahaja duduk dalam jawatankuasa itu mungkin ia tidak dapat memberikan pandangan yang lebih menyeluruh sebenarnya.

Saya rasa lebih sesuai diwujudkan satu panel syariah dalam lembaga ini supaya apa-apa yang berkaitan dengan hab halal dan haram ini dirujuk kepada satu panel yang anggotanya lebih ramai supaya mendapat pandangan yang lebih komprehensif. Ini adalah isu yang penting, sebab dulu pun kita pernah dengar ada cadangan nak kahwinkan arnab dengan kambing, diberi nama 'arkam'... [*Ketawa*]

Saya tak tahu ini boleh jadi halal atau haram, arnab dengan kambing nak dikahwinkan Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tak tahu arnab itu kecil kambing itu besar, macam mana dia nak kahwinkan. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya menyentuh pasal 'arkam' ni... [*Ketawa*] Pasal ahli lembaga itu memang ada peruntukan juga untuk menubuhkan sub-sub komiti dan sebagainya oleh pihak ahli lembaga tersebut. Kita ambil maklum cadangan daripada Yang Berhormat Mumtaz dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad dengan apa yang telah dibangkitkan, di dalam administratif esok kita akan buat benda

itu. Apabila penubuhan sub-sub komiti, penubuhan ahli lembaga apa-apa yang dibincangkan atau diperbahaskan akan kita sampaikan kepada pihak yang berkenaan.

Berkenaan dengan kuasa menteri, itu kita tidak boleh nak tukarlah. Ini adalah kerana di dalam semua akta pun ada peruntukan tersebut sebab sekiranya itu penyalahgunaan kuasa oleh menteri ada undang-undang pula untuk menangkap menteri tersebut yang salah guna kuasa. Jangan risaulah, apa-apa peruntukan undang-undang di sini siapa buat salah langgar undang-undang kita ambil tindakanlah, tak kira menteri ke apa ke. Sekiranya menteri belia menghapuskan seluruh benih padi di dalam Malaysia ini saya memang akan ambil tindakan terhadap menteri itu, tak bolehlah. Peruntukan ini ada kita rasa dan mencukupi.

Pemantauan terhadap makmal-makmal yang menjalankan aktiviti-aktiviti LMOs dan GMOs ini walaupun hanya perlu dinotifikasikan kepada kita tapi pemantauan tetap akan dijalankan, di mana aktiviti R&D itu akan dikawal selia oleh mungkin beberapa sub komiti ditubuhkan kelak. Lembaga ni bukan satu ia nak kawal semua ada, sebab itu kita nak sediakan ruang untuk ditubuhkan sub-sub komiti yang lain seperti yang dikehendaki oleh industri pada masa ini.

Mesyuarat itu kita katakan sekurang-kurangnya satu kali dalam masa enam bulan tak bolehlah kita cakap tiap-tiap satu bulan, sekurang-kurangnya sekali tapi kalau nak ada sepuluh kali dalam masa enam bulan pun baguslah mengikut kepentingan yang adalah. Ini kepada *discretion* pengerusi lembaga tapi kita rasa tak ada LMOs, tak ada GMOs, nak mesyuarat buat apakan? Sekurang-kurangnya berjumpa atau bercerita berkenaan LMOs dan GMOs di luar negara dan sebagainya. Sekurang-kurangnya enam bulan sekali itu memadai sebolehnya apabila dah banyak mungkin dua minggu sekali pun, tapi ikut keadaan. Itu administratif sahaja, ya.

Tugas dan tanggungjawab GMAC, lembaga penasihat dan lembaga jawatankuasa, ia memang kena ada lembaga penasihat ini. Kadang-kadang ahli lembaga ini *get involves* terlalu dalam satu isu itu, kadang-kadang dia tak nampak benda-benda yang lain di luar yang berkaitan dengan komersial, berkaitan dengan sosial, berkaitan dengan ekonomi dan sebagainya hanya tertumpu sahaja apa yang di depan mereka. Sebab itulah ahli lembaga penasihat ini di bawa daripada kalangan-kalangan mereka tertentu di dalam bidang-bidang tertentu yang boleh membantu, memberi nasihat kepada pihak lembaga tersebut. Tidak ada pertindihan *role*, maksudnya GMAC menasihati, kalau nampak benda tak betul tolong nasihat, kalau nampak ada yang baru tolong nasihat lembaga tersebut. Lembaga ini yang menjalankan kerja ada sub komiti itu ada sub komiti ini, ini yang lebih terperinci dari segi kerja dia.

Saya rasa itu sajalah Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah berbahas dan memberi pandangan dan komen. Saya hanya berharap kita semua dapat sama-sama membantu dari segi menjaga alam sekitar kita.

Saya sudahkan dengan kata-kata, "Kurangkan penggunaan plastik". "Tabiat tak apa, bumi binasa". Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 71 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BAHAN LETUPAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.53 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu, "Bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta Bahan Letupan (Pindaan) 2007 dibaca kali yang kedua sekarang".

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, *Convention on the Marking of Plastic Explosive for the Purpose of Detection*, telah mula berkuat kuasa pada 21 Jun 1998. Konvensyen ini menghendaki setiap negara pihak mengambil langkah-langkah yang efektif dan sewajarnya bagi melarang dan mencegah pembuatan atau pengilangan bahan letupan plastik yang tidak bertanda di wilayah mereka. Konvensyen tersebut juga menghendaki setiap negara pihak untuk mengambil langkah-langkah efektif dan sewajarnya bagi melarang dan mencegah pergerakan masuk atau keluar bahan letupan tidak bertanda ke dalam atau dari negaranya, serta mengamalkan kawalan yang ketat dan efektif ke atas sebarang pemilikan dan pindahan milik bahan letupan yang tidak bertanda, yang dibuat atau diimport sebelum penguatkuasaan konvensyen ini.

Stok bahan letupan plastik yang bukan disimpan oleh pihak berkuasa yang menjalankan fungsi polis atau tentera seharusnya dimusnahkan, digunakan atau ditandakan dalam masa yang telah ditetapkan dari tarikh berkuat kuasa konvensyen ini ke atas negara yang berkenaan. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 27 Ogos 2003 untuk menyertai konvensyen ini, peruntukan undang-undang mengenai takrifan pembuatan, penggunaan, pengimportan dan pengeksportan bahan letupan plastik serta hukuman-hukuman mengenai kesalahan-kesalahan berkaitan perlu dimasukkan ke dalam Akta Bahan Letupan 1957 bagi memenuhi obligasi di bawah konvensyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 1 mengandungi tajuk ringkas yang memperuntukkan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2, bertujuan untuk meminda seksyen 2 [Akta 207] untuk memasukkan takrif bagi ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta 207.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda seksyen 4 [Akta 207] untuk meluaskan ruang lingkup peruntukan itu kepada pengeksportan bahan letupan dan untuk menambah denda daripada RM10,000 kepada RM50,000.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A, 4B, 4C, dan 4D ke dalam Akta 207. Seksyen baru itu, bertujuan untuk melaksanakan *Convention on the Marking of Plastic Explosives for the Purpose of Detection* yang dibuat di Montreal pada 1 Mac 1991.

Seksyen baru 4A melarang mana-mana orang daripada mengilang apa-apa bahan letupan plastik tidak bertanda, sementara seksyen baru 4B melarang mana-mana orang daripada memiliki atau memindah milikan bahan-bahan letupan plastik tidak bertanda.

Seksyen baru 4C melarang mana-mana orang daripada mengimport atau mengeksport apa-apa bahan letupan plastik tidak bertanda. Pengecualian tertentu

diperuntukkan bagi bahan-bahan letupan plastik tidak bertanda yang telah diimport ke dalam atau di kilang di Malaysia sebelum hari yang telah ditetapkan.

Seksyen 4D bertujuan menghendaki semua orang yang memiliki apa-apa bahan letupan plastik pada hari ini yang ditetapkan untuk melaporkan kepada Ketua Polis Negara dalam 120 hari selepas hari yang telah ditetapkan itu kuantiti bahan letupan plastik yang dimiliki itu. Pengilang atau pengimport bahan letupan plastik itu, apa-apa tanda pengenalan pada bahan letupan plastik itu dan apa-apa maklumat lain yang ditetapkan oleh menteri melalui peraturan-peraturan.

Fasal 5 dan 6 bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 11 dan seksyen 14 [Akta 207] untuk menambah denda yang dikenakan.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 26 [Akta 207] untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengawal selia penandaan bahan letupan plastik.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 27 [Akta 207] untuk memberi Menteri kuasa atas permohonan secara bertulis, untuk mengecualikan melalui perintah yang disiarkan dalam Warta apa-apa bahan letupan plastik tidak bertanda, daripada pemakaian Akta 207, yang dipegang dalam kuantiti terhad bagi maksud penyelidikan, pemajuan, pengujian dan latihan atau bagi kegiatan sains forensik atau yang telah dijadikan sebagai sesuatu bahagian integral sesuatu peranti ketenteraan yang dibenarkan dan yang dimiliki atau dipindahkan dalam perjalanan tugasnya oleh seseorang anggota tentera atau polis yang diberi kuasa atau seseorang anggota angkatan pelawat yang berada di Malaysia secara sah.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan Jadual baru Kedua ke dalam Akta 207 untuk menetapkan bahan yang digunakan sebagai agen pengesan di dalam bahan letupan plastik bagi maksud Akta 207.

Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Rang undang-undang ini tidak ada melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan kepada kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada mana-mana Yang Berhormat yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahan Letupan 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Tuan Lee Sing Chooi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi.

5.00 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya untuk membahaskan suatu rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahan Letupan 1957. Tuan Yang di-Pertua, bahan letupan iaitu satu bahan yang bahaya, yang akan mendatangkan maut kalau tidak diguna pakai dengan betul-betul. Kalau kawalan bahan letupan itu tidak ketat maka ini akan mendatangkan sesuatu yang tidak dikehendaki akan berlaku.

Saya hendak tahu juga bila pihak polis atau anggota tentera bila mereka mengeluarkan sebarang bahan letupan, adakah bilangan itu dicatat dan berapa telah diguna semasa mereka menjalankan tugas atau bila mereka menjalankan latihan, berapa sudah dipakai dan berapakah yang tinggal dan pasti dipulangkan. Kalau bilangan bahan letupan itu tidak dikawal dengan ketat, maka ini berlakulah kadang-kadang sesuatu yang

kita tidak kehendaki terjadi seperti yang baru-baru ini kita sudah tahu orang pun dibom sampai tak nampak muka. Yang lebih teruk lagi kalau ada orang yang berniat jahat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu pemimpin-pemimpin di negara kita mesra rakyat. Pemimpin-pemimpin kita pergi ke mana-mana mendekati rakyat, kalau ada satu orang berniat jahat dan bawa bom berdekatan dengan pemimpin-pemimpin negara kita, apa akan jadi? Itu akan mendatangkan sesuatu yang amat teruk. Saya harap kementerian dapat mengadakan protokol dan garis panduan dan juga semua rekod bahan letupan keluar masuk dan apa yang dipakai itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi bahan-bahan letupan. Saya hendak ucapkan syabas kepada kementerian, di mana kementerian dahulu dapat menangkap kumpulan subversif, yang menggunakan bahan-bahan hendak buat bahan letupan itu. Kementerian telah dapat menangkap mereka, jadi niat mereka itu tidak dapat dilakukan. Saya harap anggota-anggota polis dan anggota-anggota yang lain dapat menjalankan tugas mereka supaya detektif-detektif itu, perisik-perisik itu dan *information* itu - dapat menangkap anasir-anasir yang jahat itu supaya mereka tak dapat melakukan aktiviti-aktiviti di negara kita.

Kita juga nampak aktiviti-aktiviti ini dilakukan di negara jiran kita. Letupan-letupan di Bali, di Jakarta dan tempat-tempat yang lain seperti Filipina dan juga di Thailand. Saya ucapkan syabas kerana kementerian dan juga kerajaan dapat mengawal keadaan di sini dan supaya kejadian-kejadian itu tidak berlaku di Malaysia ini. Dengan kata-kata itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dr. Haji Mohd. Puad.

5.06 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan rang undang-undang ini saya ingin membangkitkan iaitu bahawa di negara kita ini memang kita jarang sekali mendengar kes-kes bom yang diletupkan baik di pusat membeli-belah dan sebagainya, dan bagi saya dengan adanya rang undang-undang ini iaitu untuk kita mengawal *plastic explosive* yang tidak ditandakan ini. Ini barangkali untuk mencegah berlakunya kejadian seperti yang berlaku di jiran kita tetapi mungkin juga di negara kita ini, kita bernasib baik kita tidak mempunyai ramai pakar membuat bom daripada orang biasa kecuali Azahari yang lari ke Indonesia dan dia sudah pun terkorban.

Saya tidak tahu mungkin ada orang yang mahir dalam membuat bom ini menggunakan *plastic explosive* yang tidak ditandakan ini, maka sudah tentulah ia akan menimbulkan masalah yang besar. Dengan adanya rang undang-undang ini sekurang-kurangnya kita mengambil tindakan awal mencegah orang yang boleh menyalahgunakan *plastic explosive* yang tidak ditandakan ini.

Baru-baru ini kita tengok berlaku kejadian di Pudu Raya ada seorang kanak-kanak kecil yang tercedera kerana kes seperti ini. Saya tidak tahu apakah letupan itu dibuat menggunakan *plastic explosive* ini. Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya bangkitkan di sini oleh kerana ada kilang-kilang yang memiliki *plastic explosive*, yang tidak ditandakan dan sekarang kita hendak kumpulan untuk ditandakan *plastic explosive* ini untuk mengawal. Saya ingin penjelasan iaitu dari segi pengurusan ini, adakah ia dilakukan hanya oleh pihak polis ataupun ada gabungan tenaga antara polis dan tentera. Maksudnya apakah polis mempunyai pakar dalam bidang ini sebenarnya.

Sebab itulah saya ingin tahu, iaitu bagaimanakah kaedah yang akan digunakan supaya stok yang ada ini, iaitu *plastic explosive* yang tidak ditandakan ini dapat dikumpulkan dan ditandakan supaya tidak berlaku kebolsan iaitu bahawa, pertama antaranya ialah bahan-bahan ini dibawa keluar ataupun bagaimana bahan-bahan itu tidak dibawa masuk ke negara kita, sebab boleh dikatakan kita berhadapan dengan suasana, iaitu sempadan kita yang tidak begitu ketat dari segi kawalan dan mungkin perkara ini juga boleh dibawa masuk.

Sebab itulah saya memohon penjelasan, iaitu bagaimanakah kaedah yang akan digunakan nanti untuk kita menandakan *plastic explosive* yang belum ditandakan ini.

Apakah maksudnya soal bahan letupan ini hanya membabitkan *plastic explosive* ini sahaja ataupun apakah bahan-bahan lain yang juga boleh digunakan untuk membuat bom ini ataupun bahan peletup ini tidak dikawal sebenarnya. Sebab seperti mana saya katakan tadi, bahawa mungkin di peringkat sekarang kita tidak berhadapan dengan masalah pakar-pakar membuat bom. Seperti Azahari yang sudah pun terkorban, dan dia hanya mengacau di tempat lain, di Indonesia.

Nasib baik di tempat kita ini, dia tidak ganggu dengan membuat bahan bom dan sebagainya, tetapi apakah tidak ada bahan-bahan lain selain daripada *plastic explosive* ini yang membolehkan kita membuat bom yang boleh membahayakan keselamatan negara kita ini? Itu yang dua, tiga perkara Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya bangkitkan. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat tentang dua perkara yang disentuh tadi, tentang keselamatan dan ketenteraman awam. Kalau dilihat di sini, bahan-bahan letupan sedemikian mungkin pada masa sekarang dari segi kawalan ataupun kaedah penggunaannya agak begitu longgar. Kita senantiasia menghargai kecekapan atasan pihak PDRM dari segi mengesani unsur-unsur yang digunakan untuk mengancam keselamatan awam.

Kalau dilihat senario di negara kita, perhimpunan-perhimpunan rakyat, perhimpunan-perhimpunan perpaduan kaum, perhimpunan dan perjumpaan antara beberapa budaya, begitu terbuka. Apakah pandangan Yang Berhormat dari segi kawalan keselamatan? Apakah sampai ke satu tahap apabila kita mengadakan satu-satu perhimpunan perayaan sebagaimana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Lee Sing tadi juga, demi keamanan, kestabilan pemimpin negara dan juga penglibatan rakyat.

Apakah perhimpunan-perhimpunan yang sedemikian rupa sudah sampai masanya apabila *event* tersebut akan dilancarkan ataupun bermula, pihak PDRM perlu, sudah sampai masanya perlu mengadakan penyemakan ataupun *bomb squad* nya pergi membuat tapisan-tapisan keselamatan? Apakah sudah sampai masanya ataupun bagaimana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju perkara tersebut sebab kalau kita lihat di London, sebuah negara yang dikatakan mempunyai sistem security yang cukup hebat dengan CCTV nya, dengan perisikannya, dengan suasana cabaran yang mereka hadapi, memang mereka cukup *alert* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, memastikan bahawa *security* berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah melihat satu kes yang ditunjukkan di TV bagaimana IRA meletupkan satu bank, tetapi tak sampai dalam dua, tiga jam. Mereka ini dapat ditangkap sebab gambarnya itu cukup jelas keluar dalam CCTV dan sebagainya. Dengan kata lain bahawa teknologi yang ada di London itu cukup hebat dan baru-baru ini kita lihat bagaimana sebuah *airport* kalau tak salah saya dirempuh dengan van yang ada bahan peletup. Mereka juga cepat bertindak.

Sebab itulah saya berkata bahawa saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu sebelum apa-apa berlaku, kita mestilah membuat persiapan dengan pemeriksaan dan sebagainya. Cuma itulah saya katakan bahawa mungkin kita bernasib baik. Di negara kita ini, kita tidak berhadapan dengan golongan yang mensabotaj dengan letupan bom, tetapi sebelum kita terlambat dengan tindakan kita, dengan adanya rang undang-undang ini maka ia adalah pencegahan awal.

Cuma itulah saya katakan tadi bahawa barangkali kita juga mesti memastikan bahawa kita mengenal pasti orang-orang yang belajar dalam bidang kimia dan sebagainya ini. Keupayaannya untuk membuat bom. Orang-orang seperti ini juga perlu dipantau daripada awal supaya jika berlaku sesuatu, maka kita sudah dapat mengenal pasti di negara kita ini, siapa di dalam *list*? Kalau di Iraq itu seperti 'Ali Kimia'.

Maka kita sudah ada *list* siapa yang berpotensi untuk kita tahan reman dan sebagainya. Kita kena buat dari pelbagai sudut sebenarnya untuk menjamin tidak berlaku ancaman bom di negara kita ini. Itu yang saya fikir, perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain mungkin yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini? Okey, Dato' Haji Abdul Rashid.

5.15 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bercadang hendak bercakap panjang. Cuma hendak menimbulkan satu perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Dr. Puad sekejap tadi. Dua malam yang lalu, kalau saya tak salah, saya tengok satu drama. Drama kita yang mempamerkan percakapan dua orang anak muda. Anak muda Melayu, seorang lelaki dan seorang perempuan. Yang perempuan bertanya lelaki, apa subjek yang kamu ambil di universiti? Kata yang lelaki itu, saya belajar nuklear fizik. Tanya yang perempuan tadi, apa gunanya pelajaran ini? Kata laki-laki tadi, dia kata gunanya untuk buat bom nuklear. Nampak satu keadaan yang mencengangkan, yang menakutkan pada wajah perempuan tadi.

Saya hendak sebut ini untuk menyatakan bahawa dalam keadaan berkembang dengan baik dan tingginya pengajian di universiti-universiti kita, kita tidak boleh hendak mengatakan bahawa tidak ada anak buah kita yang tidak pandai membuat bom, pandai. Boleh buat bom, tetapi tinggal lagi keadaan yang hendak mendesak mereka buat bom seperti apa yang berlaku di Indonesia itu, *Alhamdulillah*, tidak ada. Sehingga ini, tidak ada di Malaysia ini. Kita seharusnya berusaha untuk meniadakan keadaan yang boleh menggalakkan ataupun boleh mendesak seorang atau sekumpulan orang untuk mencari jalan ini.

Yang akhirnya kita akan dapati, bom boleh meletup di mana-mana. Kita cuba perhatikan sekarang, dalam perjumpaan pemimpin-pemimpin kita dengan rakyat ramai. Kita boleh dikatakan tidak sangat mementingkan keselamatan pada pandangan sayalah. Walaupun pemimpin-pemimpin kita seperti Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri diiring, dilindungi oleh pegawai-pegawai, benarlah. Sepintas lalu kita nampak orang boleh mengambil kesempatan bila-bila saja di dalam perjumpaan-perjumpaan seperti ini.

Berbalik kepada masalah apa yang saya hendak sebut tadi, kalau kita tidak mengawal kedatangan pelancong-pelancong asing ke negara kita, dengan tabiat-tabiati dan kelakuannya yang berlebihan, yang menimbulkan rasa sakit hati sesetengah golongan terutamanya golongan-golongan fanatik agama. Seperti yang terjadi, saya rasalah pada fahaman saya di Indonesia, jadi rasa sakit hati apa yang dilihat terjadi, yang dilakukan oleh pelancong-pelancong asing di Bali dan sebagainya menimbulkan rasa untuk bertindak. Bila untuk bertindak, dia carilah jalan apakah yang sebaik-baiknya untuk bertindak?

Alhamdulillah sehingga ini, seperti yang saya katakan tadi, di tempat kita tidak berlaku perkara-perkara yang seumpama itu. *Alhamdulillah* setakat ini, kita bukan sahaja, kerajaan kita nampaknya bukan sahaja memberitahu kepada dunia umum bahawa kita akan memerangi sesiapa sahaja yang disifatkan sebagai *terrorist* ataupun yang mempunyai sifat-sifat seumpama itu. Bukan sahaja pemasyhuran ataupun pemberitahuan itu, tetapi kita ikuti dengan langkah-langkah yang tertentu dari segi keselamatan dan salah satu daripada langkah itu, adalah seperti yang dicadangkan oleh kerajaan sekarang dengan undang-undang ini.

Dengan ini kita rasa sudah sampai masanya undang-undang tahun 1957 itu dikaji dan dipinda untuk memberi semacam jalan kepada kita supaya kita dapat bertindak seberapa baik yang boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Okey, sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.20 ptg.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai pindaan kepada akta ini. Saya amat bersetujual dengan cadangan dan juga pandangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi berkenaan dengan keadaan di Malaysia ini. Memanglah keadaan di

Malaysia sekarang ini terkawal, kita tidak ada masalah berkenaan dengan bom, ugutan bom atau letupan dan sebagainya.

Walaupun baru-baru ini berlaku di Perhentian Pudu tetapi ia tidak melibatkan bahan letupan, ia hanya daripada bateri dan ada perkara-perkara lain yang tidak melibatkan letupan. Bererti bahawa kawalan mengenai bahan-bahan letupan di negara kita ini memanglah dikawal dengan begitu baik dan dibuat dengan begitu teliti oleh PDRM. Daripada semasa ke semasa kita membuat lawatan ke premis-premis ini.

Namun demikian, untuk memastikan bahawa di masa-masa akan datang, keadaan di negara kita ini terus berada dalam keadaan seperti ini di mana keadaan begitu aman seperti mana yang kita sebut tadi, bila ada perhimpunan dan sebagainya keadaan kita tidak risau. Mengenai perhimpunan-perhimpunan yang disebut tadi, biasanya perhimpunan-perhimpunan yang dibangkit oleh Datuk. Apa nama? Allah! Ya, Allah, lupa nama. Datuk Mohamad Yaakob. Minta maaf Datuk.

Mengenai perhimpunan-perhimpunan ini, memang kita semua dikehendaki mendapatkan kebenaran dan permit daripada pihak polis. Di antara perkara-perkara yang diambil kira oleh pihak polis ialah mengenai keselamatan dan sekiranya sesuatu perhimpunan nak diadakan dan kalau sekiranya polis mendapati bahawa keadaan tidak mengizinkan atau bahaya, maka pihak polis tidak akan membenarkan.

Maknanya itu kita punya langkah-langkah keselamatan. Memang kita sedia ada dan setiap kali pada perhimpunan-perhimpunan ini, kita sentiasa menghantar polis untuk mengawal dan menjaga keadaan dan kita lihat, di mana-mana pun perhimpunan yang diadakan di negara kita ini berada dalam keadaan yang baik, tidak ada berlaku kekecohan.

Mengenai yang dibangkit oleh Yang Berhormat Lee Sing Chooi, berkenaan dengan kawalan pada mereka-mereka yang menggunakan bahan letupan dan juga peluru contohnya kepada tentera dan sebagainya. Saya difahamkan bahawa kita di dalam pihak polis, dalam PDRM, kita sentiasa mempunyai peraturan/prosedur mengenai bagaimana kawalan ke atas bahan-bahan ini yang digunakan semasa latihan, operasi dan sebagainya. Sebagai contoh prosedur pengawalan bahan letupan PDRM termaktub di dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara iaitu Tatacara Pengawalan dan Pelupusan, Prosedur Penyimpanan dan Penyelenggaraan Bahan Letupan. Setiap bahan letupan yang dikeluarkan dari stok, kita akan rekod dan sekarang ini semua benda-benda yang kita guna termasuklah bom dan sebagainya.

Selepas habis daripada penggunaan itu, mereka mesti menyerahkan semua bakinya dan direkodkan dan sekarang ini hanya seorang pegawai yang ditugas, dulu ramai. Sekarang ini kita memperketat hanya seorang pegawai untuk mengawal semua ini dan mereka mesti mengisi, mereka dikehendaki mengisi borang sumpah dan semua direkodkan. Ini bererti bahawa langkah ini memanglah kita sentiasa menjaga supaya benda-benda ini tidak terlepas atau disalahgunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab...

Tuan Lee Sing Chooi: Penjelasan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya, boleh? Saya nak tahu Yang Berhormat, ada garis panduan itu ada, prosedur itu ada. Penguatkuasaannya itu macam mana kita memastikan yang bilangan itu, yang dikeluarkan itu ada rekodkan. Macam mana kita nak memastikan dia pakai itu tiga atau empat atau lima atau sepuluh. Yang dipulangkan, mungkin dipulangkan setengah saja. Macam mana penguatkuasaan itu, memastikan semua itu betul? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Itu saya bagi tahu tadi, bila dia guna peluru contoh kita bagi 100 biji, maknanya kita rekod 100, contoh dia. Lepas itu dia serah balik 50, maknanya kita tahu berapa dia guna. Memang dalam setakat ini kita tidak ada masalah. Saya telah bertanya kepada mereka dan rekod selama ini memang elok. Setiap apa yang direkodkan dan sekarang ini lebih ketat lagi, mereka mesti mengisi borang sumpah dan tindakan amat berat kepada mereka yang menyalah guna atau menyimpan benda ini.

Setakat hari ini saya dapati bahawa memang kita berpuas hati dengan keadaan sekarang ini dan... ya?

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Kalau nak kira sumpah saja, saya ingat mungkin tak cukup. Kalau ada niat jahat, mungkin dia sumpah, sumpah sajalah. Yang tak pakai tu dia cakap dah pakai dah, yang kembalikan itu setengah saja. Macam mana kita memastikan *full proof* itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya, Datuk.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Datuk. Seperti Yang Berhormat kata tadi itu, kalau bagi 100, 50 dia bagi balik bermaknanya 50 dia pakai tetapi yang 50 dia pakai itu tidak ada bukti. Apa salahnya kalau kartrij kosong itu dibawa balik 50 biji, bermaknanya 50 dipakai hak kosong dikembalikan kartrij, 50 lagi memang *full proof* tak dipakai. Adakah itu dikuatkuasakan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Secara *detail* saya tak berapa pastilah, tetapi yang saya tahu kawalan itu ketatlah. Maknanya setiap kali mereka guna, saya ingat mungkin tembak macam sekarang ini, kalau kita beli peluru untuk digunakan senapang patah contohnya, kita ada peluru senapang patah, kita guna untuk tembak. Apabila kita nak balik, kita nak beli peluru, kita kena serah kita punya kartrij balik, berapa banyak dan baru kita boleh beli balik peluru sebanyak mana yang kita guna. Dalam polis pun, saya yakin bahawa kaedah yang sama digunakan tetapi walau bagaimanapun untuk tidak meragui jawapan saya ini, saya akan *try* dapat secara *detail* untuk bagi tahu kepada Yang Berhormatlah.

Saya nak cerita, saya terpaksa kena panggil pegawai polis untuk beri penjelasan di sini, tetapi walau bagaimanapun, peraturan/kawalan yang ada setakat hari ini memanglah ketat dan kalau terlepas pun saya tak tahulah macam mana boleh lepas, mungkin dia telan ke saya tak tahulah. Selain daripada itu, susahlah saya ingat nak bawa keluar daripada ini, pasai apa saya tengok kadang-kadang macam penagih dadah pun, dia seludup dadah dia telan benda itu ke dalam, di kawasan di pusat-pusat serenti, dia bubuh dalam plastik, dia telan. Lepas itu dia dikeluarkan selepas dia pergi buang airtah.

Kalau dia nak seludup itu macam-macam caralah. Saya tak dapat nak pastikan di sini bagaimana caranya, kemungkinan perkara-perkara ini diseludupi keluar tetapi setakat hari inilah, saya dah berjumpa, bertanya pada pegawai-pegawai, memang kita puas hatilah dengan keselamatan dan langkah yang dibuat. Kawalan di negara kita dapati keadaannya tidak membimbangkan hanya kerana mungkin kes yang baru-baru ini yang sedang dibicarakan di mahkamah. Itu saya tak berani nak cakap, tak tahu sama ada bom itu dikeluarkan di situ atau dapat dari tempat lain, kita tak tahu. Kita tak tahu daripada mana datang. Benda-benda seperti ini kita memang rekod, jumlah penggunaan dia direkodkan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Minta laluan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Haji Idris.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Baiklah, terima kasih. Apa yang saya ingin nak tanya saja tentang ialah, kalau benda yang *explosive* ini, *plastic explosive* ke atau apa-apa *explosive* yang datang dari luar negara, sebahagiannya mungkin tak dicantum sekali. Bahan *explosive* ini dia datang dengan bermacam rupa tapi yang saya rasa yang lebih canggih, yang *sophisticated* dengan izin, bom ini dia bubuh dengan memecah-mecahkan bahan-bahan itu. Dia datang, dia seludup dengan apa cara, tetapi adakah anggota PDRM yang berkenaan dengan pengetahuan teknikal, pengetahuan yang khusus untuk bom ini faham supaya dapat menjaga, membela negara kita dengan lebih baik.

Umpamanya yang dibuat oleh Al-Qaeeda ataupun pengganas-pengganas atau badan pengganas-pengganas seperti ini, mungkin cara-cara dia berlainan dengan kumpulan lain. Macam di Baghdad, di Iraq kita dengar tiap-tiap hari bom berlaku. Adakah anggota PDRM diberi pendedahan untuk mengetahui macam mana *operatif* dengan izin, kumpulan ini membuat bom, menggunakan bom dan sebagainya? Yang di London itu, Amerika pun mungkin berlainan.

Saya pohonlah pihak kerajaan ada undang-undang seperti ini memang bagus tapi ia tidak cukup untuk mengawal, untuk membela negara, tetapi yang penting ialah *the human factor* yang kita bergantung sangat iaitu PDRM. Mereka terdedah dengan sebaik-baiknya. Mereka mungkin lebih tahu dari segi preventif. Selalunya bom ini bila berlaku hanya selepas ia berlaku baru kita sedar mana dia buat. *Prevention* dengan izin, *the most difficult*. Saya rasa PDRM harus membuka langkah yang lebih besar daripada biasa. Hantarlah anggota-anggotanya ke seluruh dunia ini, belajarlah, telitilah tentang bom ini dari sehalus-halusnya hingga ke sebesar-besarnya, mana nuklear pun belajarlah.

Kita lebih menjurus kepada *prevention, rather than the cure*. Sebab saya rasa walaupun dalam aman, saya rasa kita tidak boleh tidur lena kalau berlaku bom sana-sini di merata dunia. Satu hari mungkin arena atau medan peperangan mereka boleh beralih ke Malaysia walaupun kita tidak mengundangnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu pandangan daripada seorang bekas pegawai polis.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju sangat dengan apa yang dibangkit, pandangan atau apa jua yang dipanggil tetapi sebenarnya, memang kita punya *bomb squad* ini memanglah terlatih dan mereka-mereka yang terlibat dengan persenjataan di negara kita ini saya biasa berjumpa dengan seorang pegawai polis yang menjaga bahagian senjata. Saya biasa tanya dia, dia kata sebenarnya dia sendiri boleh buat pistol, senapang dia boleh buat, dia tahu kaedah.

Dia ada *expert* sampai begitu sekali dan kita sentiasa menghantar pegawai-pegawai kita untuk tujuan menambah ilmu dalam bidang ini dan setakat ini kita... Saya yakin dengan pasukan yang sedia ada kita boleh mengawal segala kemungkinan yang akan berlaku di negara kita ini.

Tuan Lee Sing Chooi: Saya ada penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya minta satu cadangan atau permintaan berkenaan dengan prosedur dan juga penguatkuasaan, kita semakan prosedur dan juga penguatkuasaan di negara kita dan juga kerana isu keselamatan sudah *complicated* dan juga *advanced* di negara-negara yang lain. Kita tengok prosedur dan penguatkuasaan mereka itu macam mana, kita tengok rujukan negara yang lain, kita tengok semakan, *benchmarking* kita dengan prosedur kita itu, tengok di mana kah kelemahan-kelemahan yang wujud, selepas itu kita membetulkan. Bolehkah ini dibuat, terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita dari masa ke semasa akan memperketat cara-cara dan kita akan lihat apakah cara yang terbaik untuk kita mengawal apa jua bahan letupan dan sebagainya sebab itu kita membuat pindaan kepada rang undang-undang ini supaya kita memperketat penggunaan dan juga pengedaran daripada supaya benda ini tidak berlaku perkara-perkara yang kita sebutkan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bangkit berkenaan dengan bagaimana kita hendak mengawal atau kita hendak menghapuskan bahan letupan plastik yang tidak bertanda ini. Sebenarnya kita selepas tarikh ini, selepas diwartakan, bahan ini akan kita akan mengguna tenaga daripada pihak polis sendiri untuk menghapuskan segala jenis bahan letupan yang tidak bertanda ini.

Saya rasa itulah di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, jadi saya ucap terima kasih kepada yang telah memberi pandangan dan apa jua perkara-perkara yang kita rasa kebaikan untuk keselamatan negara kita akan ambil kira, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalahnya dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN SEWA BELI (SARAWAK) (PEMANSUHAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007 dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tujuan utama Rang Undang-Undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007 dicadangkan adalah bagi melaksanakan keputusan kerajaan untuk menyediakan satu proses penguatkuasaan yang lebih responsif dalam melindungi kepentingan pihak-pihak kepada perjanjian sewa beli melalui pertukaran peruntukan-peruntukan di bawah Akta Sewa Beli 1997 yang terpakai di seluruh Malaysia termasuklah Negeri Sarawak dan juga mengurangkan kerenah birokrasi memandangkan wujudnya peruntukan-peruntukan undang-undang di bawah Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) Bab 71 yang boleh menimbulkan kesukaran dan kerenggangan dalam proses memasuki perjanjian sewa beli.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan rang undang-undang yang akan dicadangkan adalah berhubung dengan pemansuhan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) Bab 71 dan kuasa pendaftar, warga Jemaah Menteri telah membuat keputusan pada mesyuaratnya yang telah diadakan pada 4 April 2007 agar fungsi dan penguatkuasaan perjanjian Sewa Beli dilaksanakan melalui Akta Sewa Beli 1967 di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengikut waran pertubuhan kementerian ini pada tahun 1990 bagi mentadbir urus Akta Sewa Beli 1167.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, huraian Yang Berhormat panjang lagi kah?

Tuan Hoo Seong Chang: Panjang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya cadangkan supaya Yang Berhormat huraikan besok.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, saya tangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.